KSSR

BAHASA MELAYU TAHUN 6

BAHASA MELAYU

TAHUN 6



RM11.90

ISBN 978-983-49-0266-7

01190

9 789834 902667

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

DBP

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH
KSSR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



RUKUN NEGARA

Bahawasanya Negara Kita Malaysia
mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;

Memelihara cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN

(Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

rukun negara.indd 1 3/17/15 7:42 AM

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

BAHASA MELAYU TAHUN 6

Penulis
Mat Ariffin bin Ismail
Abdul Rahman Kamil bin Abu Naim

Editor
Ruslan bin Abdull Raffar
Mohd Riduwan bin Wahab
Zaiton binti Ismail
Niarwati binti Jepon

Pereka Bentuk
Ahmad Firdaus bin Aliman
Ku Nurul Hidayah binti Ku Abdul Rahman

Ilustrator
Ahmad Nazri bin Ahmad Razali
Syaiful Mannan bin Zainuddin

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KUALA LUMPUR
2019

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku: 0003

KK372-1211-00266-2104
ISBN 978-983-49-0266-7
Cetakan Pertama 2015
Cetakan Keempat 2019
© Dewan Bahasa dan Pustaka 2015

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Penerbit:
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.
Telefon: 03-21479000 (8 talian)
Faksimile: 03-21479643
Laman Web: http://www.dbp.gov.my

Reka Letak dan Atur Huruf:
Percetakan Zainon Kassim Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks: Azim

Saiz Muka Taip Teks: 13 poin

Dicetak oleh:
Aslita Sdn. Bhd.,
No. 19 & 21, Jalan 3/10B,
Spring Crest Industrial Park,
Batu Caves,
68100 Kuala Lumpur.

PENGHARGAAN

Penghasilan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Oleh itu, pihak penerbit dan penulis merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah bersama-sama dalam usaha memberikan sumbangan sehingga buku ini sempurna diterbitkan. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan khusus kepada semua yang berikut:

- Pakar Rujuk Bahasa
  Profesor Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah binti Abdul Karim
- Jawatankuasa Penambahbaikan Pruf Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jawatankuasa Penyemakan Pembetulan Pruf Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka
- Panel Pembaca Luar, Dewan Bahasa dan Pustaka
- Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Bank Negara Malaysia
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
- Yayasan Inovasi Malaysia
- Muzium Seni Asia, Universiti Malaya
- Gamuda Berhad
- Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia
- Sekolah Kebangsaan Rasa, Hulu Selangor, Selangor
- Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Chong Hwa Parit Kadir, Batu Pahat, Johor
- Sekolah Menengah Kebangsaan Pending, Kuching, Sarawak
- Semua pihak yang terlibat secara langsung dalam usaha menjayakan penerbitan buku ini.



KANDUNGAN

Pendahuluan iv
Pengenalan Watak vi

TEMA 1
ISTIMEWANYA KELUARGAKU 1
UNIT 1 Bakat Istimewa 2
UNIT 2 Satu Keluarga Dua Budaya 7
UNIT 3 Jauh di Mata Dekat di Hati 11
Bacaan Luas 15
Pemulihan dan Pengayaan 16

TEMA 2
KESIHATAN MENTAL DAN EMOSI 17
UNIT 4 Minda, Oh, Minda! 18
UNIT 5 Usahlah Stres 23
UNIT 6 Terima Kasih, Cikgu 27
Bacaan Luas 31
Pemulihan dan Pengayaan 32
PENILAIAN 1 33

TEMA 3
KOMUNITI PRIHATIN 37
UNIT 7 Program Sarana 38
UNIT 8 Kelab Alumni 43
UNIT 9 Perkongsian Pintar 47
Bacaan Luas 51
Pemulihan dan Pengayaan 52

TEMA 4
KESELAMATAN DIUTAMAKAN 53
UNIT 10 Selamat dalam Perjalanan 54
UNIT 11 Pastikan Selamat 59
UNIT 12 Fikir Sebelum Klik 63
Bacaan Luas 67
Pemulihan dan Pengayaan 68
PENILAIAN 2 69

TEMA 5
PUPUK PERPADUAN 73
UNIT 13 Formula Perpaduan 74
UNIT 14 Berkat Hidup Sepakat 79
UNIT 15 Perpaduan Memajukan Negara 83
Bacaan Luas 87
Pemulihan dan Pengayaan 88

TEMA 6
SEMANGAT CINTA AKAN NEGARA 89
UNIT 16 Perkasakan Bahasa Kita 90
UNIT 17 Budi yang Baik Dikenang Jua 95
UNIT 18 Bersyukurlah 99
Bacaan Luas 103
Pemulihan dan Pengayaan 104
PENILAIAN 3 105

TEMA 7
INDAHNYA WARISAN KITA 109
UNIT 19 Khazanah Kesenian Bangsa 110
UNIT 20 Warisan Berharga 115
UNIT 21 Indahnya Budaya Kita 119
Bacaan Luas 123
Pemulihan dan Pengayaan 124

TEMA 8
DAMAINYA BUMIKU 125
UNIT 22 Bumiku Sejahtera 126
UNIT 23 Pencinta Alam 131
UNIT 24 Lestarikan Keindahan Alam 135
Bacaan Luas 139
Pemulihan dan Pengayaan 140
PENILAIAN 4 141

TEMA 9
TEROKAI SAINS TERAJUI TEKNOLOGI DAN INOVASI 145
UNIT 25 Keajaiban Sains 146
UNIT 26 Masyarakat Kreatif dan Inovatif 151
UNIT 27 Manfaatkan Kemajuan Teknologi 155
Bacaan Luas 159
Pemulihan dan Pengayaan 160

TEMA 10
SEMARAKKAN PERTANIAN DAN PENTERNAKAN KITA 161
UNIT 28 Hargailah Pokok 162
UNIT 29 Penternakan Moden 167
UNIT 30 Pertanian Sumber Rezeki 171
Bacaan Luas 175
Pemulihan dan Pengayaan 176

TEMA 11
RANCAKKAN EKONOMI KITA 177
UNIT 31 Bersama-sama Menjanakan Ekonomi 178
UNIT 32 Berjiwa Usahawan 183
UNIT 33 Kad dan Diriku 187
Bacaan Luas 191
Pemulihan dan Pengayaan 192
PENILAIAN 5 193

PENDAHULUAN

Buku teks *Bahasa Melayu Tahun 6* ini memfokuskan keseluruhan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Bahasa Melayu. Isi kandungan dalam buku ini merangkumi Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Kementerian Pendidikan Malaysia. Buku ini mengandungi 13 Modul Kemahiran Mendengar dan Bertutur, 11 Modul Kemahiran Membaca dan 13 Modul Kemahiran Menulis. Lapan Modul Seni Bahasa dan 12 Modul Tatabahasa pula menyokong modul tersebut untuk mengukuhkan kecekapan berbahasa dalam kalangan murid.

Setiap SP dalam buku teks Bahasa Melayu ini dijadikan fokus utama sekurang-kurangnya dua kali. Selain itu, terdapat SP yang dijadikan fokus sampingan secara penyerapan untuk menunjukkan penggabungjalinan semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Penggabungjalinan ini membolehkan guru menjalankan pelbagai aktiviti agar murid mendapat ilmu pada setiap sesi pembelajaran.

SP ini disusun bermula daripada kelompok satu hingga kelompok tiga. Pembahagian kelompok ini memudahkan guru membuat pentaksiran selepas proses pengajaran dan pembelajaran. Pembahagian kelompok ini juga menggunakan sistem modular.

Penyusunan SP mengikut urutan bertujuan untuk memudahkan guru menggunakan sistem modular. Semua SP disusun bermula dengan Kemahiran Mendengar dan Bertutur, Kemahiran Membaca, Kemahiran Menulis diikuti dengan Aspek Seni Bahasa dan Aspek Tatabahasa.

Kandungan buku ini dibina berdasarkan 11 tema utama, iaitu:

- **Istimewanya Keluargaku**
- **Komuniti Prihatin**
- **Pupuk Perpaduan**
- **Indahnya Warisan Kita**
- **Terokai Sains Terajui Teknologi dan Inovasi**
- **Rancakkan Ekonomi Kita**
- **Kesihatan Mental dan Emosi**
- **Keselamatan Diutamakan**
- **Semangat Cinta akan Negara**
- **Damainya Bumiku**
- **Semarakkan Pertanian dan Penternakan Kita**

Daripada 11 tema ini, 33 unit pembelajaran telah dihasilkan. Kesemua unit ini disusun mengikut aras pengetahuan sedia ada murid. Unit pembelajaran ini juga disusun secara ansur maju bagi memudahkan murid menguasai ilmu daripada aras mudah hingga aras yang lebih mencabar.


Kandungan yang disediakan dalam buku teks ini berteraskan enam tunjang, iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Literasi Sains dan Teknologi; Fizikal dan Estetika; dan Keterampilan Diri. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif. Tujuannya adalah untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi rohani dan jasmani, mempunyai nilai terhadap alam, berpengetahuan tentang sains dan teknologi serta mampu berkomunikasi dengan kreatif dan kritis.


Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) diberikan penekanan semasa penyediaan kandungan. Elemen ini berupaya untuk melahirkan insan yang dapat mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai murni ketika membuat penaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu.

KBAT dijadikan sebagai proses kitaran pemikiran aras rendah ke pemikiran aras tinggi. Melalui konsep KBAT, murid mampu berfikir secara kreatif, kritis, logik dan metakognitif. Dengan ini, murid mampu memberikan penjelasan, membuat keputusan, menyelesaikan masalah, menginovasi, mencipta dan menghasilkan sesuatu.

Dalam usaha meningkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir ke arah menghasilkan murid berfikiran kreatif dan kritis serta inovatif, bahan dalam bentuk kepelbagaian peta pemikiran disediakan. Antaranya termasuklah Peta Bulatan, Peta Buih, Peta Buih Berganda, Peta Pokok, Peta Dakap, Peta Alir, Peta Pelbagai Alir dan Peta Titi.

Ikon digunakan bagi memudahkan guru menggunakan buku ini. Ikon ini diwujudkan dengan mengambil kira aktiviti yang disediakan oleh penulis. Yang berikut ialah ikon yang digunakan:





Halaman rangsangan diletakkan pada setiap tema. Halaman ini dipersembahkan dalam pelbagai bentuk seperti pantun, gambar, syair, sajak dan permainan. Dengan berpandukan bahan rangsangan ini, guru dapat mencungkil idea murid dan merangsang minat mereka untuk mempelajari halaman yang seterusnya.

Akhir sekali, latihan disediakan dalam bentuk Penilaian 1, Penilaian 2, Penilaian 3, Penilaian 4 dan Penilaian 5. Latihan ini dapat mengukur tahap penguasaan murid terhadap pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan berasaskan buku teks ini. Hal ini membolehkan pentaksiran sekolah dilaksanakan.

Diharapkan segala usaha murni daripada pelbagai pihak dalam penerbitan buku teks ini dapat membantu guru dan murid bagi menjayakan matlamat dan objektif KSSR serta Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

MAT ARIFFIN BIN ISMAIL
ABDUL RAHMAN KAMIL BIN ABU NAIM


Pengenalan Watak
Wakaf Za'ba
Atoi
Pei Shan
Min Li
Izuni
KAMUS PELAJAR
Imran
Sarmeela
Ruben
Amar
Jian Hui
Damrong

TEMA 1

ISTIMEWANYA KELUARGAKU



Hempedu bumi lidah buaya,
Di dalam guni berikat tali;
Biarpun kami berbeza budaya,
Hidup harmoni riang sekali.

Walau dugaan melanda
Walau berbeza budaya
Walau jarak memisahkan kita
Namun
Jalinan kasih keluarga
Tersimpul dalam hati
Abadi dalam jiwa.

Buah pauh buah markisah,
Atas pedati bawa ke desa;
Walaupun jauh kami terpisah,
Namun di hati dekat sentiasa.

Bunga kekwa hiasan bumi,
Di pohon ara tumbuh dedalu;
Sungguh istimewa keluarga kami,
Hidup sejahtera ceria selalu.

Lafazkan pantun dan deklamasikan sajak dengan sebutan dan intonasi yang betul.

UNIT 1

Bakat Istimewa

Mendengar dan Bertutur

Sayangi Keluarga



Aktiviti

- Menyebut pelbagai jenis ayat dan ragam ayat dengan betulnya.

Panduan Guru 1.2.6

- Murid melakonkan dialog.

PK: Nilai Murni – Kasih sayang
Strategi P & P: KB – Mengecam

Ilmu – Pendidikan Moral
KP – Interpersonal

Membaca

Permata Keluargaku


Tahun ini genaplah enam tahun umur adikku, Irfan. Seperti murid prasekolah yang lain, Irfan sudah mula belajar menulis, membaca dan mengira. Irfan sangat rajin dan bersungguh-sungguh semasa belajar. Sebagai abang, aku sering memberikan bimbingan dan tunjuk ajar kepadanya.

Daripada pemerhatianku, pencapaian Irfan dalam pelajaran masih sederhana. Namun begitu, ada keistimewaan yang begitu terserlah pada dirinya. Irfan sangat pandai melukis. Bakatnya dalam bidang lukisan cukup istimewa.

Hampir setiap hari Irfan akan melukis. Setiap hari jugalah Irfan akan meminta aku menilai lukisannya. Apabila melihat hasil kerjanya itu, aku pasti tidak dapat menahan rasa kagumku. "Wah, kreatifnya!" bisik hatiku.

Bagiku Irfan sangat hebat. Dalam usia semuda itu dia mampu menghasilkan lukisan yang bukan calang-calang orang mampu melukisnya. Kadang-kadang, aku berasa malu. Lukisan Irfan jauh lebih cantik dan kreatif daripada lukisanku.

Ayah dan ibu juga sedar akan hal itu. Mereka berusaha untuk menggilap bakat Irfan. Irfan sering dihantar untuk menyertai pertandingan melukis. Irfan juga dimasukkan ke kelas lukisan bagi meningkatkan kemahirannya.



Bakat Irfan mula disedari,
Bakat istimewa sukar dicari,
Rasa gembira tidak terperi,
Anugerah Tuhan kami syukuri.

Nasihat guru Irfan turuti,
Tunjuk ajarnya sentiasa diikuti,
Kuat semangat dan cekal hati,
Tekun berusaha tidak berhenti.

Ibu dan ayah tidak menghalang,
Malah gembira bukan kepalang,
Semoga Irfan terus cemerlang,
Memburu kejayaan gilang-gemilang.

1. Ceritakan bakat istimewa Irfan.
2. Terangkan sikap abang Irfan.
3. Nyatakan usaha ibu bapa Irfan untuk menggilap bakat Irfan.
4. Huraikan usaha yang perlu dilakukan oleh Irfan untuk meningkatkan bakatnya.

Aktiviti

- Menjelaskan pernyataan berdasarkan teks.

Panduan Guru 2.2.3

- Murid membaca dan mengenal pasti ayat yang mengandungi perkataan berimbuhan.

PK: Nilai Murni – Bertanggungjawab
Strategi P & P: KB – Menjanakan idea
Ilmu – Bimbingan dan Kaunseling
KP – Verbal-linguistik

Menulis

Hebatnya Adikku

Rabu, □□ Januari 20□□

8.00 pagi

Para peserta pertandingan melukis termasuk adikku, Irfan, sudah bersedia. Pertandingan melukis akan dimulakan pada bila-bila masa sahaja. Semua peserta termasuk Irfan berkumpul di dalam dewan sekolah. Peralatan melukis seperti pensel, krayon dan kertas lukisan sudah tersedia di depan mata.



Riuh-rendah suasana di kota,
Kota Melaka indah tergambar;
Bersedia sudah para peserta,
Semangat mereka berkobar-kobar.

8.15 pagi

Semua peserta mula melukis. Tema pertandingan melukis itu ialah "Keluarga yang Bahagia". Irfan melukis gambar keluarga kami yang sedang berkelah.



Paku pakis pucuknya lentik,
Pokok pegaga ditimpa dahan;
Irfan melukis sungguhlah cantik,
Gambar keluarga menjadi pilihan.

10.30 pagi

Keputusan pertandingan diumumkan. Irfan telah berjaya mendapat tempat pertama. Lukisannya yang cantik dan kreatif telah menarik perhatian para juri. Kami sekeluarga berasa amat bangga hingga menitiskan air mata kegembiraan.



Sampan dialih mudik ke muara,
Mudik ke muara muatannya pari;
Irfan dipilih menjadi juara,
Kami gembira tidak terperi.

Aktiviti

- Menulis teks secara mekanis dengan betul dan kemasnya.


Panduan Guru 3.2.6

- Murid menulis catatan dan puisi.

PK: Nilai Murni – Kesungguhan
Strategi P & P: KB – Menjanakan idea
Ilmu – Pendidikan Seni Visual
KP – Visual-ruang

Menghasilkan Cerita

Adikku Istimewa



Ini suatu cerita
Adikku yang tercinta
Irfan diberi nama
Bakatnya istimewa.

Irfan bercita-cita
Mahu hidup berjaya
Pelukis yang ternama
Itulah impiannya.

Ibu bapa
Serta keluarga
Membimbing senantiasa
Kala suka
Ataupun duka
Selalu ada bersama.



Irfan tekun berusaha
Tidak berputus asa
Setelah dia dewasa
Impiannya jadi nyata.



Seisi keluarga
Berasa amat bangga
Bersyukur dan gembira
Atas anugerah-Nya.

(Irama lagu "Pak Pung Pak Mustafe"
atau irama lain yang bersesuaian)

Aktiviti

- Menghasilkan cerita dengan berpandukan seni kata lagu.

Panduan Guru 4.1.1

- Murid bernyanyi dengan berdasarkan seni kata lagu.

PK: Nilai Murni – Kerajinan
Strategi P & P: KB – Mencipta

Ilmu – Pendidikan Muzik
KP – Muzik

Seronoknya Keluarga Amar

Keluarga Amar sering melakukan aktiviti rekreasi pada hujung minggu dan musim cuti sekolah. Baru-baru ini, mereka berkunjung ke Hutan Lipur Lata Bayu, Baling, Kedah.

Encik Zakaria memandu .









Perkelahan tersebut bukan sahaja menggembirakan tetapi juga mengeratkan hubungan kekeluargaan. Amar dan Irfan berasa sungguh seronok kerana dapat beriadah bersama-sama dengan keluarga.

Inti Bahasa

Contoh kata nama am:
kereta, budak, pokok, ayam

Contoh penjodoh bilangan:
ekor, buah, gugus, potong

Aktiviti

- Bercerita dengan menggunakan kata nama am dan penjodoh bilangan yang betul.

Panduan Guru 5.1.1

- Murid memahami teks dan gambar.

PK: Nilai Murni – Menghargai masa
Strategi P & P: KB – Menghubungkaitkan
Ilmu – Pendidikan Alam Sekitar
KP – Naturalis

UNIT 2

Satu Keluarga Dua Budaya

Mendengar dan Bertutur

Uniknya Keluargaku



Aktiviti

- Memberikan respons terhadap ayat perintah dengan betulnya.

Panduan Guru 1.3.1

- Murid melakonkan dialog.

PK: Nilai Murni – Hormat-menghormati
Strategi P & P: KB – Mengecam
Ilmu – Sosiobudaya
KP – Interpersonal

Membaca

Rahsia Kebahagiaan



Keluarga saya mengamalkan dua budaya yang berbeza, iaitu budaya India dan budaya Cina. Walau bagaimanapun, hal ini tidak mendatangkan masalah kepada kami. Keluarga kami hidup bahagia. Kami dilimpahi kasih sayang.

Apakah rahsianya? Rahsia kebahagiaan hidup kami ialah sikap toleransi dan saling memahami. Jika kami dilanda masalah, kami hadapinya bersama-sama, bak kata pepatah, "bukit sama didaki, lurah sama dituruni".

Keluarga kami sungguh harmoni. Walaupun ibu dan ayah saya berlainan bangsa, mereka saling mengasihi. Sudah hampir 15 tahun usia perkahwinan mereka. Perbezaan budaya dan agama tidak merenggangkan kasih sayang mereka. Ikatan kasih sayang antara mereka juga bertambah erat dari hari ke hari.

Saya berasa amat bertuah. Hidup dalam keluarga yang berkongsi budaya banyak keistimewaannya. Sebagai contoh, pelbagai bahasa dapat saya kuasai. Saya fasih bertutur dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Tamil dan bahasa Mandarin. Saya juga dapat bergaul mesra dengan rakan yang berbilang bangsa. Kami menghormati dan mengunjungi antara satu dengan yang lain.

Aktiviti

- Membaca teks yang mengandungi pelbagai jenis ayat dan ragam ayat.

Panduan Guru 2.3.1

- Murid membaca petikan teks dan perbualan.

PK: Nilai Murni – Kasih sayang
Strategi P & P: KB – Mengecam
Ilmu – Sosiobudaya
KP – Interpersonal

Menulis

Sambutan Ulang Tahun Perkahwinan

Hadirin yang saya hormati,

Terima kasih saya ucapkan kerana sudi hadir ke majlis ini.

Kami berasa gembira dan berbesar hati kerana kehadiran kalian telah menambahkan kemeriahan majlis ini.

Terima kasih atas pemberian hadiah dan kad ucapan. Pemberian ini cukup bermakna kepada ibu dan ayah saya.

Doakanlah kami sekeluarga agar bahagia sentiasa.

Saya akhiri ucapan ini dengan sajak yang bertajuk "Bicara Hatiku". Sekian, terima kasih.

Bicara Hatiku

Dengarlah
Hatiku berbicara
Tentang kasih
Tentang cinta
Padamu ibu
Padamu ayah.

Kasihku
Seluas lautan
Tak bertepian
Setinggi bintang
Tak tercapai tangan
Terpahat di hati
Kekal abadi.

Anakmu, Ruben



Aktiviti

- Menulis teks ucapan dan sajak dalam bentuk tulisan berangkai dengan betul dan kemasnya.

Panduan Guru 3.2.7

- Murid meneliti bahan.

PK: Nilai Murni – Kesyukuran
Strategi P & P: KB – Menghubungkaitkan
Ilmu – Sosiobudaya
KP – Interpersonal

Mengubah Suai Seni Kata Lagu

Lagu Keluargaku

Keluarga saya, keluarga saya
Unik sekali — 2 kali
Berbeza budaya
Tetapi hidup harmoni — 2 kali

Keluarga saya, keluarga saya
Ceria sekali — 2 kali
Hidup bahagia
Gembira tidak terperi — 2 kali

Keluarga saya, keluarga saya
Sopan sekali — 2 kali
Berbudi bahasa
Tak suka meninggi diri — 2 kali

Enggang sama enggang
Pipit makan sagu
Sayang sungguh sayang
Sayang keluargaku

(Irama lagu "Jingli Nona" atau irama lain yang bersesuaian)

Keluarga Saya

Keluarga saya, keluarga saya
Rajin sekali



Aktiviti

- Mengubah suai seni kata lagu.

Panduan Guru 4.1.2

- Murid mempersembahkan seni kata lagu melalui nyanyian.

PK: Nilai Murni – Kasih sayang
Strategi P & P: KB – Mencipta

Ilmu – Pendidikan Muzik
KP – Muzik

UNIT 3

Jauh di Mata Dekat di Hati

Mendengar dan Bertutur

Rindu akan Keluarga



Jian Ling : Hai, Jian Hui! Apa khabar?
Jian Hui : ____. Bagaimanakah cuaca di Glasgow?
Jian Ling : ____. Ayah dan ibu di mana? Tolong panggilkan mereka, Jian Hui.
Jian Hui : ____.
Jian Ling : Siapakah yang datang?
Jian Hui : ____. Kakak hendak bercakap dengan ayah dan ibu?
Jian Ling : ____.
Jian Hui : Kakak akan pulang bila?
Jian Ling : Kakak akan pulang pada hujung bulan ini. Peperiksaan akhir semester kakak akan selesai tidak lama lagi. Tidak sabar rasanya hendak pulang ke Malaysia. Kakak terlalu merindui kamu dan kaum keluarga di sana. Bagaimanakah dengan pelajaran kamu?
Jian Hui : ____.

Aktiviti

- Memberikan respons terhadap ayat tanya dengan betulnya.

Panduan Guru 1.3.2

- Murid mendengar dan memahami perbualan.

PK: Nilai Murni – Kasih sayang
Strategi P & P: KB – Menjanakan idea
Ilmu – Pendidikan Moral
KP – Interpersonal

Membaca

Ruang Sembang

Corat-coret dari Glasgow

Jian Ling

Jian Ling
Lain sungguh rasanya apabila berada di rantau orang. Kehidupan di sini amat berbeza. Banyak perkara yang perlu dipelajari untuk menyesuaikan diri. Walau bagaimanapun, kehidupan saya di sini baik dan selesa.

Jian Hui
Kakak, ceritakanlah perihal bandar raya Glasgow.


Clyde Auditorium

Jian Ling
Bandar raya Glasgow sangat moden dan cantik. Bandar raya ini merupakan bandar raya yang terbesar di Scotland. Sistem pengangkutan di sini sangat maju. Tidak sukar untuk bergerak ke sana sini. Setakat ini, kakak telah melawat ke beberapa destinasi menarik seperti Glasgow Science Centre, Clyde Auditorium dan Pusat Beli-belah Glasgow Fort. Tempat-tempat ini sering dikunjungi pelancong.


Glasgow Science Centre

Jian Hui
Wah, seronoknya! Terdapat banyak tempat menarik di sana, sama seperti negara kita. Apabila pulang nanti, saya mahu mendengar semua pengalaman kakak. Jangan lupa bawa buah tangan untuk saya.

Jian Ling
Sudah tentu. Aduhai, rindunya kakak akan keluarga di Malaysia! Masakan enak ibu tercinta, gelak tawa ayah dan gurau senda kita, semuanya jelas terbayang di ruang mata.

Jian Hui
Kami pun begitu juga, setiap hari merindui kakak.

Maklumat !
Glasgow Science Centre terletak di Clyde Waterfront, Glasgow Scotland. Pusat sains ini telah dirasmikan oleh Ratu Elizabeth II pada 5 Jun 2001. Pusat ini menjadi tarikan kepada pengunjung kerana menyediakan pelbagai aktiviti sains yang menarik. Antara tarikan utama di pusat ini termasuklah pameran interaktif dan pertunjukan sains yang hebat. Selain itu, pusat ini turut menyediakan sebuah planetarium dan panggung IMAX.

Aktiviti

- Membaca teks yang mengandungi ayat tunggal dan ayat majmuk secara mekanis.

Panduan Guru 2.3.2

- Murid membaca dan memahami teks.

PK: Nilai Murni – Kasih sayang
Strategi P & P: KB – Mengecam
Ilmu – TMK
BCB – Bacaan luncuran

Menulis

Kepulanganku

Kapal terbang yang dinaiki Jian Ling terbang tinggi di angkasa. Dalam tempoh lima jam lagi, Jian Ling akan menjejakkan kaki di tanah airnya semula.

Sepanjang penerbangan itu, Jian Ling tidak dapat melelapkan mata. Kerinduannya terhadap kaum keluarga di Malaysia kian membara. Wajah ibu bapanya yang amat dikasihi sering menjelma dalam ingatan. Besar sungguh pengorbanan mereka kepadanya. Kejayaan yang dicapainya pada hari ini merupakan hasil asuhan dan titik peluh mereka.

Fikirannya terus melayang jauh. Wajah adiknya, Jian Hui, pula muncul dalam ingatan. Gurau senda mereka membuatkan Jian Ling tersenyum sendirian.





Berapa lamakah masa yang diambil oleh Jian Ling untuk tiba di tanah air dengan menggunakan perkhidmatan kapal terbang? Buat penyelidikan dan jelaskan jawapan kamu.

Aktiviti

- Menulis perkataan dan frasa secara imlak dengan tepatnya.

Panduan Guru 3.4.1

- Murid meneliti dan memahami bahan.

PK: Nilai Murni – Kasih sayang
Strategi P & P: KB – Menyelesaikan masalah
Ilmu – Kepenggunaan
KMD – Mengumpul Maklumat



Kata Nama Khas

Malam Jalinan Kasih

Malam Jalinan Kasih

Tarikh : □□ Januari 20□□
Masa : 7.30 malam hingga 10.30 malam
Tempat : Dewan Seri Rakyat

Senarai Undangan Khas

1. Tan Sri Azman bin Alif
2. Datuk Koh Lian Seng
3. Dato' Zainal bin Arif
4. Mejar (B) Alias bin Ali
5. Tuan Haji Jamal bin Hasan
6. Encik Suresh a/l Vairavan
7. Puan Chai Mei Hwa
8. Cik Norehan binti Isa

Atur Cara

7.30 malam : Ketibaan para undangan
8.00 malam : Ucapan alu-aluan
8.30 malam : Deklamasi Sajak "Jalinan Kasih"
8.40 malam : Jamuan
9.30 malam : Tayangan video
10.30 malam : Majlis bersurai

Menu

Nasi Beriani Ayam Jalinan Kasih
Jus Mangga Harum Manis
Acar Buah Puteri
Kek Coklat Warisan Bonda
Bubur Jagung Malaysia
Salad Kasihku Abadi



Bagi meraikan kepulangan kakaknya, keluarga Jian Hui telah mengadakan majlis makan malam.



Aktiviti

- Menulis cerita dengan menggunakan kata nama khas dengan betulnya.



Panduan Guru 5.1.2

- Murid membaca teks dan meneliti peta.

PK: Nilai Murni – Kesyukuran
Strategi P & P: KB – Mencipta
Ilmu – Kemasyarakatan
KP – Pembelajaran Konstruktivisme

Bacaan Luas

Pelukan Keluarga

"Ayah!" jerit Syukri sambil tersenyum riang. Dia berdiri di muka pintu untuk menyambut kepulangan ayahnya. Encik Murad yang baru sahaja tiba di rumah segera memeluk anaknya itu dengan eratnya. Pada ketika itu, perasaannya cukup bahagia. Pelukan anak bongsunya itu telah menghilangkan penat lelahnya bekerja dengan serta-merta.

Sedutan kisah yang dipaparkan ini membuktikan betapa istimewanya pelukan orang tercinta. Pelukan antara ayah dengan anak atau adik dengan abang, misalnya dapat membangkitkan perasaan kasih sayang. Hakikatnya, amalan ini dapat menyemarakkan rasa cinta, mengeratkan hubungan serta mengukuhkan keharmonian institusi keluarga.

Tanpa kita sedari, pelukan keluarga mempunyai banyak kelebihannya. Kajian mendapati bahawa pelukan akan mengurangkan tekanan emosi, merendahkan tekanan darah serta mengurangkan risiko serangan penyakit jantung. Secara saintifiknya, pelukan akan meningkatkan hormon kesihatan jantung dan mengurangkan hormon kortisol, iaitu hormon yang menyebabkan stres dan meningkatkan tekanan darah.

Kajian oleh seorang pakar psikologi mendapati bahawa pelukan keluarga dapat meningkatkan jangka hayat seseorang. Pelukan sekurang-kurangnya 10 saat setiap hari dapat memanjangkan usia seseorang untuk tempoh lima tahun.

Selain itu, ada juga kajian yang membuktikan bahawa pelukan dapat memberikan impak positif kepada manusia. Menurut pakar fisioterapi, setiap individu memerlukan sekurang-kurangnya empat pelukan sehari. Lapan pelukan sehari dapat meningkatkan kesihatan, manakala 12 pelukan sehari dapat menjadikan seseorang itu awet muda.

Sehubungan dengan itu, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah melancarkan Kempen Pelukan Keluarga 10 Saat pada sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan 2014. Kempen itu bertujuan untuk menyemarakkan perasaan kasih sayang dan kebahagiaan dalam kalangan anggota keluarga. Selain itu, masyarakat juga diberi kesedaran tentang manfaat pelukan keluarga kerana amalan tersebut dapat merapatkan hubungan kekeluargaan, meningkatkan kesihatan sekali gus mewujudkan keluarga bahagia.

LPPKN

Diubah suai daripada rencana "Pelukan 10 Saat" dalam *Berita Harian*, 24 Februari 2015

Pemulihan

Kenal pasti dan tulis kata nama khas dengan betulnya.

Husin	keluarga	Chuan Seng	bahagia
pak cik	Jalan Beringin	Si Jambul	nenek
halaman	Taman Mahkota	Sathiya	Klinik Nathan

Pengayaan

Bina perkataan berdasarkan suku kata dan gambar yang diberikan. Kemudian, jadikan perkataan tersebut kata nama khas. Seterusnya, bina ayat daripada kata nama khas tersebut.



ta__



ru__




de__



__cil



__tor



__mus



res__



ja__



__gu



__tai

Contoh

Suku Kata	Perkataan		Kata Nama Khas
ta	taman	⇨	Taman Kencana
ru	rumah	⇨	Rumah Melaka

Amar dan keluarganya tinggal di **Taman Kencana**.
Ukiran pada **Rumah Melaka** sungguh cantik.

TEMA 2

KESIHATAN MENTAL DAN EMOSI

Fikiran yang sihat dapat diserlah,
Perlu dijana usah mengalah,
Elak terganggu ditimpa masalah,
Jauhi tekanan dan rasa bersalah.



Perasaan kita perlu dijaga,
Elakkan tekanan tidak terduga,
Semasa di sekolah di rumah juga,
Suasana tenang amat berharga.



Otak kita khazanah kita,
Nilainya tinggi amatlah nyata,
Setiap indera dikawal sekata,
Kiri dan kanan sudah terpeta.





Perasaan kita sering terduga,
Tindakan kita samalah juga,
Kaunselor ditemui tanpa curiga,
Agar dirimu sentiasa terjaga.



Emosi sihat kita selesa,
Lakukan senaman setiap masa,
Minda sihat jiwa perkasa,
Fikiran dan emosi tenang sentiasa.

Dendangkan syair dan ceritakan gambar.

Mendengar dan Bertutur


Ceramah Pengurusan Minda

Tajuk: Minda Sihat Emosi Stabil Tindakan Tepat

Tarikh : □□ Februari 20□□
Masa : 8.00 pagi
Tempat : Dewan Sekolah Kebangsaan Taman Kencana

Penceramah : Dr. Alia binti Osman
Guru Bimbingan dan Kaunseling





Izuni, sekolah kita akan mengadakan ceramah tentang pengurusan minda. Oleh itu, tolong sampaikan pesanan saya kepada Sarmeela. Buat persediaan awal dengan melayari Internet untuk mendapatkan maklumat tentang pengurusan minda. Seterusnya, sampaikan pesanan saya kepada Jega. Sila hias dewan dengan beberapa keping poster tentang kesihatan minda dan emosi. Akhir sekali, suruh Siew Mei dan Amar kumpulkan soalan daripada kawan-kawan untuk diajukan kepada penceramah. Kemudian, letakkan soalan tersebut di atas rostrum.


Baiklah, cikgu. Saya akan menyampaikan pesanan itu.

Sarmeela, Cikgu Mazidah berpesan, ____ .

Siew Mei dan Amar, ____ .

Jega, ____ .

Terima kasih.



Baiklah.

Aktiviti

- Memberikan respons dan menyampaikan pesanan dengan bahasa yang santun.

Panduan Guru 1.3.3

- Murid mendengar dan memahami maklumat.

PK: Nilai Murni – Amanah
Strategi P & P: KB – Menganalisis

Ilmu – Pendidikan Kesihatan
KP – Interpersonal

Membaca

Minda dan Emosi yang Sihat

Selamat pagi warga Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Kupang. Saya akan menyampaikan ceramah yang bertajuk "Minda Sihat Emosi Stabil Tindakan Tepat".

Apakah minda dan emosi? Minda ialah keupayaan otak kita untuk berfikir, mengawal pergerakan, mentafsir maklumat seperti bau, dengar dan rasa. Emosi pula ialah perasaan. Apakah faedahnya jika minda sihat dan emosi stabil?

Hadirin yang saya muliakan,
Minda dan emosi yang sihat membantu kita membuat pertimbangan yang positif. Oleh itu, kesilapan semasa membuat keputusan tidak akan berlaku.

Selain itu, kita tidak akan cepat berasa marah jika emosi dapat dikawal. Lantaran itu, perhubungan dengan rakan-rakan akan sentiasa mesra.

Individu yang mempunyai minda yang sihat juga dapat menghadapi sesuatu musibah dengan tenangnya. Kita mampu mengawal perasaan sedih supaya tidak berpanjangan.

Di samping itu, perasaan takut dapat dihindari semasa menghadapi tekanan. Kita berasa selesa dan yakin. Contohnya, kita tidak akan mendiamkan diri semasa perbincangan di dalam kelas.

Akhir sekali, kita dapat tidur dengan nyenyaknya. Kita tidak akan mengantuk semasa menjalani aktiviti kurikulum dan kokurikulum. Oleh itu, prestasi pelajaran dan aktiviti luar bilik darjah kita sentiasa cemerlang.

Saya berharap agar semua murid mendapat manfaat daripada ceramah yang saya sampaikan ini.

Kesimpulannya, jika minda sihat dan emosi kita stabil, kita _____.

Sekian, terima kasih.

Aktiviti

- Membuat ulasan berdasarkan teks dengan tepatnya.

Panduan Guru 2.4.1

- Murid mengenal pasti maklumat tersurat dan tersirat.

PK: Nilai Murni – Kebersihan mental
Strategi P & P: KB – Mensintesis

Ilmu – Pendidikan Kesihatan
Pembelajaran Konstruktivisme

Menulis

Otak Manusia

Fungsi Otak



- berfikir
- membuat kesimpulan




•



•

Cara Mencerdaskan Otak










Izuni, sudahkah kamu membina kerangka untuk menulis karangan tentang otak kita?



.

Otak Kita	Aku Sebagai Otak Manusia
Setiap orang mempunyai otak. Otak terletak di dalam kepala kita.	Aku otak manusia. Aku terletak di dalam kepala.

Aktiviti

- Membina kerangka dan menulis karangan jenis autobiografi dan fakta.

Panduan Guru 3.3.4

- Murid mengenal pasti isi berdasarkan bahan untuk membina kerangka karangan.

PK: Nilai Murni – Kebersihan fizikal dan mental
Strategi P & P: KB – Menjanakan idea

Ilmu – Pendidikan Kesihatan
Pembelajaran Konstruktivisme

Mengujarkan Cerita

Rahsia Sarapan

Sayup-sayup kedengaran kokokan ayam. Dengan wajah yang ceria, Izuni bingkas daripada tidurnya. Selepas mandi dan mengemas bilik tidur, dia menuju ke dapur. Dia lantas mendapatkan ibunya yang tersayang.

"Ibu, apakah sarapan kita hari ini?" tanya Izuni sambil mencium pipi ibunya. Izuni menarik kerusi kayu jati di ruang tamu rumahnya. Dengan sopannya, Izuni duduk di sisi ibunya.

"Ibu menyediakan sarapan yang berkhasiat untuk anak tunggal ibu. Inilah kek pisang yang kamu suka," jawab ibu Izuni.

"Wah, sedapnya kek pisang hasil air tangan ibu!" ujar Izuni.

"Pisang mempunyai karbohidrat yang tinggi. Karbohidrat itu akan merangsang paras glukos dan mikronutrien di dalam otak kamu. Pisang dapat menjadikan otak kamu bergeliga dan bijak seperti pendeta. Pisang juga memberikan kesan yang positif kepada otak agar kita lebih fokus dan peka terhadap pelajaran," jelas ibu Izuni, seorang pakar pemakanan.

"Sedapnya susu ini," kata Izuni selepas menghirup susu yang suam-suam kuku.

"Susu mengandungi kalsium, magnesium dan potasium. Susu juga dapat meningkatkan memori dan fungsi kognitif kamu. Itulah sebabnya ibu menghidangkan susu kepada kamu," jelas ibu Izuni.

"Inilah rahsia kamu selalu cemerlang dalam peperiksaan, iaitu sentiasa bersarapan," ujar ibu Izuni sambil tersenyum lebar.

"Terima kasih, ibu kerana mengambil berat tentang pemakanan saya," balas Izuni sambil memeluk ibu dengan eratnya.

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia



Aktiviti

- Mengujarkan cerita dengan sebutan yang jelas dan intonasi yang betul.

Panduan Guru 4.2.1

- Murid membaca dan memahami cerita serta mengecam bahasa yang indah.

PK: Nilai Murni – Bertanggungjawab
Strategi P & P: KB – Mengecam
Ilmu – Pendidikan Kesihatan
KP – Verbal-linguistik

Kata Ganti Nama

Kawal Minda semasa Bermain





Inti Bahasa

Kata ganti nama ialah perkataan yang digunakan untuk menggantikan nama diri dan nama tunjuk.

Contoh kata ganti nama diri:
kami, kita, kamu, mereka, kalian

Contoh kata ganti nama tunjuk:
sini, situ, sana, ini, itu

Aktiviti

- Menggunakan kata ganti nama diri dan kata ganti nama tunjuk dalam perbualan.

Panduan Guru 5.1.3

- Murid mengenal pasti kata ganti nama.

PK: Nilai Murni – Rasional
Strategi P & P: KB – Menghubungkaitkan
Ilmu – Pendidikan Kesihatan
Pembelajaran Kontekstual


UNIT 5

Usahlah Stres

Mendengar dan Bertutur

Atasi Stres





Sekawan keli sekawan kelah,
Dari lata berenang ke muara;
Elakkan diri daripada masalah,
Hidup kita tenang gembira.

Cikgu Selvi : Sudahkah kamu membaca maklumat pada poster dan majalah di bilik kaunseling, Asha?
Asha : Sudah, cikgu.
Cikgu Selvi : Bagaimanakah kita dapat atasi stres?
Asha : _____.
Cikgu Selvi : Tolong jelaskan pengajaran daripada pantun itu, Asha.
Asha : _____.
Cikgu Selvi : Asha, pada pendapat kamu, apakah kesan jika kita bijak mengawal stres?
Asha : _____.

Semasa menunggu bas untuk pulang, Asha berbual-bual dengan Ruben tentang cara mereka mengatasi stres.

Asha : _____.
Ruben : _____.

Aktiviti

- Bertutur dalam pelbagai situasi dengan menggunakan ayat yang gramatis secara bertatasusila.

Panduan Guru 1.4.1

- Murid melayari Internet untuk mencari maklumat tentang punca stres.

PK: Nilai Murni – Rasional
Strategi P & P: KB – Menghubungkaitkan
Ilmu – Pendidikan Kesihatan
KP – Verbal-linguistik

Membaca

Kenali Kemurungan

Kenali Kemurungan

Kadangkala, kita terlihat orang bercakap seorang diri di tempat-tempat awam. Mereka ini mungkin mengalami masalah gangguan mental. Banyak punca yang menyebabkan gangguan mental ini boleh berlaku kepada seseorang. Antara puncanya termasuklah kemurungan.

Kemurungan atau *depression* merupakan suatu penyakit psikologi yang melibatkan tekanan perasaan yang serius. Penyakit ini sukar diketahui oleh orang ramai semasa pesakit menghadapinya. Mereka masih dapat bergaul dengan anggota masyarakat seperti biasa.

Pesakit kemurungan mudah merasai kesedihan dan kepiluan yang amat teruk walaupun perkara itu tidaklah membimbangkan. Pesakit akan menangis jika memikirkan sesuatu masalah dalam kehidupannya. Kesannya, pesakit akan menyendiri.

Seterusnya, pesakit mudah kecewa. Pesakit sukar berasa gembira walaupun mendapat berita yang menggembirakan. Pesakit akan putus harapan dan hilang semangat dalam kehidupan seharian.

Selain itu, pesakit berasa bahawa kehidupan mereka sunyi dan kosong. Mereka tidak suka diganggu oleh kawan-kawan atau orang lain. Mereka akan berusaha untuk menyisihkan diri mereka dan menjadi seperti kera sumbang.

Akhirnya, kemurungan yang berlarutan dapat memberikan implikasi yang buruk. Kemurungan ini akan mengganggu kesihatan emosi dan mental, malahan fungsi fizikal dan interaksi sosial pesakit turut terganggu.

Oleh itu, rawatan perubatan dan bantuan psikoterapi atau kaunseling perlu diberikan kepada mereka yang terlibat.



Damrong, sebagai rumusannya, tanda-tanda kemurungan _____. Bantuan khidmat kaunseling perlu diberikan kepada pesakit kemurungan kerana _____.

Aktiviti

- Membuat rumusan berdasarkan teks.

Panduan Guru 2.4.2

- Murid membaca dan mengenal pasti maklumat yang tersurat dan tersirat.

PK: Nilai Murni – Kebersihan mental
Strategi P & P: KB – Mengitlak

Ilmu – Pendidikan Kesihatan
Pembelajaran Konstruktivisme

Menulis

Kesan Stres kepada Manusia

Pada suatu hari, Cikgu Selvi berjalan ke arah kantin sekolahnya. Beliau terpandang Asha yang sedang membaca sebuah rencana bertajuk "Mengawal Tekanan" Beliau tertarik dengan tajuk cerita itu.

"Selamat pagi, Asha apakah maklumat yang menarik dalam rencana itu!" Asha tersentap apabila namanya disapa oleh Cikgu Selvi. Asha tersenyum kepada cikgunya. "Oh, Cikgu, selamat pagi," jawab Asha. "Maklumat dalam rencana ini tentang stres, cikgu."

Asha selepas itu mula becerita kepada Cikgu Selvi. Rencana itu menceritakan tentang stres yang akan menganggu fizikal manusia. Kita boleh mengetahui seseorang itu stres dengan melihat perubahan sifat dan fizikalnya.

Seseorang yang mengalami stres, akan mudah sakit kepala. Sakit kepala jika menghadapi sedikit masalah sahaja. Sakit kepala menserang mereka tidak mengira waktu dan keadaan cuaca.

'Oh! begitu,' balas Cikgu Selvi dan terus mendengar penerangan daripada Asha. Apabila seseorang itu stres, mereka akan sakit dada. Mereka sukar bernafas atau bernafas secara tidak setabil. Asha memberikan penerangan dengan tekunnya.

"Cikgu selalu berasa letih atau tidak?" Tanya Asha kepada Cikgu Selvi. "Kadang-kadang," jawab Cikgu Selvi dengan ringkasnya. Jika seseorang stres, mereka mudah merasa letih. Mereka akan berasa amat lemah untuk menbuat sesuatu pekerjaan dan aktiviti.

Akhir sekali, kesan stres terhadap seseorang amat berbahaya iaitu mudah diserang darah tinggil dan sakit jantung. Jadi, stres amat merbahaya kepada fizikal kita.


Rencana

Oleh: Azwan Iskandar

Mengawal Tekanan

Bulan September kembali lagi. Bulan ini merupakan bulan yang agak mendesak bagi adik yang bakal menduduki peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR). Bagi adik yang telah membuat persediaan bermula dari awal tahun sudah tentu tidak akan berhadapan dengan masalah. Walau bagaimanapun, pada keluaran ini *DP* ingin berkongsi dengan adik tentang tekanan dan cara mengawalnya agar adik dapat menghadapi peperiksaan dengan tenang. Ayuh teruskan pembacaan.

Tanda Seseorang Tertekan

Apabila seseorang itu lebih suka menyendiri dan tidak suka bergaul dengan rakan yang lain, itu tandanya bahawa individu tersebut sedang mengalami tekanan. Terdapat juga individu yang mengalami masalah kesukaran untuk tidur pada waktu malam (insomnia). Selain itu, ada individu yang hilang selera makan secara tiba-tiba. Perubahan yang ketara dapat dilihat dalam diri adik sekiranya adik mengalami tekanan perasaan. Contohnya, adik akan berasa bimbang, tidak ceria dan kadangkala mudah marah hanya disebabkan oleh perkara remeh. Adik juga tidak dapat menumpukan perhatian di dalam kelas kerana memikirkan masalah tersebut.

Apakah Tekanan?

Pernahkah adik mengalami tekanan atau stres menjelang musim peperiksaan? Tekanan merupakan gangguan emosi dari segi pemikiran dan keadaan fizikal seseorang. Hal ini berlaku disebabkan oleh otak manusia menerima sesuatu di luar kemampuan atau kebiasaan seseorang. Apabila adik mengalami tekanan, jantung akan berdegup dengan lebih kencang, pernafasan pula menjadi semakin laju, seterusnya meningkatkan tekanan darah. Jika tidak dikawal, tekanan akan menyebabkan adik mengalami masalah kemurungan, kegelisahan dan berusa terancam.

Punca Tekanan

Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan adik mengalami tekanan. Antaranya termasuklah apabila adik akan menghadapi sesuatu ujian atau peperiksaan. Selain itu, tekanan juga berpunca daripada kurangnya

4 DEWAN PELAJAR BIL. 9/2014

Aktiviti

- Memurnikan teks.

Panduan Guru 3.8.2

- Murid membaca dan mengedit teks dari segi ejaan, tanda baca, kosa kata, imbuhan dan struktur ayat.

PK: Nilai Murni – Kebersihan mental
Strategi P & P: KB – Menganalisis
Ilmu – Pendidikan Kesihatan
BCB – Mencatat nota

Mengujarkan Cerita


Keresahan Sang Kancil

Pada suatu hari, Sang Kancil berlumba lari dengan Sang Rangkak. Sang Kancil telah tewas dalam perlumbaan itu.

Sejak hari itu, Sang Kancil mengalami tekanan perasaan. Fikirannya mulai terganggu. Sang Kancil mudah berasa marah dan tidak seceria dahulu.

Selain itu, daya tumpuan Sang Kancil semakin berkurang. Sang Kancil tidak dapat membuat sesuatu tindakan secara berkesan. Fikiran Sang Kancil berkecamuk dan hatinya selalu gundah-gulana.

Akibatnya _____.



Lantaran itu, Sang Kancil berjumpa dengan Sang Belang, raja di rimba, untuk mendapatkan buah fikiran. Sang Belang menasihati Sang Kancil supaya menerima kekalahan itu dengan hati terbuka.

"Usahlah memikirkan perkara itu lagi. Sentiasalah berlapang dada agar perkara yang menyebabkan stres itu hilang daripada kotak fikiran kamu," nasihat Sang Belang.

Setelah mendengar nasihat daripada Sang Belang, Sang Kancil _____.

Aktiviti

- Mengujarkan cerita untuk menyampaikan idea.

Panduan Guru 4.2.2

- Murid bercerita dengan sebutan dan intonasi yang betul.

PK: Nilai Murni – Rasional
Strategi P & P: KB – Menghubungkaitkan
Ilmu – Pendidikan Moral
KP – Verbal-linguistik

Mendengar dan Bertutur

Semangat Juang



Dato' Hasan : ____ Tarmizi, tolong jelaskan faktor kemenangan peserta kita dalam pertandingan syarahan.
Cikgu Tarmizi : ____.
Dato' Hasan : Siapakah yang terlibat melatih peserta sekolah kita?
Cikgu Tarmizi : ____.
Guru Besar : Bagaimanakah dapat kita mengekalkan kemenangan ini, ____?.
Cikgu Tarmizi : ____ dengan ____.
Dato' Hasan : Cikgu Tarmizi telah mengadakan kem motivasi kepada peserta dan jurulatih?
Cikgu Tarmizi : Ya, ____.
Dato' Hasan : Apakah pengisian yang diberikan kepada mereka?
Cikgu Tarmizi : ____.

Aktiviti

- Berbual dengan menggunakan kata gelaran.

Panduan Guru 1.4.2

- Murid mengenal pasti kata gelaran berdasarkan gambar dan teks.

PK: Nilai Murni – Bekerjasama
Strategi P & P: KB – Menganalisis
Ilmu – Pendidikan Moral
KP – Verbal-linguistik



Membaca

Dilema Amar

Amar seorang murid yang pintar dan aktif di Sekolah Kebangsaan Taman Kencana. Oleh itu, Amar menjadi murid contoh dan idola dalam kalangan kawannya. Tidak hairanlah namanya sentiasa meniti di bibir guru dan murid di sekolah itu.

Pada awal tahun, Amar telah dipilih menjadi ketua platun pasukan kawad kaki. Dia menjalani latihan kawad kaki bersama-sama dengan kawannya setiap petang Rabu. Kedengaran suaranya memecah kesunyian petang apabila dia memberikan arahan kepada peserta kawad kaki.

Selain itu, Amar juga pemain bola sepak sekolah. Dia dan kawannya berlatih dengan bimbingan Cikgu Syafik. Kehebatan Amar mengawal dan menggelecek bola serta ketenangannya semasa bermain persis legenda bola sepak negara, iaitu Mokhtar Dahari. Lantaran itu, dia menjadi ayam tambatan pasukannya dan dipilih sebagai ketua pasukan.

Pada suatu pagi, Amar bertembung dengan Guru Penolong Kanan Kokurikulum di muka pintu pagar sekolah. Amar telah diminta oleh Guru Penolong Kanan Kokurikulum ke biliknya.

"Amar, tarikh pertandingan kawad kaki peringkat daerah telah dipinda. Tarikh baharunya sama dengan tarikh perlawanan bola sepak. Kamu haruslah memilih sama ada mahu bermain bola sepak atau menyertai kawad kaki," kata Guru Penolong Kanan Kokurikulum itu. Kata-kata itu masih terngiang-ngiang dalam fikirannya dan menyebabkan Amar dalam dilema.

Dia buntu untuk membuat pilihan dan fikirannya berkecamuk. Dia sering termenung memikirkan perasaan Cikgu Syafik dan jurulatih kawad kaki jika dia menolak satu daripadanya. Selain itu, dia menaruh harapan untuk menjuarai pertandingan bola sepak dan kawad kaki.

"Aduhai, permainan apakah yang harus aku pilih? Kepada siapakah aku mesti meluahkan masalah ini? Kawan, ayah atau guru bimbingan dan kaunseling?" bisik hati Amar.

Jika kamu sebagai Amar, apakah tindakan kamu? Mengapa?



Aktiviti

- Membuat keputusan dengan memberikan alasan berdasarkan teks.



Panduan Guru 2.4.3

- Murid membaca teks dan memahami maklumat yang tersurat dan tersirat.

PK: Nilai Murni – Rasional
Strategi P & P: KB – Menilai

Ilmu – Kokurikulum
Pembelajaran Kontekstual

Menulis

Selamat Tinggal Stres

Jian Hui berdiri di tepi jendela sekolahnya. Fikirannya kusut memikirkan pelbagai masalah. Dia terlalu bimbang lalu bersendirian.

Jian Hui berasa takut jika dia gagal dalam peperiksaan. Tentu ibu bapanya akan kecewa kerana dia memusnahkan harapan mereka yang menggunung.

Selain itu, Jian Hui juga risau akan tanggungjawab berat yang ditugaskan kepada dirinya. Dia menjadi Ketua Pengawas di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Baling. Murid-murid yang degil selalu memeningkan kepalanya.

Cikgu Tan Ivy telah memerhatikankan gelagat Jian Hui. Beliau risau akan sikap Jian Hui yang terbeban dengan pelbagai masalah.

Cikgu Tan Ivy telah memanggil Jian Hui ke bilik Bimbingan dan Kaunseling. Beliau menasihati Jian Hui agar tidak membebankan fikiran dengan tanggungjawab yang diamanahkan. Jian Hui diminta oleh Cikgu Tan Ivy supaya melakukan latihan pernafasan bersama-sama dengannya.

"Mula-mula, berdiri dan jarakkan kaki serta longlaikan tangan kamu. Selepas itu, pejamkan mata dan tundukkan kepala. Seterusnya, tarik nafas perlahan-lahan melalui hidung sedalam-dalamnya sebanyak 10 kali. Kamu mesti membayangkan masalah yang dihadapi selesai pada setiap hembusan nafas itu. Ulangi langkah itu sebanyak lima kali. Selepas itu, buka mata kamu perlahan-lahan."

Latihan pernafasan ini dapat meningkatkan pertukaran oksigen dan karbon dioksida dalam sel badan bagi melegakan keresahan. Sejak hari itu, Jian Hui selalu mengamalkannya. Kini, Jian Hui tidak berasa tertekan lagi. Terima kasih, cikgu.

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

Jawab soalan dan pernyataan.

1. Mengapakah Jian Hui berasa resah?
2. Mengapakah Jian Hui berjumpa dengan guru Bimbingan dan Kaunseling?
3. Bagaimanakah stres dapat diatasi?
4. Jika Jian Hui terus berasa resah, pada pendapat kamu, apakah yang akan berlaku kepadanya?
5. Buat ulasan tentang kesan daripada latihan pernafasan itu.

Aktiviti

- Menulis jawapan pemahaman secara kritis dan kreatif.

Panduan Guru 3.3.3

- Murid membina dan menulis jawapan pemahaman.

PK: Nilai Murni – Bertindak bijak
Strategi P & P: KB – Mensintesis
Ilmu – Pendidikan Kesihatan
BCB – Bacaan luncuran

Seronoknya Terapi Minda

Amar dan kawan-kawannya menyertai kem motivasi "Minda Sihat" di Lata Bukit Hijau. Kem itu dianjurkan oleh Unit Bimbingan dan Kaunseling, Sekolah Kebangsaan Taman Kencana.

Setelah sampai di sana, Amar dan kawan-kawannya _____.





Aktiviti terapi minda pada pagi itu telah berakhir. Amar dan kawan-kawannya bersalam dengan guru Bimbingan dan Kaunseling. Mereka kelihatan ceria sekali.

Aktiviti

- Bercerita dengan menggunakan kata kerja dan kata bantu berdasarkan bahan.

Panduan Guru 5.1.4

- Murid membaca teks dan menaakul gambar untuk mengenal pasti kata kerja dan kata bantu.

PK: Nilai Murni – Berwaspada
Strategi P & P: KB – Menaakul
Ilmu – Pendidikan Kesihatan
KP – Verbal-linguistik

Bacaan Luas

Tip Kesihatan

Pepatah Melayu ada mengatakan bahawa "otak yang cerdas terletak pada badan yang sihat". Oleh itu, sekiranya kita hendak menjadi seseorang yang pintar, kita perlulah memastikan badan kita sentiasa cergas dan aktif.

Bagaimanakah caranya? Banyak cara yang dapat kita lakukan demi menjaga tubuh agar sentiasa cergas dan aktif. Antara caranya termasuklah mengeluarkan peluh daripada badan. Berpeluh akan menjadikan tubuh sentiasa sihat dan mengekalkan suhu badan kita agar sentiasa normal.

Cara yang paling mudah untuk kita mengeluarkan peluh daripada badan adalah dengan bersenam. Dalam hal ini, aktiviti senaman yang kita lakukan mampu mengeluarkan peluh daripada badan. Banyak jenis senaman yang boleh kita lakukan. Contohnya, bersukan, berolahraga, berjoging, berbasikal, bermain permainan dan sebagainya. Apabila badan berpeluh, secara tidak langsung pelbagai racun dan toksik akan dikeluarkan melalui liang-liang roma.

Bersenam akan membantu badan kita mengekalkan sel darah putih. Fungsi sel darah putih di dalam tubuh adalah sebagai penghalang virus dan bakteria yang dapat memudaratkan kesihatan. Selain itu, dengan bersenam juga, lemak dan kalori berlebihan akan dibakar. Oleh itu, tubuh akan menjadi sihat, manakala otak akan menjadi cerdas.

Akhir sekali, jika kita melakukan senaman dengan sistematik dan berkala, kita dapat menghilangkan stres atau tekanan perasaan. Kita dapat melupakan seketika masalah yang dihadapi apabila menumpukan perhatian kepada aktiviti senaman yang dilakukan. Lama-kelamaan, masalah tersebut akan hilang begitu sahaja.


Kesimpulannya, jika kita mempunyai minda yang sihat, badan kita akan turut menjadi cergas.

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia



Pemulihan

Nyatakan perasaan berdasarkan grafik pada peta buih.



yakin

gembira

tenang

berani

puas hati

Pengayaan

Baca petikan, kemudian buat ulasan.

Pada hari Sabtu yang lalu, Ramli telah menghadiri ceramah bertajuk "Gangguan Emosi dan Mental" di sekolahnya. Penceramah pada hari itu ialah guru Bimbingan dan Kaunseling sekolahnya, iaitu Cikgu Thewa Rajoo.

Dalam ceramah itu, Cikgu Thewa Rajoo telah memberikan beberapa sebab emosi murid-murid terganggu. Antaranya termasuklah bilik dan tempat murid belajar. Bilik yang kemas dan selesa amat penting agar murid berasa tenang dari segi fikiran dan emosi.

Seterusnya, murid jarang menerima penghargaan apabila memperoleh sesuatu kejayaan. Akibatnya, emosi murid yang tidak mendapat penghargaan akan terganggu kerana murid akan berasa pengorbanannya sia-sia.


Punca seterusnya ialah murid terlalu ingin mencapai kejayaan dalam pelajaran. Murid akan berasa kecewa jika gagal. Faktor ini akan menyebabkan kemurungan jika murid itu tidak berjaya.

Akhir sekali, Cikgu Thewa Rajoo menayangkan grafik tentang punca emosi murid terganggu pada papan pintar. Beliau meminta murid membuat ulasan tentang ceramahnya.

Selepas membuat ulasan, berikan cadangan tentang situasi pembelajaran yang kamu impikan.

PENILAIAN 1

A) Teliti gambar dan berikan respons.



Ubah suai daripada
5 Nilai Teras Keluarga LPPKN

Sekolah kamu mengadakan majlis diskusi ilmu yang bertajuk "Ciri-ciri Keluarga Bahagia". Kamu telah dipilih sebagai ahli panel. Dalam majlis itu kamu telah mendengar beberapa soalan daripada peserta.
Antara soalan yang dikemukakan:

1. Nyatakan ciri-ciri keluarga bahagia.
2. Jelaskan sebab aktiviti bersukan atau bersenam perlu dilakukan bersama-sama dengan keluarga.
3. Keluarga bahagia membantu kecemerlangan murid dalam pelajaran. Kemukakan pendapat kamu.

Berikan respons berdasarkan bahan. Simulasikan.

PENILAIAN 1

B) Baca petikan dan poster, kemudian jawab pernyataan yang diberikan.

Cikgu Syahmi bertugas di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Kuala Ketil. Beliau menjadi guru Bimbingan dan Kaunseling di sekolah itu.

Cikgu Syahmi sangat berdedikasi dan beretika semasa menjalankan tugasnya. Oleh itu, Cikgu Syahmi akan memberikan bantuan kepada muridnya tanpa mengira akan latar belakang, kaum, agama atau kepercayaan.

Untuk membina keyakinan diri dalam kalangan murid di sekolah tidaklah mudah. Oleh hal yang demikian, beliau mengadakan pelbagai program untuk membantu murid agar menyedari kelemahan diri. Beliau juga memberikan fokus kepada kekuatan dan kelebihan muridnya. Kesannya, semua murid di sekolah itu mempunyai keyakinan diri yang tinggi.



Di samping itu, Cikgu Syahmi selalu memanggil murid yang keliru dan kurang tumpuan semasa belajar untuk mendengar penjelasan mereka. Selepas itu, beliau membantu murid itu agar dapat memilih dan merancang tujuan belajar secara berkesan. Natijahnya, murid akan berasa selesa semasa sesi pembelajaran kerana mengetahui matlamat pembelajaran mereka.

Dengan kriteria dan perwatakan yang baik itu, Cikgu Syahmi disukai oleh muridnya. Tambahan pula, beliau pandai melayan kerenah mereka. Oleh itu, muridnya tidak segan silu apabila berjumpa dengan beliau bagi mendapatkan nasihat jika ada sesuatu masalah.

1. Pada pendapat kamu, mengapakah poster itu ditampal pada pintu bilik Bimbingan dan Kaunseling?
2. Nyatakan dan huraikan cara untuk membina keyakinan diri semula apabila kita gagal dalam sesuatu tindakan.
3. Berikan rumusan kamu tentang kepentingan guru Bimbingan dan Kaunseling di sekolah.
4. Nyatakan kriteria yang perlu ada pada guru Bimbingan dan Kaunseling.

C) Editkan teks.

Jam loceng Imran berbunyi. Dia bangun lalu mengintai jarum jamnya. Jam itu dihadiahi ayahnya kerana mendapat tempat pertama dalam peperiksaan di sekolah.

"Oh! sudah pukul 5.30 pagi!" Bisik hatinya.

Imran selepas itu, melirik matanya lalu terlihat susuk tubuh ibunya yang berada di dapur. Ibunya, Puan Isni, sedang mengkukus lepat pisang dan membungkus nasi Lemak untuk dijual.

"Kamu sudah bangun, Imran?" tanya Puan isni sambil menyejat air kukusan lepat itu.

"Ya, ibu," jawab Imran. Dia duduk bersila lalu membantu ibunya menglap daun pisang.

"Imran, kamu mesti belajar bersunguh-sunguh. Kamu akan dapat mengubah kehidupan kita ini jika kamu berjaya. Kamulah madu dan kamulah racun dalam keluarga ini. Ibu berharap, jadilah permata hati yang dapat membahagiakan keluarga," Puan Isni menasihati anaknya dengan penoh kasih sayang.

"Eh, bunyi motosikal ayah! Ayah sudah balik," kata Imran.

Imran berlari kejendela untuk mempastikan telahan hatinya tepat. Setelah daun pintu terbuka, Imran memeluk ayahnya yang baharu pencen daripada tentera tiga bulan yang lalu dengan erat.

Selepas bersembahyang dan berpakaian sekolah, Imran bersalam dan mencium ibunya. Selepas itu, Imran membonceng motosikal yang ayahnya tunggang. Motorsikal itu membelah kesunyian pagi menuju ke sekolah Kebangsaan Baling.

"Terima kasih, ayah. Kirim salam rindu dan sayang saya pada ibu. Saya berjanji akan membalas jasa ibu dan ayah yang menjaga saya seperti menatang minyak yang penuh," kata Imran selepas mencium pipi dan dahi ayahnya setelah sampai di perkarangan sekolah.



D) Jawab soalan yang berikut.


Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.



1. Encik Hafizi menasihati anaknya supaya berhati-hati ketika memasang _____ .

   A. dian B. pelita
   C. lampu D. jamung

2. Pilih ayat perbualan yang sesuai bagi watak di bawah.



	Cikgu Herman	Anas
A.	Kawan-kawan kita yang lain mana? Saya mahu mengadakan latihan senaman sekarang.	Mereka masih berada di dalam kelas, cikgu. Saya akan panggil dia sekarang.
B.	Kawan-kawan saya yang lain mana? Kami mahu mengadakan latihan senaman sekarang.	Mereka masih berada di dalam kelas, cikgu. Kami akan panggil mereka sekarang.
C.	Kawan-kawan kamu yang lain mana? Kita mahu mengadakan latihan senaman sekarang.	Mereka masih berada di dalam kelas, cikgu. Saya akan panggil mereka sekarang.
D.	Kawan-kawan kalian yang lain mana? Kita mahu mengadakan latihan senaman sekarang.	Mereka masih berada di dalam kelas, cikgu. Kita akan panggil mereka sekarang.

3. Doktor Chen sedang _____(I)_____ keadaan pesakit itu dengan teliti untuk mengetahui penyakit yang sedang dihidapinya. Sebelum itu, pesakit itu _____(II)_____ mengadu kepada Doktor Chen tentang masalah yang _____(III)_____ . Beliau memberitahu Doktor Chen bahawa beliau tidak _____(IV)_____ tidur dengan lenanya sejak beberapa hari lalu.

   I. A. menguji B. mengkaji
      C. menyiasat D. memeriksa

   II. A. akan B. telah
      C. masih D. sedang

   III. A. dialami B. didapati
      C. dinikmati D. dihinggapi

   IV. A. harus B. boleh
      C. dapat D. hendak

Pilih ayat yang betul.

4. I. Sambal tumis udang yang dimasak oleh ibu enak sungguh rasanya.
   II. Umar tidak pernah lupa membawa buah tangan setiap kali menziarahi datuknya.
   III. "Kalian perlu bersenam supaya badan menjadi sihat," kata Darshan kepada Teoh.
   IV. Adik ditegur oleh ayah kerana membiarkan buku-bukunya bersesak di atas meja.

   A. I dan II B. II dan III
   C. I, II dan III D. II, III dan IV

Bina ayat yang lengkap dengan menggunakan kata kerja di bawah.

- berjoging
- berkebun
- berkelah
- mencuci
- menonton



KOMUNITI PRIHATIN

										S2	E2		O2	L2	A2	
												O2				
									A2		U2	M4		I2		
												U2				
												N2				
											P4		N2	T2		R2
												T2				
				A2		E2		S2				I2	B4			
													A2			
								A2								
								S2	A2		A2		A2			
					K6		R2	A2				N2				

Lengkapkan perkataan dalam permainan, kemudian bincangkan.

UNIT 7

Program Sarana

Mendengar dan Bertutur

Tanggungjawab Bersama

Terima kasih Encik Zakaria dan Puan Aminah kerana sudi datang ke sini. Ini rakan saya, Cikgu Mazidah. Kami sangat mengalu-alukan kedatangan tuan dan puan ke Mesyuarat Program Sarana.

Silalah masuk. Guru Besar sudah ada di dalam bilik mesyuarat. Beliau sedang berbual-bual dengan tetamu yang lain di situ.





Peranan ibu bapa penting bagi membantu pembelajaran anak. Pelibatan mereka dalam pelbagai aktiviti di sekolah dapat memberikan manfaat yang berikut kepada pihak sekolah:

- Keyakinan guru meningkat.
- Pencapaian murid meningkat.
- Kesedaran ibu bapa merasakan bahawa mereka sebahagian daripada sekolah dan menyokong program sekolah.
- Kes disiplin dalam kalangan murid berkurangan.
- Hubungan antara pentadbir, guru dan ibu bapa menjadi lebih baik.

Maklumat

Sarana Sekolah dan Sarana Ibu Bapa ialah suatu inisiatif kebangsaan bagi meningkatkan pelibatan ibu bapa dan komuniti dengan sekolah demi kecemerlangan masa hadapan negara yang tercinta.

Aktiviti

- Berbual dengan menggunakan kata ganti nama yang betul.

Panduan Guru 1.4.3

- Murid meneliti bahan.

PK: Nilai Murni – Bekerjasama
Strategi P & P: KB – Menghubungkaitkan
Ilmu – Kemasyarakatan
KP – Interpersonal

Membaca

Mentor Prihatin, Menti Cemerlang

Sejak tahun lepas, Sekolah Kebangsaan Taman Kencana telah melaksanakan pelbagai inisiatif seperti yang disarankan dalam Program Sarana Sekolah dan Sarana Ibu Bapa. Antara program yang dijalankan termasuklah Program Mentor Menti.

Dalam program ini, ibu bapa akan menjadi mentor kepada murid tahun enam yang menjadi menti. Setiap mentor akan membimbing lima orang menti mengikut kemahiran dan kepakaran masing-masing. Mentor akan berjumpa dengan menti pada setiap hujung minggu. Mereka akan berbincang tentang pelbagai perkara, khususnya masalah pembelajaran.

Menerusi program ini, pihak sekolah berharap agar masalah pembelajaran murid dapat diatasi. Selain itu, murid dapat dibimbing untuk menjadi insan yang cemerlang dari segi intelek, rohani, emosi, jasmani dan sosial.

Keberkesanan program ini telah terbukti apabila sebanyak 150 orang murid Sekolah Kebangsaan Taman Kencana mencatat keputusan cemerlang dalam peperiksaan UPSR yang baru diumumkan. Menurut Encik Shahrum bin Ishak, Guru Besar Sekolah Kebangsaan Taman Kencana, kejayaan itu dicapai atas hasil usaha pihak guru dan ibu bapa. Program Mentor Menti yang dijalankan di sekolah itu terbukti amat berkesan.

Beliau berharap agar pelibatan ibu bapa dalam program sarana dapat diteruskan dan ditingkatkan. Amalan ini ternyata bermanfaat demi kecemerlangan murid.



Maklumat

Mentor – orang yang mempunyai pengalaman untuk memberikan bimbingan kepada mereka yang memerlukan.

Menti – orang yang dibimbing.

Aktiviti

- Memindahkan maklumat dalam bentuk grafik.

Panduan Guru 2.5.1

- Murid membaca, memahami dan menyusun maklumat.

PK: Nilai Murni – Muafakat
Strategi P & P: KB – Membuat gambaran mental

Ilmu – Kemasyarakatan
BCB – Bacaan intensif

Menulis

Ibu Bapa Pendorong Kejayaan Murid

Syarahan	Laporan
Pendahuluan Pelibatan ibu bapa dalam pelbagai aktiviti di sekolah dapat mendorong kejayaan murid.	**Pendahuluan** Pada tahun lalu, pihak ibu bapa telah menjayakan pelbagai aktiviti yang dijalankan di sekolah.
✎	 bidang kurikulum ✎
✎	 bidang kokurikulum ✎
✎	 bidang koakademik ✎
Penutup Usaha ini terbukti membawa kejayaan kepada murid. Bak kata pepatah, "muafakat membawa berkat".	**Penutup** Usaha ini perlu diteruskan demi kejayaan murid dalam pelbagai bidang.

Aktiviti

- Menulis karangan jenis syarahan dan laporan.

Panduan Guru 3.3.4

- Murid meneliti bahan dan membina kerangka.

PK: Nilai Murni – Bekerjasama
Strategi P & P: KB – Menjanakan idea
Ilmu – Kemasyarakatan
KP – Verbal-linguistik



Mengujarkan Dialog

Teater "Menara Tanggang"

Pihak ibu bapa dan guru Sekolah Kebangsaan Taman Kencana telah berganding bahu melatih murid-murid menjayakan pementasan teater yang bertajuk "Menara Tanggang".

Babak 1

Suara latar — Si Tanggang sudah bulat hati. Dia mahu berhijrah ke kota untuk menggapai impiannya.

Tanggang : Ibu, izinkanlah Tanggang membawa diri ke kota. Tanggang mahu mengubah hidup kita yang seperti "kais pagi makan pagi, kais petang makan petang". Tanggang berjanji, selagi hayat dikandung badan, Tanggang tidak akan melupakan ibu.

Ibu Tanggang : (*Mengesat air mata*) Pergilah, Tanggang. Walaupun hati ibu bagai dihiris dengan sembilu, ibu merestuimu. Cuma satu pesan ibu, jagalah dirimu baik-baik semasa berada di tempat orang. Ingatlah Tanggang kata orang tua-tua, "di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung".

Babak 2

Suara latar — Di tengah kota raya, Tanggang memerah keringat tanpa mengenal erti putus asa. Berkat usahanya, rezeki Tanggang melimpah-ruah.

Kesan bunyi — Bunyi jentera dan mesin.

Rakan Tanggang : Tahniah, Tanggang! Projek kamu mendapat keuntungan yang besar.

Tanggang : (*Menadah tangan*) Syukurlah. Namun, masih ada impian saya yang belum terlaksana.

Babak 3

Suara latar — Beberapa tahun kemudian, Tanggang pulang ke kampung. Bagai bulan jatuh ke riba, kepulangan Tanggang disambut oleh ibunya dengan air mata gembira. Dia pulang untuk membawa ibunya ke kota.

Ibu Tanggang : Apakah yang mahu kamu tunjukkan kepada ibu?

Tanggang : Lihatlah di depan mata ibu. Itulah Menara Tanggang, lambang kejayaan Tanggang. Walaupun sudah berjaya, Tanggang tidak lupa daratan. Menara itu Tanggang bina untuk kegunaan dan kebajikan orang ramai.

Ibu Tanggang : Syukurlah, Tanggang.



Aktiviti

- Mengujarkan dialog dengan sebutan dan intonasi yang betul.



Panduan Guru 4.3.1

- Murid berlakon berdasarkan skrip drama.

PK: Nilai Murni – Kasih sayang
Strategi P & P: KB – Menjanakan idea
Ilmu – Kemasyarakatan
KP – Kinestetik



Jayakan Aktiviti Sekolah

SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA BALING,
09100 BALING, KEDAH DARUL AMAN.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA


UTAMA | PENTADBIRAN | GURU/STAF 2016 | PROFIL SEKOLAH | SEJARAH SEKOLAH | TAKWIM 2016 | PENCAPAIAN SEKOLAH

Persatuan Ibu Bapa dan Guru Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Baling telah bermurah hati untuk menyumbangkan idea dan tenaga bagi menjayakan Program Sarana. Sepanjang program itu berlangsung, pelbagai aktiviti yang amat menarik sekali telah diadakan.

Inti Bahasa

Contoh Kata Penguat:
- Kata Penguat Hadapan
  agak, cukup, paling, terlalu
- Kata Penguat Belakang
  benar, betul, sekali, nian
- Kata Penguat Bebas
  amat, sangat, sungguh









Aktiviti

- Bercerita dengan menggunakan kata adjektif dan kata penguat yang betul.

Panduan Guru 5.1.5

- Murid meneliti bahan dan mengenal pasti kata adjektif dan kata penguat.

PK: Nilai Murni – Bekerjasama
Strategi P & P: KB – Mengecam
Ilmu – Kemasyarakatan
KP – Verbal-linguistik

UNIT 8

Kelab Alumni

Mendengar dan Bertutur

Projek Taman Refleksologi

Encik Zakaria dan rakan-rakannya, iaitu Encik Anand dan Encik Kwan Meng sedang berbincang. Encik Zakaria memberikan cadangan untuk membantu sekolah lama mereka membina taman refleksologi.



Encik Anand telah memilih anak-anak pokok herba, pasu-pasu dan batu-batu sungai untuk dibawa ke sekolah. Beliau meminta Ruben memindahkan barang-barang tersebut ke tempat yang sesuai.



Aktiviti

- Menyatakan permintaan dengan memberikan alasan yang sesuai secara bertatasusila.

Panduan Guru 1.4.4

- Murid meneliti bahan dan melakonkan perbualan.

PK: Nilai Murni – Prihatin
Strategi P & P: KB – Menjanakan idea
Ilmu – Reka Bentuk dan Teknologi
KP – Interpersonal

Membaca

Sumbangan Kelab Alumni

Kelab Alumni Sekolah Kebangsaan Taman Kencana sangat aktif membantu pihak sekolah. Sumbangan yang ditawarkan adalah seperti yang terdapat dalam rajah berikut:



Berdasarkan keperluan murid di sekolah itu, pihak sekolah telah bersepakat untuk ✎ kerana ✎.

Bantuan yang diperlukan

✎	Sangat Perlu
✎	Perlu
✎	Kurang Perlu
✎	Tidak Perlu
✎	Sangat Tidak Perlu

Aktiviti

- Memindahkan maklumat mengikut keutamaan.

Panduan Guru 2.5.2

- Murid memahami dan menaakul maklumat.

PK: Nilai Murni – Rasional
Strategi P & P: KB – Menaakul

Ilmu – Kemasyarakatan
Pembelajaran Konstruktivisme

Menulis

Dahulu dan Sekarang

Encik Zakaria memberhentikan keretanya di luar pagar sekolah. Sejurus kemudian, beliau dan rakan lamanya, iaitu Encik Kiran, keluar dari kereta. Di hadapan mereka tersergam sebuah bangunan besar. Kira-kira 30 tahun yang lalu, di situlah mereka menimba ilmu.

Encik Zakaria dan Encik Kiran merupakan anggota Kelab Alumni Sekolah Taman Kencana. Mereka sering memberikan sumbangan dalam bentuk kewangan kepada pihak sekolah. Namun begitu, sudah lama mereka tidak menjejakkan kaki di sekolah itu.

"Banyak yang sudah berubah di sini. Sumbangan kita nampaknya membawa manfaat yang besar kepada pihak sekolah. Saya rasa kita perlu meningkatkan sumbangan agar lebih banyak pembangunan dapat dilaksanakan," kata Encik Kiran dengan bersemangat.

"Benar, Kiran," balas Encik Zakaria. Fikirannya mula melayang jauh. Kenangan silam sewaktu zaman persekolahan menerpa dalam ingatan.


Seingat Encik Zakaria, sekolah itu dahulu kecil sahaja. Dinding bangunannya bercat putih tanpa hiasan mural yang berwarna-warni. Tidak banyak kemudahan yang disediakan. Namun, suasana persekitaran yang bersih, hijau dan tenang masih kekal sama.



Bertuah sungguh murid sekolah ini sekarang. Banyak kemudahan disediakan untuk keselamatan dan keselesaan mereka.



Sekolah Kebangsaan Taman Kencana



Aktiviti

- Mencatat maklumat dalam peta pemikiran.

Panduan Guru 3.5.2

- Murid memahami dan menganalisis maklumat.

PK: Nilai Murni – Kesyukuran
Strategi P & P: KB – Membandingbezakan
Ilmu – Sejarah
Pembelajaran Kontekstual

Mengujarkan Dialog

Orang Berbudi Kita Berbahasa



Zaki telah merosakkan peralatan komputer secara tidak sengaja semasa mengikuti kelas komputer di sekolahnya. Dia telah dipanggil oleh Cikgu Wong.



Aktiviti

- Mengujarkan dialog.

Panduan Guru 4.3.2

- Murid mengujarkan dialog untuk menyampaikan mesej.

PK: Nilai Murni – Kesyukuran
Strategi P & P: KB – Menilai

Ilmu – Pendidikan Moral
KP – Kinestetik

Mendengar dan Bertutur

Bekerjasama demi Kecemerlangan



Amar : Tahukah kamu bahawa agensi kerajaan dan swasta dapat bekerjasama dengan pihak sekolah?

Wei Chuan : Ya, saya tahu. Kerjasama bagai aur dengan tebing ini merupakan satu langkah bijak.

Imran : Benar, Wei Chuan. Menerusi bantuan yang dihulurkan, agensi kerajaan dan swasta dapat meringankan beban yang digalas oleh pihak sekolah. Bak kata pepatah, "berat sama dipikul, ringan sama dijinjing".

Amar : Apakah bentuk bantuan yang dapat disumbangkan oleh pihak tersebut kepada pihak sekolah? Boleh berikan contoh kepada saya?

Wei Chuan : ____.

Imran : ____.

menabur bakti | setulus hati | bulat kata | menghulurkan tangan

Aktiviti

- Berbicara dengan menggunakan bahasa yang indah.

Panduan Guru 1.6.2

- Murid berlakon berdasarkan perbualan.

PK: Nilai Murni – Prihatin
Strategi P & P: KB – Menjanakan idea
Ilmu – Kemasyarakatan
KP – Interpersonal

Membaca

Program Sekolah Angkat


Program sekolah angkat merupakan antara perkongsian pintar yang sudah pun dilaksanakan di sesetengah sekolah. Menerusi perkongsian ini, agensi kerajaan atau syarikat swasta dapat membantu pihak sekolah melaksanakan program pendidikan dan pembangunan modal insan.

Petroliam Nasional Berhad, atau Petronas misalnya, telah lama melaksanakan program sekolah angkat. Antara sekolah yang terpilih menjadi sekolah angkat Petronas termasuklah Sekolah Kebangsaan Felcra Nasaruddin (SKFN), Bota, Perak.

Di sekolah angkat Petronas, program pendidikan yang dikenali sebagai Program Bakti Pendidikan Petronas (PBPP) dijalankan. Dalam program ini, tiga aspek diberikan perhatian, iaitu hal yang berkaitan dengan akademik, bukan akademik serta sokongan kepada ibu bapa. Pelbagai aktiviti yang bermanfaat dijalankan untuk murid dan ibu bapa. Antaranya, termasuklah kelas tuisyen, kem motivasi, program kecemerlangan akademik dan Program Jaya Waris.

Sejak program ini mula diperkenalkan pada tahun 2002, beribu-ribu orang murid daripada sekolah angkat Petronas di seluruh negara telah mendapat pelbagai manfaat. Hal ini membuktikan bahawa program ini amat berkesan. Program ini berjaya memberikan impak yang positif kepada murid, sekali gus meningkatkan pencapaian mereka dalam pelajaran.





Aktiviti

- Memindahkan maklumat dalam bentuk grafik.

Panduan Guru 2.5.3

- Murid membaca dan menaakul maklumat.

PK: Nilai Murni – Kesyukuran
Strategi P & P: KB – Menaakul
Ilmu – Kemasyarakatan
BCB – Bacaan intensif

Menulis

Kejayaan Milik Kita



Kelab Seni Budaya Sekolah Kebangsaan Taman Kencana telah mengharumkan nama negara apabila dipilih sebagai pemenang bagi kategori persembahan terbaik Festival Kesenian Murid Antarabangsa di Osaka, Jepun.

Persembahan tarian tradisional pelbagai kaum dan dendangan syair daripada kumpulan tersebut telah berjaya menambat hati para juri.

Kumpulan ini telah ditaja oleh Syarikat Citra Budaya serta mendapat kerjasama daripada Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. Mereka membawa pulang hadiah wang tunai berserta trofi kejuaraan. Mereka dijangka pulang ke tanah air esok.



Malaysia Gemilang

Dengarlah ini satu cerita,
Cerita tentang negaraku tercinta,
Malaysia oh Malaysia namamu tercipta,
Kebanggaan kami rakyat jelata.

Masyarakat harmoni hidup bersatu,
Saling menolong saling membantu,
Bekerjasama sudahlah tentu,
Perkongsian pintar tingkatkan mutu.

Walau berbeza agama dan bangsa,
Kemesraan terjalin sepanjang masa,
Hormat-menghormati berbudi bahasa,
Negaraku makmur aman sentosa.

Aktiviti

- Menulis ulasan berdasarkan bahan sastera dan bukan sastera dengan menggunakan ayat yang gramatis.

Panduan Guru 3.9.1

- Murid membaca dan memahami maklumat.

PK: Nilai Murni – Kegigihan
Strategi P & P: KB – Mengitlak

Ilmu – Seni Budaya
Pembelajaran Konstruktivisme


Kata Hubung

Kelas Bimbingan

Program kelas bimbingan secara percuma yang ditaja oleh sebuah syarikat penerbitan buku telah dijalankan di sekolah Amar. Amar dan rakan-rakannya tidak melepaskan peluang keemasan untuk mengikuti kelas bimbingan Bahasa Melayu yang dikendalikan oleh Cikgu Mazidah.

Cikgu Mazidah memberikan penerangan yang jelas supaya murid memahami topik yang diajarkannya. Setelah selesai sesi penerangan, beliau meminta murid membuat latihan.

Amar _____.



Kelas bimbingan itu berakhir kira-kira pukul 12.00 tengah hari. Walaupun penat, Amar gembira kerana dapat menambahkan pengetahuannya. Jika tiada aral melintang, dia pasti akan menghadiri kelas bimbingan itu pada minggu hadapan.

Aktiviti

- Menggunakan pelbagai kata hubung untuk melengkapkan cerita.

Panduan Guru 5.1.6

- Murid memahami bahan untuk membina cerita.

PK: Nilai Murni – Prihatin
Strategi P & P: KB – Menghubungkaitkan

Ilmu – Kemasyarakatan
Pembelajaran Kontekstual

Bacaan Luas

Jawatankuasa Persatuan Penduduk Taman Melati

Yang saya hormati Encik Mazlan bin Husin, Timbalan Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Melati, barisan ahli jawatankuasa persatuan, tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi.

Terima kasih diucapkan kepada tuan-tuan dan puan-puan kerana sudi hadir ke majlis taklimat pada hari ini. Pada kesempatan ini, saya ingin menyampaikan maklumat tentang Jawatankuasa Persatuan Penduduk. Saya berharap agar maklumat yang disampaikan ini akan membawa kebaikan untuk kita.

Hadirin yang saya hormati,

Jawatankuasa Persatuan Penduduk sudah pun diwujudkan di kawasan kediaman kita. Jawatankuasa ini terdiri daripada sekumpulan penduduk yang dilantik oleh penduduk di sini untuk mengurus dan melaksanakan tugas-tugas tertentu. Jawatankuasa ini dikenali sebagai Jawatankuasa Persatuan Penduduk Taman Melati.

Jawatankuasa ini mempunyai peranan yang besar kepada penduduk. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menjaga kebajikan, keharmonian, keselesaan dan keselamatan penduduk. Jawatankuasa ini juga mewakili suara penduduk untuk berurusan dengan pihak berkuasa atau pihak pemaju. Selain itu, jawatankuasa ini turut menggalas tanggungjawab untuk memupuk semangat muhibah, bekerjasama dan bersatu padu dalam kalangan penduduk.

Menerusi jawatankuasa ini, pelbagai aktiviti telah dapat dirancang dan dilaksanakan secara berkesan. Aktiviti yang dijalankan meliputi aktiviti kemasyarakatan dan kebudayaan, sukan dan rekreasi serta keagamaan. Pihak jawatankuasa akan sentiasa berbincang dan mencari jalan yang terbaik untuk memastikan aktiviti ini dapat dijalankan dengan lancarnya.

Sesungguhnya, penubuhan jawatankuasa ini membawa manfaat yang besar kepada penduduk. Dengan adanya jawatankuasa ini, suasana yang harmoni, selesa dan selamat dapat diwujudkan. Jika jawatankuasa ini wujud, pelbagai masalah dapat diatasi. Isu-isu yang berkaitan dengan kebersihan, keselamatan dan kebajikan penduduk dapat diselesaikan.

Akhir kata, sebagai Pengerusi Jawatankuasa Persatuan Penduduk Taman Melati, saya menyeru seluruh penduduk Taman Melati agar memberikan kerjasama yang padu kepada kami. Marilah kita bersatu hati agar matlamat yang diimpikan dapat dicapai. Ingatlah, "bulat air kerana pembetung, bulat kata kerana muafakat".

Sekian, terima kasih.

Pemulihan

Bina lima ayat berdasarkan gambar dengan menggunakan kata hubung yang diberikan.



Pengayaan

Bina ayat dalam perenggan berdasarkan gambar dengan menggunakan kata hubung yang sesuai.

Ibu bapa murid SK Taman Kencana sering melibatkan diri dalam aktiviti di sekolah anak-anak mereka. Sebagai contoh, mereka terlibat dalam aktiviti sukan seperti sukan bola sepak. Golongan bapa yang mahir dalam sukan tersebut melatih pasukan bola sepak sekolah.

Mereka melatih para pemain cara menendang, menanduk, dan menangkap bola dengan betulnya. Semasa perlawanan ____.



PENILAIAN 2

A) Teliti gambar, kemudian bincangkan dan kemukakan pendapat.

Liku-Liku Menuju Kejayaan



Jawab pernyataan dan soalan yang berikut:

1. Nyatakan punca yang menyebabkan pemain badminton itu mendapat keyakinan diri semula.
2. Bagaimanakah kamu dapat membantunya jika dia tidak bertemu dengan guru bimbingan dan kaunseling?
3. Bincangkan langkah-langkah untuk memastikan peserta dalam acara sukan tidak mengalami kecederaan.

B) Baca petikan dengan teliti. Kemudian, pindahkan maklumat tentang sifat kucing itu dalam bentuk grafik.

Terima Kasih, Si Putih

Pada suatu petang, Asha mengambil angin di gigi ombak di pantai. Tiba-tiba, Asha terdengar, "miaw, miaw, miaw".

Lantaran itu, Asha menuju ke arah suara itu. Dia terpandang seekor anak kucing yang tersepit pada banir pokok ru. Dengan rasa kasih sayang, Asha menyelamatkan anak kucing itu lalu membawanya pulang ke rumah.

"Asha, apakah yang kamu bawa pulang?" tanya kakaknya. Lamunan Asha terhenti dek suara kakaknya itu.

"Ini anak kucing, kakak," beritahu Asha kepada kakaknya yang juga pencinta haiwan.

Sejak hari itu, Asha dan keluarganya menjaga kucing itu dengan penuh kasih sayang. Asha memberikan nama Si Putih kerana kucing itu berbulu putih. Bulunya juga panjang dan gebu.

"Amboi, comel dan manjanya Si Putih!" kata Puan Devi, ibu Asha sambil mengusap-usap leher Si Putih. Ekor Si Putih bergoyang-goyang sambil membelai pipi Puan Devi.

Setiap malam, Si Putih akan menjelajah setiap pelosok rumah. Sifatnya yang tangkas dan pantas menyebabkan tikus yang selalu bermaharajalela hilang entah ke mana.

Kehadiran Si Putih juga dapat mengeratkan hubungan keluarga Puan Devi. Mereka bermain dengan Si Putih pada waktu senggang. Perasaan stres lenyap dengan gelagat dan telatah lucu Si Putih.


Terima kasih, Si Putih.




PENILAIAN 2

C) Tulis karangan berdasarkan gambar dan kerangka di bawah.

Pastikan Selamat




- mementingkan keselamatan
- berhati-hati
- bucu meja




- mencurah air ke lantai
- sisa sabun hilang
- lantai kesat




- bersarapan
- makanan berkhasiat



- memastikan brek basikal berfungsi
- memakai jaket keselamatan
- memantulkan cahaya
- topi keledar




- menunggang basikal
- laluan basikal
- dapat melihat kenderaan



- sampai ke sekolah
- menguncikan
- masuk ke kelas


PENILAIAN 2

D) Taakul gambar dan jawab soalan serta pernyataan.



1. Senaraikan empat kata kerja dan kata bantu yang diperoleh daripada gambar, kemudian bina ayat.
2. Pada pendapat kamu, apakah yang akan berlaku jika murid itu tidak memakai topi keledar dengan kemas?
3. Sebuah lampu isyarat baru dipasang di persimpangan jalan masuk ke sekolah kamu. Jelaskan fungsi lampu isyarat dan nyatakan kebaikannya kepada murid sekolah.
4. Mengapakah papan tanda had laju 60 kilometer sejam diletakkan di jalan itu? Nyatakan alasan kamu.
5. Jika kamu sampai di sekolah lebih awal daripada kawan-kawan kamu, apakah yang patut kamu lakukan?
6. Jika kamu membonceng motosikal pada waktu malam, pakaian bagaimanakah yang perlu kamu pakai supaya mudah dilihat oleh pemandu kenderaan yang lain? Berikan ulasan.
7. Kamu selalu melihat kawan kamu datang ke sekolah dengan menaiki pelbagai kenderaan. Nyatakan aspek keselamatan yang gagal dipatuhi oleh mereka.

TEMA 4
KESELAMATAN DIUTAMAKAN



Murid membuat gambaran mental tentang "Keselamatan Diutamakan".

UNIT 10

Selamat dalam Perjalanan

Mendengar dan Bertutur

Peraturan Lawatan

sebelum	semasa	selepas
menyediakan kertas cadangan mendapatkan kelulusan kertas kerja daripada guru besar melantik ketua rombongan mengeluarkan surat kepada waris mengadakan mesyuarat penyelarasan mendapatkan kelulusan daripada jabatan pendidikan negeri mendapatkan permit perjalanan daripada jabatan pengangkutan jalan taklimat kepada waris	memastikan semua arahan dipatuhi oleh murid dan guru mendapatkan kebenaran daripada urus setia jika ahli keluarga hendak berjumpa dengan murid memastikan anggota rombongan seperti yang disenaraikan sahaja memastikan peti kecemasan dibawa dan mengawasi pergerakan murid memastikan murid berada di luar kenderaan jika berlaku kerosakan melawat ke tempat yang disenaraikan sahaja mencatat pergerakan dalam buku log memastikan makanan yang sesuai	menyediakan laporan bertulis kepada guru besar menulis laporan pengurusan lawatan dan laporan lawatan murid mengisi borang penilaian lawatan murid menulis laporan lawatan secara berkumpulan murid membentangkan laporan



Jian Hui dan rakan-rakannya akan menyertai lawatan yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Mereka sedang berbicara dan membuat rumusan tentang peraturan tersebut. Simulasikan.

Sumber: Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 5/2007, Garis Panduan Lawatan Murid

Aktiviti

- Berbicara untuk mendapatkan maklumat untuk membuat rumusan.

Panduan Guru 1.6.1

- Murid mengenal pasti maklumat tersurat dan tersirat dalam teks.

PK: Nilai Murni – Mematuhi peraturan
Strategi P & P: KB – Menganalisis
Ilmu – Pendidikan Keselamatan Jalan Raya
BCB – Mencatat nota

Membaca

12:11 PM 99%

Memori Perjalanan

Hatiku melonjak kegembiraan apabila ayah membenarkan aku menyertai lawatan ke Kuala Lumpur.

Menjelang pagi itu, aku dan kawan-kawan telah diberi taklimat. Cikgu Ang yang cantik bak bidadari itu meminta kami beratur semasa menaiki bas.

"Jangan sesekali naik atau turun semasa bas sedang bergerak," pesan Cikgu Syafik pula. Aku berfikir sejenak. Mungkin aku akan terjatuh jika tidak mematuhi arahan guru yang tampan seperti putera raja itu.

Tidak lama kemudian, bas pun sampai. Aku memasukkan beg ke dalam perut bas lalu menaiki bas itu dengan berhati-hati.

"Wah, istimewanya bas ini, ada tali pinggang keledar!" hatiku berbisik. Aku berasa lebih selamat.

"Amar, beritahu saya, apakah tindakan kamu jika bas ini rosak?" Tiba-tiba, pertanyaan Cikgu Syafik menyentap lamunanku yang sedang membayangkan keindahan kota metropolitan itu. Selepas berfikir seketika, aku pun menjawab.

"Saya akan menghubungi ibu bapa saya."

Dalam perjalanan, aku sempat menulis serangkap sajak yang berjudul "Destinasiku".

Destinasiku

Ceria pagi menyapa riang
Kegembiraan

Aktiviti

- Menghasilkan idea baharu dalam bentuk sajak.

Panduan Guru 2.6.1

- Murid membaca dan memahami maklumat.

PK: Nilai Murni – Mematuhi peraturan
Strategi P & P: KB – Menjanakan idea
Ilmu – Pendidikan Keselamatan Jalan Raya
Pembelajaran Kontekstual

Menulis

Berwaspada di Kawasan Rehat dan Rawat

memastikan bilangan murid




penyelak pintu



makan berkumpulan



mengawasi



Mesej Baharu

Kepada : atoi@yahoo.my Cc Bcc

Perkara : Lawatan ke Kuala Lumpur

Salam sejahtera, Atoi,
Saya ingin bercerita tentang pengalaman saya menyertai lawatan ke Kuala Lumpur. Semasa dalam perjalanan, bas berhenti di kawasan Rehat dan Rawat Tapah. Cikgu Zaiton mengingatkan saya tentang keselamatan .

Aktiviti

- Menulis e-mel untuk menyampaikan maklumat secara kohesi dan koheren.

Panduan Guru 3.6.1

- Murid mengenal pasti idea utama dan idea sampingan berdasarkan bahan.

PK: Nilai Murni – Menjaga keselamatan diri
Strategi P & P: KB – Menghubungkaitkan

Ilmu – Pendidikan Moral
Pembelajaran Kontekstual

Melafazkan Puisi

Awasi Keselamatanmu

Sahabatku
Nasihatku jangan dilupa
Kata-kata ini amat bermakna
Walau di mana-mana kauberada
Keselamatan diri tetap diutama



Sahabatku
Awasi dompetmu
Pastikan di sisimu
Biarlah bersama-sama
Takut nanti hilang entah ke mana
Kelak pasti jiwa merana

Sahabatku
Bersendirian tanpa tuju
Mungkin bahaya sedang menunggu
Nanti diculik tak siapa yang tahu



Sahabatku
Jika kamu hadapi masalah
Usah kamu berasa gundah
Pantang alah jangan pasrah
Tenangkan diri elak amarah

Sahabatku
Awasi keselamatanmu
Usah leka akan nasihatku
Demi kasih sayangku yang jitu.

Aktiviti

- Mendeklamasikan sajak dengan sebutan yang jelas dan intonasi yang betul.

Panduan Guru 4.4.1

- Murid memahami maksud sajak.

PK: Nilai Murni – Berwaspada
Strategi P & P: KB – Menganalisis

Ilmu – Pendidikan Moral
Pembelajaran Kontekstual

Kata Tugas


Prihatin Sentiasa




pada ialah



dari ke




cermat cekap



ya wah



jangan amat



amboi lah

Pada pukul 7.00 pagi, ✎ .

Menjelang tengah malam, bas kami telah sampai di pekarangan sekolah dengan selamat. Kini, barulah aku sedar bahawa aspek keselamatan mesti diutamakan walau di mana-mana kita berada.

Inti Bahasa

Kata tugas ialah perkataan yang hadir dalam ayat untuk mendukung sesuatu tugas.

Aktiviti

- Menggunakan kata tugas untuk melengkapkan perenggan.

Panduan Guru 5.1.7

- Murid menaakul gambar untuk mengenal pasti kata tugas.

PK: Nilai Murni – Menghargai keselamatan
Strategi P & P: KB – Membuat inferens

Ilmu – Pendidikan Moral
Pembelajaran Kontekstual

UNIT 11

Pastikan Selamat

Mendengar dan Bertutur

Awasi Diri di dalam Feri

Murid-murid Tahun Enam Sekolah Kebangsaan Taman Kencana ditugasi untuk membuat kajian lapangan tentang keselamatan semasa menaiki feri. Amar dan kawan-kawannya telah pergi ke Pangkalan Sultan Abdul Halim, Pulau Pinang untuk melaksanakan tugasan itu. Mereka ditemani oleh Cikgu Mazidah.









Setelah menjalankan kajian lapangan, kamu dikehendaki berbincang dan mengemukakan pendapat dengan berdasarkan pernyataan di bawah:

- Sistem keselamatan feri.
- Ramalkan kejadian yang mungkin berlaku jika pemandu kenderaan tidak mengikut arahan kru feri.
- Sarankan tindakan yang sesuai untuk mempertingkatkan sistem keselamatan penumpang dan kenderaan di dalam feri.

Aktiviti

- Berbincang dan memberikan pendapat dengan menggunakan ayat yang gramatis secara bertatasusila.

Panduan Guru 1.7.2

- Murid menaakul bahan untuk mencari idea yang kritis dan kreatif.

PK: Nilai Murni – Mementingkan keselamatan
Strategi P & P: KB – Menganalisis
Ilmu – Pendidikan Keselamatan Jalan Raya
Pembelajaran luar bilik darjah

Membaca

Peka akan Keselamatan Diri di Pasar

Banyak orang suka pergi ke pasar untuk membeli barang-barang dapur. Mereka perlu peka akan keselamatan di pasar. Pengunjung harus berhati-hati sewaktu berada di tempat letak kenderaan, di luar dan di dalam kawasan pasar.

Antara tempat yang perlu diberikan perhatian oleh pengunjung pasar ialah tempat letak kenderaan. Sikap cuai pengunjung yang tidak mengunci kenderaan akan mengundang bahaya. Pencuri mudah mengambil kesempatan di tempat yang sibuk.

Seterusnya, peniaga selalunya memasang payung untuk melindungi diri dan barang-barang daripada cuaca panas. Kadangkala, kaki payung itu akan mendatangkan bahaya. Ada pengunjung yang tersepak kaki payung lalu tercedera. Oleh sebab itu, pengunjung perlulah berhati-hati semasa berjalan.

Selain itu, tempat jualan sayur dan ikan selalunya basah dan lembap. Lantai yang licin itu akan menyebabkan orang ramai tergelincir jika tidak berhati-hati. Oleh hal yang demikian, pengunjung perlulah cermat ketika berjalan di kawasan ini agar tidak ditimpa kemalangan.

Di samping itu, aspek keselamatan sering tidak diambil peduli oleh pengunjung semasa melalui gerai ayam dan daging. Penjualnya selalu menggunakan alatan yang tajam seperti pisau, parang dan kapak. Pengunjung pasar perlu mengelakkan diri daripada berada terlalu dekat dengan penjual yang sedang memotong ayam atau daging. Pengunjung perlu berhati-hati demi keselamatan masing-masing.

Kesimpulannya, orang ramai perlulah peka akan keselamatan di pasar agar sentiasa selamat. Kita perlulah mengutamakan keselamatan diri di pasar kerana malang tidak berbau.



Aktiviti

- Menghasilkan idea baharu tentang aspek keselamatan.

Panduan Guru 2.6.2

- Murid membaca teks untuk memahami maklumat.

PK: Nilai Murni – Berhati-hati
Strategi P & P: KB – Mereka cipta
Ilmu – Pendidikan Moral
BCB – Bacaan imbasan dan luncuran

Menulis

Keselamatan di Pangsapuri

- tempat letak kenderaan
  - tersusun
  - mengikut kategori
  - pelekat kenderaan
  - kamera litar tertutup
- laluan keluar masuk
  - jalan sehala
  - jalan lebar
  - pos pengawal
  - penunjuk arah
- kemudahan sosial
  - kaunter khidmat awam
  - jadual penyenggaraan
  - papan informasi
  - papan tanda
  - peti surat berkunci

Amar bin Zakaria,
No. 14, Jalan Seroja,
Taman Kencana,
09100 Kuala Ketil,
Kedah.

□ Mei 20□□.

Menemui sahabatku, Sigan, yang berada di Limbang, Sarawak.

Saudara,
Apa khabar? Diharapkan saudara dan keluarga sihat selalu. Saya dan keluarga di sini sentiasa dilindungi Tuhan.

Saudara,
Tujuan saya menulis surat ini adalah untuk menceritakan pengalaman saya pergi ke pangsapuri .

Sekian, terima kasih.

Sahabatmu,
Amar

Aktiviti

- Menulis surat tidak rasmi untuk menyampaikan maklumat dengan menggunakan bahasa yang santun.

Panduan Guru 3.6.2

- Murid menaakul maklumat dengan berdasarkan bahan.

PK: Nilai Murni – Prihatin
Strategi P & P: KB – Menjanakan idea
Ilmu – Pendidikan Moral
BCB – Mencatat

Mencipta Puisi

Waspada Sentiasa

Awas kita
Waspada semua
Bahaya ada di mana-mana
Tanpa diduga
Petaka menjelma
Kita akan merana.

Usahlah resah
Usahlah malu
Jika keluar bersama-sama ibu

Jalan adik di depan ibu
Jangan kamu terburu-buru

Adik kecil dipimpin ibu







Aktiviti

- Mencipta puisi dengan menggunakan bahasa yang indah dan melafazkannya berdasarkan bahan.

Panduan Guru 4.4.2

- Murid membaca dan memahami maklumat.


PK: Nilai Murni – Mengutamakan keselamatan
Strategi P & P: KB – Mereka cipta
Ilmu – Pendidikan Moral
KP – Verbal-linguistik

UNIT 12

Fikir Sebelum Klik

Mendengar dan Bertutur

Nasihat Guru



Sebelum Klik

- Minta izin daripada ibu bapa atau guru sebelum melayari Internet.
- Berhati-hati semasa melayari Internet.
- Jangan mudah menerima seseorang dalam laman maya menjadi kawan.
- Siasat dahulu latar belakang kawan baharu.
- Jangan terima pelawaan kawan baharu untuk keluar berjalan-jalan.

Aktiviti

- Bertutur dengan menggunakan ayat yang gramatis.

Panduan Guru 1.4.1

- Murid membaca dan memahami maklumat.

PK: Nilai Murni – Berhati-hati
Strategi P & P: KB – Menjanakan idea
Ilmu – Teknologi Maklumat dan Komunikasi
KP – Interpersonal



Pembayaran dalam Talian

"Ibu, berhati-hati jika membayar bil elektrik melalui Internet," kata Amar.

"Amar, boleh tolong ibu?" tanya Puan Aminah.

"Boleh, ibu." jawab Amar.

Amar pun menerangkan cara pembayaran bil dalam talian kepada ibunya.


Puan Aminah memasukkan kata pengenalan diri. Selepas itu, beliau menaip kata laluan. Puan Aminah tidak menggunakan nombor yang mudah dikenal pasti seperti nombor kad pengenalan.

Sebelum itu, Puan Aminah memastikan laman sesawang yang dilayarinya betul. Beliau tidak mahu tersilap semasa memberikan maklumat peribadi. Beliau amat berhati-hati walaupun diminta atas urusan rasmi.

Langkah seterusnya, Puan Aminah mengklik bahagian pembayaran bil. Beliau mengisi maklumat seperti nama penuh, nombor akaun dan jumlah bayaran. Selepas menyemak maklumat pembayaran itu, beliau mengklik butang pengesahan.

Akhir sekali, beliau mengklik butang keluar setelah beliau memastikan segala maklumat pada skrin itu betul.

"Ibu, saya akan membuat peta alir tentang cara pembayaran bil dalam talian. Peta alir ini akan memudahkan ibu untuk membuat pembayaran bil-bil lain," kata Amar sambil memegang sebatang pensel dan sehelai kertas.





- Menyusun maklumat.

Panduan Guru 2.5.1

- Murid membaca dan memahami maklumat.

PK: Nilai Murni – Berwaspada
Strategi P & P: KB – Mereka cipta

Ilmu – Teknologi Maklumat dan Komunikasi
Pembelajaran Kontekstual

Menulis

Pujukan dalam Talian

Sarmeela gemar melayari Internet. Pada waktu senggang, dia berbual-bual dengan rakan lama dan rakan baharunya melalui laman sosial.

Pada suatu hari, seorang lelaki menghubungi Sarmeela melalui laman sosial. Lelaki itu memberitahu Sarmeela bahawa dia telah memenangi satu peraduan kerana laman sosialnya telah terpilih dalam undian "Anda Jutawan" semalam. Sarmeela gembira sekali.

Lelaki itu meminta nama penuh Sarmeela. Sarmeela pun memberikan namanya kepada lelaki itu. Kemudian, dia meminta nombor Mykadnya pula. Tanpa usul periksa, Sarmeela terus mengikut permintaan lelaki itu.


Seterusnya, lelaki itu meminta nombor akaun bank dan nombor pengenalan peribadi (PIN) kad bank. Dia memberikan alasan untuk memudahkannya memasukkan wang RM1juta ke dalam akaun Sarmeela. Tiba-tiba, Sarmeela teringat akan pesanan Puan Rugayah binti Aman, pegawai Bank Negara yang pernah memberikan ceramah di sekolahnya.

Sarmeela bertindak bijak dengan memutuskan perbualan tersebut.




1. Laman sesawang apakah yang dilayari oleh Sarmeela?

2. Mengapakah Sarmeela amat gembira?



3. Mengapakah Sarmeela tidak memberikan maklumat kepada lelaki tu?



4. Apakah maklumat yang dikehendaki oleh lelaki itu?



5. Jelaskan kesan jika Sarmeela tidak memutuskan perbualan itu.

Maklumat !

PIN ialah akronim bagi *personal identification number.*



Pada pendapat kamu, apakah pesanan yang diberikan oleh pegawai bank itu?

Aktiviti

- Menulis jawapan pemahaman dengan betul.

Panduan Guru 3.3.3

- Murid membaca teks dan memahami maklumat.

PK: Nilai Murni – Bertindak bijak
Strategi P & P: KB – Menilai
Ilmu – Teknologi Maklumat dan Komunikasi
BCB – Bacaan intensif

Bersama-sama Melayari Internet

Amar telah meminta izin daripada .





1. Pada pendapat kamu, mengapakah ibu Amar menemaninya semasa melayari Internet? Berikan alasan.
2. Wajarkah ibu bapa menemani kamu semasa melayari Internet? Berikan pendapat.

Aktiviti

- Bercerita dengan menggunakan kata kerja dan kata bantu berdasarkan grafik.

Panduan Guru 5.1.4

- Murid berbincang dan mengemukakan pendapat secara kritis dan kreatif.

PK: Nilai Murni – Prihatin Ilmu – Teknologi Maklumat dan Komunikasi
Strategi P & P: KB – Membuat gambaran mental KP – Verbal-linguistik

Bacaan Luas

Operasi Selamat



Operasi Selamat dikenali juga sebagai "Ops Selamat". Operasi Selamat merupakan satu operasi keselamatan jalan raya yang dijalankan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM). Operasi ini dijalankan khususnya pada musim perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baharu Cina, Deepavali, Hari Raya Aidiladha dan Hari Krismas.

Operasi Selamat dilaksanakan di negara ini mulai tahun 2012 bagi menggantikan Operasi Sikap yang telah dijalankan sejak tahun 2001. Operasi ini telah dijalankan secara bersepadu oleh PDRM dengan kerjasama daripada pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK).

Operasi ini bertujuan untuk memastikan keselamatan pengguna jalan raya sewaktu pulang bercuti dan kembali bertugas semasa musim perayaan. Di samping itu, tujuannya juga adalah untuk mengurangkan kadar kemalangan di jalan raya. Selain itu, Operasi Selamat ini juga dapat mendidik pengguna jalan raya agar mematuhi peraturan dan berhemah.

Biasanya, Operasi Selamat akan bermula seminggu sebelum musim perayaan dan berakhir seminggu selepas musim perayaan. Pada masa tersebut, orang ramai berpusu-pusu pulang ke destinasi masing-masing. Keadaan ini akan menyebabkan jalan raya menjadi sesak dengan pelbagai jenis kenderaan berat dan kenderaan ringan.

Antara langkah yang diambil semasa Operasi Selamat termasuklah memantau kenderaan berat khususnya bas ekspres, mengadakan operasi had laju dan kempen keselamatan jalan raya. Para pengguna jalan raya juga dinasihati supaya sentiasa berhemah semasa memandu, contohnya tidak berlumba-lumba di jalan raya.

Dengan adanya Operasi Selamat ini, pengguna jalan raya dapat pulang ke kampung halaman dengan selamatnya. Slogan seperti "Pandu Cermat Jiwa Selamat", "Ingatlah Orang yang Tersayang" dan "Anda boleh Mengubahnya" diharapkan dapat mendidik pengguna jalan raya supaya sentiasa berhemah.

Sumber: Polis Diraja Malaysia

Pemulihan

Jawab soalan berdasarkan petikan.

1. Apakah antara penyebab murid mudah tercedera semasa bersukan?
   Antara penyebab murid mudah tercedera semasa bersukan ialah _____ .
2. Bagaimanakah sikap murid semasa mengambil alatan?
   Semasa mengambil alatan, murid _____ .
3. Berdasarkan pendapat kamu, huraikan risiko kecederaan yang mungkin berlaku jika tilam untuk acara lompat tinggi itu nipis.
   Risiko kecederaan yang mungkin berlaku jika tilam untuk acara lompat tinggi itu nipis seperti _____ .
4. Apakah syor kamu kepada pihak sekolah agar kecederaan tidak berlaku semasa bersukan?
   Syor saya kepada pihak sekolah agar kecederaan tidak berlaku semasa bersukan ialah _____ .

Cermat Pasti Selamat

Murid-murid mudah tercedera ketika bersukan. Antara penyebabnya termasuklah cara mereka mengambil, membawa dan menyimpan alatan.

Semasa mengambil alatan, murid selalu tercedera kerana sikap mereka yang sering mengabaikan keselamatan. Selain itu, alatan sukan yang berselerak juga akan menyebabkan kecederaan kepada murid.

Jika murid ingin mengambil peluru untuk aktiviti lontar peluru, mereka perlulah berhati-hati. Jikalau peluru itu terjatuh, dibimbangi akan terhempap pada kaki dan akan menyebabkan kecederaan.

Semasa aktiviti lompat tinggi, tilam yang disediakan perlulah tebal. Tilam yang tebal dapat mengurangkan risiko kecederaan kepada murid. Pastikan juga palang pada tiang itu diletakkan dengan betulnya. Ruang untuk aktiviti itu perlulah luas dan selamat.

Kesimpulannya, murid perlulah mengambil berat tentang keselamatan semasa aktiviti sukan. Mereka perlu memastikan guru ada bersama-sama semasa mengambil dan menyimpan alatan.

Pengayaan

Kamu dan kawan-kawan kamu baru selesai menjalani aktiviti bersukan di sekolah. Semasa hendak menyimpan alatan, kamu dan kawan-kawan melihat stor sukan itu tidak terurus.

Sebagai murid yang bertanggungjawab, nyatakan cara untuk mengemaskan stor sukan itu agar mesra murid. Kamu boleh merujuk teks dan Internet agar cadangan kamu itu bernas. Kemudian, catatkan maklumat yang diperoleh itu.

TEMA 5

PUPUK PERPADUAN

Berkat Hidup Sepakat

Perpaduan Memajukan Negara

Formula Perpaduan

80

Si cantik manis anggun berjubah,
Rambutnya ikal cantik bergaya;
Saya sejenis alat muzik Sabah,
Gunakan akal tekalah saya.

84

Kalau tuan ke rumah nyonya,
Jangan lupa membawa laksa;
Kalau tuan pintar orangnya,
Bunga apa kembang di angkasa?

75

Anak ayam lari ke hutan,
Anak ungka dimakan buaya;
Saya dianyam daripada rotan,
Cubalah teka siapa saya?

Lafazkan pantun dengan sebutan dan intonasi yang betul. Kemudian, berikan jawapannya.

UNIT 13

Formula Perpaduan

Mendengar dan Bertutur

Sahutlah Cabaran

Anda berbakat dan cinta akan perpaduan? Sertailah pertandingan yang bakal mencungkil bakat dan menyemarakkan semangat perpaduan anda. Tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia tiada siapa yang tahu. Mungkin andalah juara yang kami cari.



Pertandingan
Deklamasi Puisi Perpaduan
Bersempena dengan
Hari Perpaduan

Tarikh : 11 Julai 2016
Masa : 8.00 pagi
Tempat : Dewan Gemilang
Sekolah Kebangsaan
Taman Kencana

Syarat

- Terbuka kepada murid tahap dua.
- Penyertaan adalah secara berkumpulan.
- Setiap kumpulan mestilah terdiri daripada tiga orang peserta yang berbilang kaum.
- Keputusan pengadil adalah muktamad.

Sesiapa yang berminat, sila hubungi Cikgu Syafik atau Cikgu Ang.

Hadiah menarik menanti anda!

Tarikh tutup penyertaan: 4 Julai 2016

Aktiviti

- Bercerita dengan sebutan dan intonasi yang betul dengan menggunakan pelbagai ayat.

Panduan Guru 1.5.1

- Murid meneliti dan memahami poster.

PK: Nilai Murni – Keberanian
Strategi P & P: KB – Menaakul
Ilmu – Kemasyarakatan
KP – Verbal-linguistik

Membaca

Trio Kesateria

Perlumbaan Formula Perpaduan telah menarik minat Amar dan rakan-rakannya. Dia, Jega dan Wei Chuan bersepakat untuk menyertai perlumbaan tersebut. Mereka telah mendaftarkan diri sebagai peserta dan membentuk kumpulan yang diberi nama "Trio Kesateria". Mereka berharap agar penyertaan mereka dalam perlumbaan tersebut tidak sia-sia.

Sebelum perlumbaan bermula, taklimat tentang tatacara pertandingan diberikan. Dalam pertandingan tersebut, setiap kumpulan dikehendaki menuju ke tiga buah stesen. Di setiap stesen, ada aktiviti mencabar yang perlu dilaksanakan. Kumpulan yang berjaya melaksanakan ketiga-tiga cabaran dalam masa yang paling pantas akan diisytiharkan sebagai juara.

Saat yang ditunggu-tunggu pun tiba. Gong dipalu sebagai tanda acara bermula dengan rasminya. Semangat kumpulan Trio Kesateria begitu membara. Dari satu stesen ke satu stesen, cabaran dihadapi bersama-sama.

Amar, Jega dan Wei Chuan menunjukkan semangat perpaduan yang tinggi. Mereka berpadu tenaga dan bersatu hati untuk menghadapi setiap cabaran. Perbezaan bangsa dan budaya tidak menjadi penghalang kepada mereka. Akhirnya, kumpulan mereka berjaya menjadi juara dan mendapat tepukan yang gemuruh daripada penonton.



1 Cabaran Pertama

Ulam pegaga di dalam raga,
Dibawa orang ke Kuala Sedeli;
Bola raga ditimang bertiga,
Jangan kurang dua puluh kali.

2 Cabaran Kedua

Bunga anggerik bunga berduri,
Bunga kertas pilihan dara;
Upih ditarik sambil berlari,
Siapa pantas dialah juara.

3 Cabaran Ketiga

Usah diburu kerbau betina,
Takut-takut tak sempat lari;
Mari tiru kaligrafi Cina,
Cuba ikut contoh diberi.

1. Apakah perlumbaan yang telah menarik minat Amar dan rakan-rakannya?
2. Ke manakah para peserta perlu menarik upih pinang?
3. Nyatakan cabaran yang perlu disempurnakan oleh Trio Kesateria.
4. Huraikan faktor kejayaan Trio Kesateria.

Aktiviti

- Memberikan maksud ayat yang mengandungi perkataan berimbuhan.

Panduan Guru 2.2.3

- Murid membaca dan memahami cerita.

PK: Nilai Murni – Perpaduan
Strategi P & P: KB – Menganalisis
Ilmu – Sosiobudaya
BCB – Bacaan intensif

Menulis


Harmoninya Kampung Sentosa

Penduduk Kampung Sentosa terdiri daripada pelbagai kaum dan etnik. Di kampung tersebut terdapat kaum Melayu, Cina, Iban, Bidayuh dan Melanau. Biarpun mengamalkan budaya yang berbeza, namun hidup mereka aman dan harmoni.

Mereka sering menjayakan sesuatu aktiviti tanpa wujud sebarang sengketa. .



pesta kebudayaan



acara sukan



sambutan perayaan

Nilai murni yang tersemat dalam jiwa masyarakat Kampung Sentosa merupakan kunci utama perpaduan kaum di kampung itu.

.



Penduduk Kampung Sentosa berasa gembira dan bersyukur. Berkat perpaduan kaum yang dibina, hidup mereka aman sejahtera. Mereka dapat menjalankan aktiviti harian dengan selesanya. Hasilnya, kampung mereka kian membangun. Mereka sentiasa berharap agar perpaduan kaum akan terus mekar dan kukuh sampai bila-bila.

Aktiviti

- Menulis perenggan berdasarkan bahan grafik secara kohesi dan koheren.

Panduan Guru 3.7.1

- Murid memahami dan menaakul maklumat.

PK: Nilai Murni – Toleransi
Strategi P & P: KB – Menjanakan idea

Ilmu – Kemasyarakatan
Pembelajaran Konstruktivisme

Melahirkan Imaginasi

1 Malaysia



Dunia kian berubah
Perubahan melingkari
Melaksana hasrat hati
Kejayaan terbukti

Dunia yang megah
Dengan misi yang gagah
Kerana perpaduan
Kita masih bersama

Kita satu bangsa, kita satu negara
Kita satu matlamat, oooo
Kita satu bangsa, satu negara
Kita satu Malaysia



Bermulanya sekarang
Perjalanan dilaksana
Seia sekata sehati dan sejiwa

Membina masa hadapan
Menuju kejayaan
Kita semua rakyat Malaysia
Harmoni, saling menghormati

Kita satu bangsa, kita satu negara
Kita satu matlamat, oooo
Kita satu bangsa, satu negara
Kita satu Malaysia

Ihsan: Universiti Teknologi Kreatif Limkokwing
Pencipta: Anuar bin Razak

Aktiviti

- Melahirkan imaginasi menerusi sajak yang dihasilkan dengan berdasarkan seni kata lagu.

Panduan Guru 4.1.1

- Murid menyebut seni kata lagu dan menyanyikan lagu.

PK: Nilai Murni – Hormat-menghormati
Strategi P & P: KB – Mereka cipta

Ilmu – Pendidikan Muzik
Pembelajaran Konstruktivisme

Kata Ganda

Hari Keluarga Kampung Sejahtera

Penduduk Kampung Sejahtera telah mengadakan majlis sambutan Hari Keluarga di kampung mereka. Majlis tersebut telah diadakan di Dewan Masyarakat Kampung Sejahtera. Dalam majlis tersebut, penduduk kampung yang terdiri daripada pelbagai kaum berkumpul dan beramah mesra. Majlis yang diadakan setiap tahun itu amat sesuai untuk memupuk perpaduan kaum.

Majlis Hari Keluarga Kampung Sejahtera diadakan secara besar-besaran. Para tetamu yang hadir terdiri daripada pelbagai kaum seperti Melayu, Cina, Kadazandusun, Murut dan Bajau. Selain itu, saudara-mara, rakan-rakan dan jiran tetangga turut hadir. Para tetamu dijamu dengan makanan yang enak-enak seperti kuih-muih dan lauk-pauk.

_____.



Aktiviti

- Bercerita dengan menggunakan kata ganda yang betul.

Panduan Guru 5.2.2

- Murid memahami teks dan gambar.

PK: Nilai Murni – Hormat-menghormati
Strategi P & P: KB – Menjanakan idea
Ilmu – Sosiobudaya
Pembelajaran Kontekstual


UNIT 14

Berkat Hidup Sepakat

Mendengar dan Bertutur

Seikat bagai Sirih, Serumpun bagai Serai

Masalah perpecahan penduduk Kampung Kemuni kian menjadi-jadi. Masalah itu berpunca daripada tindakan segelintir penduduk yang mengusahakan ternakan ayam secara terbuka. Bau busuk dan masalah lalat menyebabkan sesetengah penduduk hilang sabar. Pada malam itu, Pak Junid memanggil anak buahnya. Mereka mengadakan mesyuarat tergempar.





Keesokan harinya, Pak Junid berjumpa dengan pihak yang bersengketa.



Pak Junid memberikan buah fikirannya untuk menyelesaikan masalah tersebut. Beliau meminta penternak ayam menggunakan kaedah penternakan moden bagi mengelakkan masalah bau busuk dan lalat. Penduduk kampung bersetuju.



Akhirnya, pihak yang bersengketa sedar akan kesilapan. Mereka berasa insaf dan saling bermaafan.



Aktiviti

- Menceritakan cerita yang dibaca dengan sebutan dan intonasi yang betul.

Panduan Guru 1.5.2

- Murid membaca dan memahami jalur komik.

PK: Nilai Murni – Semangat bermasyarakat
Strategi P & P: KB – Menghubungkaitkan
Ilmu – Pendidikan Moral
KP – Verbal-linguistik

Membaca

Juara Persembahan Multimedia

Waktu rehat masih berbaki 15 minit. Pei Shan, Darshini dan Marsha kelihatan sedang rancak berbual di kantin. Perbualan mereka berkisar tentang projek multimedia yang bertajuk "Perpaduan Teras Kejayaan". Projek itu diusahakan oleh mereka bertiga. Tidak lama lagi projek itu akan dipersembahkan dalam Pertandingan Persembahan Multimedia di sekolah mereka.

Pei Shan : Persembahan multimedia kita hampir siap. Setakat ini, saya amat berpuas hati. Klip video tentang perpaduan kaum yang kita paparkan sangat menarik dan berkesan.

Darshini : Baguslah. Namun, saya fikir persembahan itu akan lebih menarik jika kita menggunakan alunan muzik tradisional sebagai muzik latar. Bagaimanakah pendapat kamu?

Marsha : Saya setuju, Darshini. Saya cadangkan kita menggunakan alunan alat muzik pelbagai kaum seperti seruling, sitar, erh hu dan sompoton.

Pei Shan : Wah, bagus idea itu! Saya setuju.



Dua minggu kemudian, saat yang ditunggu-tunggu pun tiba. Keputusan Pertandingan Persembahan Multimedia bakal diumumkan. Pei Shan dan rakan-rakannya berasa gementar. Jantung mereka berdegup kencang.

Darshini : (*Riak muka cemas*) Risau sungguh hati saya menunggu keputusan.

Pei Shan : Jangan begitu, Darshini. Adat bertanding, ada kalah menangnya. Harap kamu dapat berlapang dada menerima apa-apa sahaja keputusan.

Marsha : Ya, Darshini. Biarlah pihak juri yang menentukannya kerana hanya jauhari yang mengenal manikam.

Sewaktu majlis penyampaian hadiah...

Cikgu Jun Hong : Syabas, kamu menang! Kamu bertiga memang layak bergelar juara.

Pei Shan : Terima kasih, cikgu. Syukurlah, kemenangan berpihak kepada kami. (*Pei Shan, Darshini dan Marsha berjabat tangan dengan guru mereka. Kemudian, mereka berjalan menuruni pentas membawa piala kejuaraan.*)

Aktiviti

- Membaca teks yang mengandungi pelbagai jenis ayat dan ragam ayat.

Panduan Guru 2.3.1

- Murid membaca dan memahami teks.

PK: Nilai Murni – Bekerjasama
Strategi P & P: KB – Mengecam
Ilmu – Pendidikan Muzik
KP – Interpersonal

Menulis

Suburkan Perpaduan

Atoi, Amar dan Jian Hui telah berpeluang untuk menyaksikan sambutan Hari Malaysia pada 16 September tahun lepas. Suasana pada hari yang bersejarah itu sungguh meriah.



para pengunjung

8.00 pagi

- beribu-ribu orang
- pelbagai kaum
- mengibarkan Jalur Gemilang



perarakan kebudayaan kaum utama

8.30 pagi

- Melayu, Cina, India
- melambangkan perpaduan
- berbeza budaya tetapi harmoni



perarakan kebudayaan pelbagai etnik

9.00 pagi

- Bajau, Murut, Iban, Melanau
- pelbagai budaya
- ceria dan berwarna-warni



tayangan video

10.30 pagi

- memaparkan kehidupan masyarakat Malaysia
- bersatu padu
- keunikan masyarakat kita

Aktiviti

- Menulis karangan deskriptif dan imaginatif.

Panduan Guru 3.7.2

- Murid memahami dan menaakul maklumat.

PK: Nilai Murni – Toleransi
Strategi P & P: KB – Menganalisis

Ilmu – Sejarah
Pembelajaran Konstruktivisme

Mengubah Suai Seni Kata Lagu

Mekarnya Perpaduan

Malaysia Tanah Airku


Malaysia oh tanah airku
Tanah tempat tumpah darahku
Negeri elok amat kucinta
Yang kupuja sepanjang masa

Sawahmu terbentang meluas
Tumbuh-tumbuhan hijau merendang
Bukitmu lurusnya terbentang
Tak jemu mataku memandang

(korus)
Sungguh indah di Malaysia
Negeri yang kaya-raya
Tempat pusat berniaga
Terkenal di seluruh dunia

Malaysia negeriku Malaysia
Pusaka tinggalan moyangku
Tetap sentosa hidup merdeka
Malaysia oh tanah airku

Pencipta lagu: Johar Bahar



Malaysiaku Makmur

Di sini terbina negara
Yang makmur namanya Malaysia
Pelbagai bangsa di dalamnya
Bersatu dan bekerjasama

Andai kita bersengketa
Andai kita saling mencerca
Musnahlah perpaduan kita
Musnahlah negara tercinta

(korus)
Sungguh makmur di Malaysia
Negara aman sentosa
Marilah kita pelihara
Perpaduan sesama kita



Aktiviti

- Mengubah suai seni kata lagu melalui nyanyian.

Panduan Guru 4.1.2

- Murid menaakul seni kata lagu dan menyanyikannya.

PK: Nilai Murni – Patriotisme
Strategi P & P: KB – Mereka cipta

Ilmu – Pendidikan Muzik
Pembelajaran Konstruktivisme

UNIT 15

Perpaduan Memajukan Negara

Mendengar dan Bertutur


Rahsia Kejayaan Negara

Encik Laurent warganegara Perancis. Beliau berkunjung ke Malaysia kerana mahu meninjau peluang perniagaan. Beliau merupakan sahabat baik Encik Zakaria, ayah Amar. Semasa berada di Malaysia, beliau dipelawa oleh Encik Zakaria ke rumahnya. Amar berkesempatan berbual dengan Encik Laurent.

Amar : Selamat datang ke Malaysia. Encik berasal dari mana?
Encik Laurent : ____.
Amar : Apakah tujuan encik datang ke Malaysia?
Encik Laurent : ____.
Amar : Mengapakah encik bercadang untuk berniaga di Malaysia?
Encik Laurent : ____. Apakah rahsia kejayaan negara ini?
Amar : Negara ini maju kerana rakyat Malaysia hidup bersatu padu. Kami mengamalkan sifat yang terpuji.
Encik Laurent : Apakah sifat yang terpuji tersebut?
Amar : ____.
Encik Laurent : Bagaimanakah sifat yang terpuji dapat dipupuk dalam diri rakyat Malaysia?
Amar : ____.

Ciri-ciri sifat terpuji

- ✓ bekerjasama
- ✓ bertolak ansur
- ✓ berbaik sangka
- ✓ saling menerima
- ✓ saling memahami
- ✓ saling menghormati



Aktiviti

- Memberikan respons terhadap ayat tanya dengan betulnya.

Panduan Guru 1.3.2

- Murid mendengar dan memahami ayat tanya.

PK: Nilai Murni – Hormat-menghormati
Strategi P & P: KB – Menjanakan idea
Ilmu – Pendidikan Moral
KP – Verbal-linguistik

Membaca

Perpaduan Menjanakan Pelaburan

Encik Laurent telah dibawa oleh Encik Zakaria menyaksikan perarakan Citrawarna Malaysia. Perarakan yang gilang-gemilang itu diadakan di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.


Perarakan tersebut telah berjaya menarik kunjungan ribuan penonton. Mereka terdiri daripada rakyat Malaysia yang berbilang bangsa serta pelancong asing.

Menerusi acara tersebut, Encik Laurent dapat melihat keutuhan perpaduan rakyat Malaysia. Semangat kerjasama dan sikap toleransi begitu terserlah dalam diri para peserta. Tanpa mengira perbezaan budaya dan agama, mereka telah bersepakat untuk menjayakan acara tersebut sehingga selesai. Mereka bersatu hati dan berganding bahu untuk menjayakan perarakan tersebut.

Sepanjang berada di Malaysia, Encik Laurent berasa sungguh gembira. Penduduk Malaysia ramah-tamah dan berbudi bahasa. Tidak timbul sedikit pun rasa bimbang dalam hatinya kerana negara Malaysia aman sejahtera.

Encik Laurent juga berasa amat kagum. Perpaduan kaum yang utuh mewujudkan suasana harmoni. Keharmonian amat penting dalam usaha memajukan negara. Bagi golongan pelabur sepertinya, beliau akan sentiasa berhati-hati untuk membuat pelaburan. Beliau perlu mengambil kira faktor keamanan sesebuah negara sebelum membuat keputusan.





Jika kamu Encik Laurent, mahukah kamu melabur di Malaysia? Berikan alasan.

Aktiviti

- Membuat keputusan dan memberikan alasan yang sesuai.

Panduan Guru 2.4.3

- Murid membaca dan memahami maklumat yang tersirat.

PK: Nilai Murni – Kesyukuran
Strategi P & P: KB – Menganalisis
Ilmu – Ekonomi
BCB – Bacaan intensif



Nikmat Perpaduan

Amar bin Zakaria,
No. 14, Jalan Seroja,
Taman Kencana,
09100 Kuala Ketil,
Kedah.

□□ Julai 20□□.

Buat tatapan sahabatku, Chong Seng di Segamat Johor semoga sihat sejahtera. Saya di sini sahaja biasa-biasa.
Saudara

Bagaimanakah keadaan saudara di sana? Masih sibukkah lagi dengan urusan dan tugasan sekolah. Biar apa pun yang sedang saudara lakukan, saya doa agar semuanya berjalan dengan lancar.

Dalam surat saudara yang lalu, saudara ada bercerita tentang kedai basikal ayah saudara. Kedai itu maju kerana mendapat sambutan dari pelangan yang berbilang bangsa.

Syukurlah, Chong Seng. Itulah nikmat perpaduan. Dengan adanya perpaduan, negara kita aman sejahtera. Rakyat dapat bekerja dan mencari rezki dengan selesa. Sebagai hasilnya, taraf ekonomi rakyat dapat dinaikkan. Negara pula menjadi semakin maju.

Baru-baru ini, seorang kenalan ayah saya dari Peranchis ada berkunjung ke negara kita. Beliau memuji rakyat Malaysia kerana mengutamakan perpaduan. Beliau telah mengambil keputusan untuk membuka perniagaan di negara kita. Pada pandangannya, negara kita istimewa cukup.

Hampir saya terlupa pula. Pada minggu hadapan saya akan ke Segamat untuk menghadiri majlis perkahwinan bapa saudara saya di sana. Kalau ada kesempatan, saya mahu mengunjungi ke rumah kamu. Bolehlah kita bersua muka nanti.

Cukuplah dulu coretan saya pada kali. Kalau ada lapang, berikan berita kepada saya. Bak kata orang, "hilang di mata, di hati jangan". Sehingga kita bertemu lagi, sambutlah salam mesra daripada saya untuk saudara sekeluarga.
Sekian, terima kasih.

Sahabatmu,
Amar



- Mengedit dan memurnikan teks.



- Murid membaca dan mengenal pasti kesalahan dari segi ejaan, tanda baca, kosa kata, imbuhan dan struktur ayat.

PK: Nilai Murni – Kesyukuran
Strategi P & P: KB – Mengecam
Ilmu – Ekonomi
Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Kata Majmuk

Sehati Memburu Impian


Pada minggu lalu, Izuni sekeluarga berkunjung ke Resort Seri Muhibah. Resort itu terletak di satu kawasan hutan rekreasi.

Izuni pergi ke sana kerana mengikut ayahnya menghadiri program "Sehati Memburu Impian" yang dianjurkan oleh syarikat tempat ayah Izuni bekerja.


Ayah Izuni serta semua kakitangan syarikat hadir dalam program tersebut. Kakitangan syarikat terdiri daripada pelbagai bangsa.

Pihak resort telah menyediakan atur cara yang menarik. .






Setelah Izuni sekeluarga tiba di Resort Seri Muhibah, mereka disambut oleh Encik Hong. Encik Hong ialah .



- pengurus besar
- kaca mata
- tali leher
- kuning cair
- budi bahasa
- tanggungjawab
- kerjasama
- reka bentuk

Aktiviti

- Bercerita tentang teks dan gambar dengan menggunakan kata majmuk yang betul.

Panduan Guru 5.2.3

- Murid membaca dan memahami maklumat.

PK: Nilai Murni – Harmoni
Strategi P & P: KB – Menghubungkaitkan
Ilmu – Ekonomi
KP – Verbal-linguistik

Bacaan Luas

Penubuhan Malaysia

Malaysia telah ditubuhkan pada 16 September 1963. Malaysia terbentuk hasil penyertaan bersama Persekutuan Tanah Melayu, Borneo Utara (Sabah), Sarawak dan Singapura. Walau bagaimanapun, Singapura berpisah daripada Malaysia pada 9 Ogos 1965. Pengisytiharan penubuhan Malaysia telah dibacakan oleh Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra, di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur. Kira-kira 30 000 orang hadir untuk menyaksikan pengisytiharan tersebut termasuklah Yang di-Pertuan Agong dan Raja-raja Melayu.

Sebelum Malaysia terbentuk, Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia yang dipengerusikan oleh Donald Stephen telah ditubuhkan. Tujuan penubuhan jawatankuasa ini adalah untuk penerangan tentang konsep Malaysia kepada orang ramai, khususnya penduduk Sabah, Sarawak dan Brunei dengan lebih jelas.

Bagi tujuan meninjau pandangan penduduk negeri-negeri di Borneo Utara dan Sarawak tentang gagasan Malaysia, Suruhanjaya Cobbold telah dibentuk pada 17 Januari 1962. Sepanjang Februari hingga April 1962, suruhanjaya ini telah menemui lebih 4000 orang dan menerima 2200 memorandum daripada pelbagai pihak.

Berdasarkan hasil tinjauan Suruhanjaya Cobbold, kira-kira 80 peratus penduduk Borneo Utara dan Sarawak menyokong penubuhan Malaysia. Laporan suruhanjaya ini seterusnya telah disahkan oleh perwakilan Setiausaha Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Pada 9 Julai 1963, satu perjanjian telah ditandatangani di Pejabat Perhubungan Komanwel di Malborough House, London. Dalam perjanjian tersebut, persetujuan telah dicapai untuk menubuhkan Malaysia pada 31 Ogos 1963. Walau bagaimanapun, penubuhan Malaysia yang dirancang pada tarikh tersebut terpaksa ditangguhkan. Hal ini berlaku demikian kerana laporan Setiausaha PBB hanya dapat disiapkan pada 14 September 1963. Akhirnya, pada 16 September 1963, penubuhan Malaysia diisytiharkan.

Sebagai mengenang tarikh penubuhan Malaysia, Hari Malaysia disambut oleh rakyat Malaysia pada 16 September setiap tahun secara gilang-gemilang pada peringkat kebangsaan. Mulai tahun 2010, Hari Malaysia telah diisytiharkan sebagai cuti umum di Malaysia.

Sumber: www.arkib.gov.my

Pemulihan

Susun dan tulis ayat dalam bentuk perenggan.

Mesej Baharu

Daripada : zakaria92@gmail.com

Kepada : laurent94@yahoo.com

Perkara : Perpaduan Rakyat Malaysia

Apa khabar, sahabatku? Terima kasih atas kiriman surat tempoh hari. Saya amat bersetuju dengan pendapat saudara tentang pentingnya perpaduan.

- Hal ini dapat dicapai kerana kami amat mementingkan perpaduan kaum.
- Negara saya terdiri daripada pelbagai kaum.
- Walaupun berbeza budaya dan agama, kami hidup aman dan harmoni.
- Ada kaum Melayu, Cina dan India.

Pengayaan

Bina dan tulis perenggan dengan menggunakan maklumat daripada pernyataan.

Perpaduan kaum dalam kalangan murid di sekolah perlu dipupuk. Program seperti Rancangan Intergrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) amat penting kerana dapat mengeratkan perpaduan dalam kalangan murid yang berbilang bangsa, etnik, budaya dan agama.

Tugasan:

1. Cadangkan aktiviti yang dapat memupuk perpaduan murid pelbagai kaum di sekolah.
2. Jelaskan kebaikan yang dapat diperoleh daripada aktiviti yang dicadangkan.
3. Bincangkan kepentingan memupuk perpaduan kaum di negara kita.

TEMA 5

PUPUK PERPADUAN

Berkat Hidup Sepakat

Perpaduan Memajukan Negara

Formula Perpaduan

80

Si cantik manis anggun berjubah,
Rambutnya ikal cantik bergaya;
Saya sejenis alat muzik Sabah,
Gunakan akal tekalah saya.

84

Kalau tuan ke rumah nyonya,
Jangan lupa membawa laksa;
Kalau tuan pintar orangnya,
Bunga apa kembang di angkasa?

75

Anak ayam lari ke hutan,
Anak ungka dimakan buaya;
Saya dianyam daripada rotan,
Cubalah teka siapa saya?

Lafazkan pantun dengan sebutan dan intonasi yang betul. Kemudian, berikan jawapannya.

UNIT 13

Formula Perpaduan

Mendengar dan Bertutur

Sahutlah Cabaran

Anda berbakat dan cinta akan perpaduan? Sertailah pertandingan yang bakal mencungkil bakat dan menyemarakkan semangat perpaduan anda. Tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia tiada siapa yang tahu. Mungkin andalah juara yang kami cari.



Pertandingan
Deklamasi Puisi Perpaduan
Bersempena dengan
Hari Perpaduan

Tarikh : 11 Julai 2016
Masa : 8.00 pagi
Tempat : Dewan Gemilang
Sekolah Kebangsaan
Taman Kencana

Syarat

- Terbuka kepada murid tahap dua.
- Penyertaan adalah secara berkumpulan.
- Setiap kumpulan mestilah terdiri daripada tiga orang peserta yang berbilang kaum.
- Keputusan pengadil adalah muktamad.

Sesiapa yang berminat, sila hubungi Cikgu Syafik atau Cikgu Ang.

Hadiah menarik menanti anda!

Tarikh tutup penyertaan: 4 Julai 2016

Aktiviti

- Bercerita dengan sebutan dan intonasi yang betul dengan menggunakan pelbagai ayat.

Panduan Guru 1.5.1

- Murid meneliti dan memahami poster.

PK: Nilai Murni – Keberanian
Strategi P & P: KB – Menaakul
Ilmu – Kemasyarakatan
KP – Verbal-linguistik

Membaca

Trio Kesateria

Perlumbaan Formula Perpaduan telah menarik minat Amar dan rakan-rakannya. Dia, Jega dan Wei Chuan bersepakat untuk menyertai perlumbaan tersebut. Mereka telah mendaftarkan diri sebagai peserta dan membentuk kumpulan yang diberi nama "Trio Kesateria". Mereka berharap agar penyertaan mereka dalam perlumbaan tersebut tidak sia-sia.

Sebelum perlumbaan bermula, taklimat tentang tatacara pertandingan diberikan. Dalam pertandingan tersebut, setiap kumpulan dikehendaki menuju ke tiga buah stesen. Di setiap stesen, ada aktiviti mencabar yang perlu dilaksanakan. Kumpulan yang berjaya melaksanakan ketiga-tiga cabaran dalam masa yang paling pantas akan diisytiharkan sebagai juara.

Saat yang ditunggu-tunggu pun tiba. Gong dipalu sebagai tanda acara bermula dengan rasminya. Semangat kumpulan Trio Kesateria begitu membara. Dari satu stesen ke satu stesen, cabaran dihadapi bersama-sama.

Amar, Jega dan Wei Chuan menunjukkan semangat perpaduan yang tinggi. Mereka berpadu tenaga dan bersatu hati untuk menghadapi setiap cabaran. Perbezaan bangsa dan budaya tidak menjadi penghalang kepada mereka. Akhirnya, kumpulan mereka berjaya menjadi juara dan mendapat tepukan yang gemuruh daripada penonton.



1 Cabaran Pertama

Ulam pegaga di dalam raga,
Dibawa orang ke Kuala Sedeli;
Bola raga ditimang bertiga,
Jangan kurang dua puluh kali.

2 Cabaran Kedua

Bunga anggerik bunga berduri,
Bunga kertas pilihan dara;
Upih ditarik sambil berlari,
Siapa pantas dialah juara.

3 Cabaran Ketiga

Usah diburu kerbau betina,
Takut-takut tak sempat lari;
Mari tiru kaligrafi Cina,
Cuba ikut contoh diberi.

1. Apakah perlumbaan yang telah menarik minat Amar dan rakan-rakannya?
2. Ke manakah para peserta perlu menarik upih pinang?
3. Nyatakan cabaran yang perlu disempurnakan oleh Trio Kesateria.
4. Huraikan faktor kejayaan Trio Kesateria.

Aktiviti

- Memberikan maksud ayat yang mengandungi perkataan berimbuhan.

Panduan Guru 2.2.3

- Murid membaca dan memahami cerita.

PK: Nilai Murni – Perpaduan
Strategi P & P: KB – Menganalisis
Ilmu – Sosiobudaya
BCB – Bacaan intensif

Menulis


Harmoninya Kampung Sentosa

Penduduk Kampung Sentosa terdiri daripada pelbagai kaum dan etnik. Di kampung tersebut terdapat kaum Melayu, Cina, Iban, Bidayuh dan Melanau. Biarpun mengamalkan budaya yang berbeza, namun hidup mereka aman dan harmoni.

Mereka sering menjayakan sesuatu aktiviti tanpa wujud sebarang sengketa. .



pesta kebudayaan



acara sukan



sambutan perayaan

Nilai murni yang tersemat dalam jiwa masyarakat Kampung Sentosa merupakan kunci utama perpaduan kaum di kampung itu.

.



Penduduk Kampung Sentosa berasa gembira dan bersyukur. Berkat perpaduan kaum yang dibina, hidup mereka aman sejahtera. Mereka dapat menjalankan aktiviti harian dengan selesanya. Hasilnya, kampung mereka kian membangun. Mereka sentiasa berharap agar perpaduan kaum akan terus mekar dan kukuh sampai bila-bila.

Aktiviti

- Menulis perenggan berdasarkan bahan grafik secara kohesi dan koheren.

Panduan Guru 3.7.1

- Murid memahami dan menaakul maklumat.

PK: Nilai Murni – Toleransi
Strategi P & P: KB – Menjanakan idea

Ilmu – Kemasyarakatan
Pembelajaran Konstruktivisme

Melahirkan Imaginasi

1 Malaysia



Dunia kian berubah
Perubahan melingkari
Melaksana hasrat hati
Kejayaan terbukti

Dunia yang megah
Dengan misi yang gagah
Kerana perpaduan
Kita masih bersama

Kita satu bangsa, kita satu negara
Kita satu matlamat, oooo
Kita satu bangsa, satu negara
Kita satu Malaysia



Bermulanya sekarang
Perjalanan dilaksana
Seia sekata sehati dan sejiwa

Membina masa hadapan
Menuju kejayaan
Kita semua rakyat Malaysia
Harmoni, saling menghormati

Kita satu bangsa, kita satu negara
Kita satu matlamat, oooo
Kita satu bangsa, satu negara
Kita satu Malaysia

Ihsan: Universiti Teknologi Kreatif Limkokwing
Pencipta: Anuar bin Razak

Aktiviti

- Melahirkan imaginasi menerusi sajak yang dihasilkan dengan berdasarkan seni kata lagu.

Panduan Guru 4.1.1

- Murid menyebut seni kata lagu dan menyanyikan lagu.

PK: Nilai Murni – Hormat-menghormati
Strategi P & P: KB – Mereka cipta

Ilmu – Pendidikan Muzik
Pembelajaran Konstruktivisme

Kata Ganda

Hari Keluarga Kampung Sejahtera

Penduduk Kampung Sejahtera telah mengadakan majlis sambutan Hari Keluarga di kampung mereka. Majlis tersebut telah diadakan di Dewan Masyarakat Kampung Sejahtera. Dalam majlis tersebut, penduduk kampung yang terdiri daripada pelbagai kaum berkumpul dan beramah mesra. Majlis yang diadakan setiap tahun itu amat sesuai untuk memupuk perpaduan kaum.

Majlis Hari Keluarga Kampung Sejahtera diadakan secara besar-besaran. Para tetamu yang hadir terdiri daripada pelbagai kaum seperti Melayu, Cina, Kadazandusun, Murut dan Bajau. Selain itu, saudara-mara, rakan-rakan dan jiran tetangga turut hadir. Para tetamu dijamu dengan makanan yang enak-enak seperti kuih-muih dan lauk-pauk.

_____.



Aktiviti

- Bercerita dengan menggunakan kata ganda yang betul.

Panduan Guru 5.2.2

- Murid memahami teks dan gambar.

PK: Nilai Murni – Hormat-menghormati
Strategi P & P: KB – Menjanakan idea
Ilmu – Sosiobudaya
Pembelajaran Kontekstual


UNIT 14

Berkat Hidup Sepakat

Mendengar dan Bertutur

Seikat bagai Sirih, Serumpun bagai Serai

Masalah perpecahan penduduk Kampung Kemuni kian menjadi-jadi. Masalah itu berpunca daripada tindakan segelintir penduduk yang mengusahakan ternakan ayam secara terbuka. Bau busuk dan masalah lalat menyebabkan sesetengah penduduk hilang sabar. Pada malam itu, Pak Junid memanggil anak buahnya. Mereka mengadakan mesyuarat tergempar.





Keesokan harinya, Pak Junid berjumpa dengan pihak yang bersengketa.



Pak Junid memberikan buah fikirannya untuk menyelesaikan masalah tersebut. Beliau meminta penternak ayam menggunakan kaedah penternakan moden bagi mengelakkan masalah bau busuk dan lalat. Penduduk kampung bersetuju.



Akhirnya, pihak yang bersengketa sedar akan kesilapan. Mereka berasa insaf dan saling bermaafan.



Aktiviti

- Menceritakan cerita yang dibaca dengan sebutan dan intonasi yang betul.

Panduan Guru 1.5.2

- Murid membaca dan memahami jalur komik.

PK: Nilai Murni – Semangat bermasyarakat
Strategi P & P: KB – Menghubungkaitkan
Ilmu – Pendidikan Moral
KP – Verbal-linguistik

Membaca

Juara Persembahan Multimedia

Waktu rehat masih berbaki 15 minit. Pei Shan, Darshini dan Marsha kelihatan sedang rancak berbual di kantin. Perbualan mereka berkisar tentang projek multimedia yang bertajuk "Perpaduan Teras Kejayaan". Projek itu diusahakan oleh mereka bertiga. Tidak lama lagi projek itu akan dipersembahkan dalam Pertandingan Persembahan Multimedia di sekolah mereka.

Pei Shan : Persembahan multimedia kita hampir siap. Setakat ini, saya amat berpuas hati. Klip video tentang perpaduan kaum yang kita paparkan sangat menarik dan berkesan.

Darshini : Baguslah. Namun, saya fikir persembahan itu akan lebih menarik jika kita menggunakan alunan muzik tradisional sebagai muzik latar. Bagaimanakah pendapat kamu?

Marsha : Saya setuju, Darshini. Saya cadangkan kita menggunakan alunan alat muzik pelbagai kaum seperti seruling, sitar, erh hu dan sompoton.

Pei Shan : Wah, bagus idea itu! Saya setuju.



Dua minggu kemudian, saat yang ditunggu-tunggu pun tiba. Keputusan Pertandingan Persembahan Multimedia bakal diumumkan. Pei Shan dan rakan-rakannya berasa gementar. Jantung mereka berdegup kencang.

Darshini : (*Riak muka cemas*) Risau sungguh hati saya menunggu keputusan.

Pei Shan : Jangan begitu, Darshini. Adat bertanding, ada kalah menangnya. Harap kamu dapat berlapang dada menerima apa-apa sahaja keputusan.

Marsha : Ya, Darshini. Biarlah pihak juri yang menentukannya kerana hanya jauhari yang mengenal manikam.

Sewaktu majlis penyampaian hadiah...

Cikgu Jun Hong : Syabas, kamu menang! Kamu bertiga memang layak bergelar juara.

Pei Shan : Terima kasih, cikgu. Syukurlah, kemenangan berpihak kepada kami. (*Pei Shan, Darshini dan Marsha berjabat tangan dengan guru mereka. Kemudian, mereka berjalan menuruni pentas membawa piala kejuaraan.*)

Aktiviti

- Membaca teks yang mengandungi pelbagai jenis ayat dan ragam ayat.

Panduan Guru 2.3.1

- Murid membaca dan memahami teks.

PK: Nilai Murni – Bekerjasama
Strategi P & P: KB – Mengecam
Ilmu – Pendidikan Muzik
KP – Interpersonal

Menulis

Suburkan Perpaduan

Atoi, Amar dan Jian Hui telah berpeluang untuk menyaksikan sambutan Hari Malaysia pada 16 September tahun lepas. Suasana pada hari yang bersejarah itu sungguh meriah.



para pengunjung

8.00 pagi

- beribu-ribu orang
- pelbagai kaum
- mengibarkan Jalur Gemilang



perarakan kebudayaan kaum utama

8.30 pagi

- Melayu, Cina, India
- melambangkan perpaduan
- berbeza budaya tetapi harmoni



perarakan kebudayaan pelbagai etnik

9.00 pagi

- Bajau, Murut, Iban, Melanau
- pelbagai budaya
- ceria dan berwarna-warni



tayangan video

10.30 pagi

- memaparkan kehidupan masyarakat Malaysia
- bersatu padu
- keunikan masyarakat kita

Aktiviti

- Menulis karangan deskriptif dan imaginatif.

Panduan Guru 3.7.2

- Murid memahami dan menaakul maklumat.

PK: Nilai Murni – Toleransi
Strategi P & P: KB – Menganalisis

Ilmu – Sejarah
Pembelajaran Konstruktivisme

Mengubah Suai Seni Kata Lagu

Mekarnya Perpaduan

Malaysia Tanah Airku


Malaysia oh tanah airku
Tanah tempat tumpah darahku
Negeri elok amat kucinta
Yang kupuja sepanjang masa

Sawahmu terbentang meluas
Tumbuh-tumbuhan hijau merendang
Bukitmu lurusnya terbentang
Tak jemu mataku memandang

(korus)
Sungguh indah di Malaysia
Negeri yang kaya-raya
Tempat pusat berniaga
Terkenal di seluruh dunia

Malaysia negeriku Malaysia
Pusaka tinggalan moyangku
Tetap sentosa hidup merdeka
Malaysia oh tanah airku

Pencipta lagu: Johar Bahar



Malaysiaku Makmur

Di sini terbina negara
Yang makmur namanya Malaysia
Pelbagai bangsa di dalamnya
Bersatu dan bekerjasama

Andai kita bersengketa
Andai kita saling mencerca
Musnahlah perpaduan kita
Musnahlah negara tercinta

(korus)
Sungguh makmur di Malaysia
Negara aman sentosa
Marilah kita pelihara
Perpaduan sesama kita



Aktiviti

- Mengubah suai seni kata lagu melalui nyanyian.

Panduan Guru 4.1.2

- Murid menaakul seni kata lagu dan menyanyikannya.

PK: Nilai Murni – Patriotisme
Strategi P & P: KB – Mereka cipta

Ilmu – Pendidikan Muzik
Pembelajaran Konstruktivisme

UNIT 15

Perpaduan Memajukan Negara

Mendengar dan Bertutur


Rahsia Kejayaan Negara

Encik Laurent warganegara Perancis. Beliau berkunjung ke Malaysia kerana mahu meninjau peluang perniagaan. Beliau merupakan sahabat baik Encik Zakaria, ayah Amar. Semasa berada di Malaysia, beliau dipelawa oleh Encik Zakaria ke rumahnya. Amar berkesempatan berbual dengan Encik Laurent.

Amar : Selamat datang ke Malaysia. Encik berasal dari mana?
Encik Laurent : ____.
Amar : Apakah tujuan encik datang ke Malaysia?
Encik Laurent : ____.
Amar : Mengapakah encik bercadang untuk berniaga di Malaysia?
Encik Laurent : ____. Apakah rahsia kejayaan negara ini?
Amar : Negara ini maju kerana rakyat Malaysia hidup bersatu padu. Kami mengamalkan sifat yang terpuji.
Encik Laurent : Apakah sifat yang terpuji tersebut?
Amar : ____.
Encik Laurent : Bagaimanakah sifat yang terpuji dapat dipupuk dalam diri rakyat Malaysia?
Amar : ____.

Ciri-ciri sifat terpuji

- ✓ bekerjasama
- ✓ bertolak ansur
- ✓ berbaik sangka
- ✓ saling menerima
- ✓ saling memahami
- ✓ saling menghormati



Aktiviti

- Memberikan respons terhadap ayat tanya dengan betulnya.

Panduan Guru 1.3.2

- Murid mendengar dan memahami ayat tanya.

PK: Nilai Murni – Hormat-menghormati
Strategi P & P: KB – Menjanakan idea
Ilmu – Pendidikan Moral
KP – Verbal-linguistik

Membaca

Perpaduan Menjanakan Pelaburan

Encik Laurent telah dibawa oleh Encik Zakaria menyaksikan perarakan Citrawarna Malaysia. Perarakan yang gilang-gemilang itu diadakan di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.


Perarakan tersebut telah berjaya menarik kunjungan ribuan penonton. Mereka terdiri daripada rakyat Malaysia yang berbilang bangsa serta pelancong asing.

Menerusi acara tersebut, Encik Laurent dapat melihat keutuhan perpaduan rakyat Malaysia. Semangat kerjasama dan sikap toleransi begitu terserlah dalam diri para peserta. Tanpa mengira perbezaan budaya dan agama, mereka telah bersepakat untuk menjayakan acara tersebut sehingga selesai. Mereka bersatu hati dan berganding bahu untuk menjayakan perarakan tersebut.

Sepanjang berada di Malaysia, Encik Laurent berasa sungguh gembira. Penduduk Malaysia ramah-tamah dan berbudi bahasa. Tidak timbul sedikit pun rasa bimbang dalam hatinya kerana negara Malaysia aman sejahtera.

Encik Laurent juga berasa amat kagum. Perpaduan kaum yang utuh mewujudkan suasana harmoni. Keharmonian amat penting dalam usaha memajukan negara. Bagi golongan pelabur sepertinya, beliau akan sentiasa berhati-hati untuk membuat pelaburan. Beliau perlu mengambil kira faktor keamanan sesebuah negara sebelum membuat keputusan.





Jika kamu Encik Laurent, mahukah kamu melabur di Malaysia? Berikan alasan.

Aktiviti

- Membuat keputusan dan memberikan alasan yang sesuai.

Panduan Guru 2.4.3

- Murid membaca dan memahami maklumat yang tersirat.

PK: Nilai Murni – Kesyukuran
Strategi P & P: KB – Menganalisis
Ilmu – Ekonomi
BCB – Bacaan intensif



Nikmat Perpaduan

Amar bin Zakaria,
No. 14, Jalan Seroja,
Taman Kencana,
09100 Kuala Ketil,
Kedah.

□□ Julai 20□□.

Buat tatapan sahabatku, Chong Seng di Segamat Johor semoga sihat sejahtera. Saya di sini sahaja biasa-biasa.
Saudara

Bagaimanakah keadaan saudara di sana? Masih sibukkah lagi dengan urusan dan tugasan sekolah. Biar apa pun yang sedang saudara lakukan, saya doa agar semuanya berjalan dengan lancar.

Dalam surat saudara yang lalu, saudara ada bercerita tentang kedai basikal ayah saudara. Kedai itu maju kerana mendapat sambutan dari pelangan yang berbilang bangsa.

Syukurlah, Chong Seng. Itulah nikmat perpaduan. Dengan adanya perpaduan, negara kita aman sejahtera. Rakyat dapat bekerja dan mencari rezki dengan selesa. Sebagai hasilnya, taraf ekonomi rakyat dapat dinaikkan. Negara pula menjadi semakin maju.

Baru-baru ini, seorang kenalan ayah saya dari Peranchis ada berkunjung ke negara kita. Beliau memuji rakyat Malaysia kerana mengutamakan perpaduan. Beliau telah mengambil keputusan untuk membuka perniagaan di negara kita. Pada pandangannya, negara kita istimewa cukup.

Hampir saya terlupa pula. Pada minggu hadapan saya akan ke Segamat untuk menghadiri majlis perkahwinan bapa saudara saya di sana. Kalau ada kesempatan, saya mahu mengunjungi ke rumah kamu. Bolehlah kita bersua muka nanti.

Cukuplah dulu coretan saya pada kali. Kalau ada lapang, berikan berita kepada saya. Bak kata orang, "hilang di mata, di hati jangan". Sehingga kita bertemu lagi, sambutlah salam mesra daripada saya untuk saudara sekeluarga.
Sekian, terima kasih.

Sahabatmu,
Amar



- Mengedit dan memurnikan teks.



- Murid membaca dan mengenal pasti kesalahan dari segi ejaan, tanda baca, kosa kata, imbuhan dan struktur ayat.

PK: Nilai Murni – Kesyukuran
Strategi P & P: KB – Mengecam
Ilmu – Ekonomi
Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Kata Majmuk

Sehati Memburu Impian


Pada minggu lalu, Izuni sekeluarga berkunjung ke Resort Seri Muhibah. Resort itu terletak di satu kawasan hutan rekreasi.

Izuni pergi ke sana kerana mengikut ayahnya menghadiri program "Sehati Memburu Impian" yang dianjurkan oleh syarikat tempat ayah Izuni bekerja.


Ayah Izuni serta semua kakitangan syarikat hadir dalam program tersebut. Kakitangan syarikat terdiri daripada pelbagai bangsa.

Pihak resort telah menyediakan atur cara yang menarik. .






Setelah Izuni sekeluarga tiba di Resort Seri Muhibah, mereka disambut oleh Encik Hong. Encik Hong ialah .



- pengurus besar
- kaca mata
- tali leher
- kuning cair
- budi bahasa
- tanggungjawab
- kerjasama
- reka bentuk

Aktiviti

- Bercerita tentang teks dan gambar dengan menggunakan kata majmuk yang betul.

Panduan Guru 5.2.3

- Murid membaca dan memahami maklumat.

PK: Nilai Murni – Harmoni
Strategi P & P: KB – Menghubungkaitkan
Ilmu – Ekonomi
KP – Verbal-linguistik

Bacaan Luas

Penubuhan Malaysia

Malaysia telah ditubuhkan pada 16 September 1963. Malaysia terbentuk hasil penyertaan bersama Persekutuan Tanah Melayu, Borneo Utara (Sabah), Sarawak dan Singapura. Walau bagaimanapun, Singapura berpisah daripada Malaysia pada 6 Ogos 1965. Pengisytiharan penubuhan Malaysia telah dibacakan oleh Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra, di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur. Kira-kira 30 000 orang hadir untuk menyaksikan pengisytiharan tersebut termasuklah Yang di-Pertuan Agong dan Raja-raja Melayu.

Sebelum Malaysia terbentuk, Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia yang dipengerusikan oleh Donald Stephen telah ditubuhkan. Tujuan penubuhan jawatankuasa ini adalah untuk penerangan tentang konsep Malaysia kepada orang ramai, khususnya penduduk Sabah, Sarawak dan Brunei dengan lebih jelas.

Bagi tujuan meninjau pandangan penduduk negeri-negeri di Borneo Utara dan Sarawak tentang gagasan Malaysia, Suruhanjaya Cobbold telah dibentuk pada 17 Januari 1962. Sepanjang Februari hingga April 1962, suruhanjaya ini telah menemui lebih 4000 orang dan menerima 2200 memorandum daripada pelbagai pihak.

Berdasarkan hasil tinjauan Suruhanjaya Cobbold, kira-kira 80 peratus penduduk Borneo Utara dan Sarawak menyokong penubuhan Malaysia. Laporan suruhanjaya ini seterusnya telah disahkan oleh perwakilan Setiausaha Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Pada 9 Julai 1963, satu perjanjian telah ditandatangani di Pejabat Perhubungan Komanwel di Malborough House, London. Dalam perjanjian tersebut, persetujuan telah dicapai untuk menubuhkan Malaysia pada 31 Ogos 1963. Walau bagaimanapun, penubuhan Malaysia yang dirancang pada tarikh tersebut terpaksa ditangguhkan. Hal ini berlaku demikian kerana laporan Setiausaha PBB hanya dapat disiapkan pada 14 September 1963. Akhirnya, pada 16 September 1963, penubuhan Malaysia diisytiharkan.

Sebagai mengenang tarikh penubuhan Malaysia, Hari Malaysia disambut oleh rakyat Malaysia pada 16 September setiap tahun secara gilang-gemilang pada peringkat kebangsaan. Mulai tahun 2010, Hari Malaysia telah diisytiharkan sebagai cuti umum di Malaysia.

Sumber: www.arkib.gov.my

Pemulihan

Susun dan tulis ayat dalam bentuk perenggan.

Mesej Baharu

Daripada : zakaria92@gmail.com

Kepada : laurent94@yahoo.com

Perkara : Perpaduan Rakyat Malaysia

Apa khabar, sahabatku? Terima kasih atas kiriman surat tempoh hari. Saya amat bersetuju dengan pendapat saudara tentang pentingnya perpaduan.

- Hal ini dapat dicapai kerana kami amat mementingkan perpaduan kaum.
- Negara saya terdiri daripada pelbagai kaum.
- Walaupun berbeza budaya dan agama, kami hidup aman dan harmoni.
- Ada kaum Melayu, Cina dan India.

Pengayaan

Bina dan tulis perenggan dengan menggunakan maklumat daripada pernyataan.

Perpaduan kaum dalam kalangan murid di sekolah perlu dipupuk. Program seperti Rancangan Intergrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) amat penting kerana dapat mengeratkan perpaduan dalam kalangan murid yang berbilang bangsa, etnik, budaya dan agama.

Tugasan:

1. Cadangkan aktiviti yang dapat memupuk perpaduan murid pelbagai kaum di sekolah.
2. Jelaskan kebaikan yang dapat diperoleh daripada aktiviti yang dicadangkan.
3. Bincangkan kepentingan memupuk perpaduan kaum di negara kita.

PENILAIAN 3

A) Berbual tentang situasi yang diberikan dengan menggunakan kata ganti nama yang betul.

Keluarga Izuni mengadakan Majlis Sambutan Ulang Tahun Hari Kelahiran Izuni yang ke-12. Majlis tersebut diadakan di rumah Izuni dalam suasana yang cukup meriah. Izuni mengundang rakan-rakannya yang terdiri daripada berbilang bangsa ke majlis tersebut. Antara rakannya yang hadir termasuklah Pei Shan dan Sarmeela serta ibu bapa mereka.



PENILAIAN 3

B) Baca dan fahami petikan, kemudian jawab soalan pemahaman.



Tan Sri Aminudin bin Baki merupakan tokoh yang sangat berjasa kepada negara. Sumbangan beliau dalam bidang pendidikan negara amat besar. Sehubungan dengan itu, beliau telah digelar sebagai Bapa Pelajaran Melayu Moden.

Beliau dilahirkan di Chemor, Perak, pada 26 Januari 1926. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Chemor, Perak. Pada tahun 1936, beliau meneruskan pengajian di Sekolah Menengah Anderson, Ipoh. Dengan keputusan yang cemerlang dalam Peperiksaan Sijil Persekolahan, beliau telah melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya Singapura dalam jurusan Sejarah pada tahun 1949.

Semasa bergelar mahasiswa universiti, beliau aktif berpersatuan. Beliau bersama-sama dengan beberapa orang anak muda Melayu telah menubuhkan Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung (GPMS). GPMS ditubuhkan untuk menjaga hak serta menjamin keperluan pendidikan anak Melayu pada ketika itu. Beliau yakin bahawa pendidikan yang baik sahaja dapat memajukan bangsa dan negara.

Setelah menamatkan pengajian, beliau telah menjadi tenaga pengajar di Maktab Perguruan Sultan Idris (kini Universiti Pendidikan Sultan Idris). Di sinilah beliau telah mengemukakan idea yang bernas bagi meningkatkan mutu sistem pendidikan. Beliau memperkenalkan kaedah pengajaran moden dan yang lebih sesuai kepada para pelajar.

Hasil kerja beliau dalam bidang pendidikan amat cemerlang. Oleh sebab itu, beliau telah dilantik untuk menyandang pelbagai jawatan penting dalam kerajaan. Antaranya termasuklah Ketua Penolong Setiausaha di Kementerian Pelajaran, Ketua Pegawai Pelajaran Negeri Sembilan dan Ketua Pegawai Pelajaran Negeri Selangor. Pada tahun 1961, beliau telah dilantik sebagai Ketua Penasihat Pelajaran Pertama negara.

Sumber: Arkib Negara Malaysia dan *Dewan Pelajar*, Bilangan 10, 2014

1. Senaraikan sumbangan Tan Sri Aminudin bin Baki dalam bidang pendidikan.
2. Jelaskan latar belakang pendidikan beliau.
3. "Pendidikan yang baik sahaja dapat memajukan bangsa dan negara." Huraikan pernyataan tersebut.
4. Wajarkah jasa beliau dikenang dan dihargai? Berikan alasan.
5. Buat rumusan tentang kejayaan Tan Sri Aminudin bin Baki.

PENILAIAN 3

C) Tulis karangan berdasarkan bahan rangsangan.

Saya Anak Malaysia



PENILAIAN 3

D) Taakul gambar, kemudian jawab soalan dan pernyataan yang diberikan.







1. Senaraikan enam kata ganda yang terdapat dalam gambar.
2. Senaraikan enam kata majmuk yang terdapat dalam gambar.
3. Buat ulasan tentang gambar tersebut. Gunakan kata ganda dan kata majmuk yang betul.
4. Apakah sikap yang ditunjukkan oleh para peserta aktiviti gotong-royong?
5. Bagaimanakah aktiviti gotong-royong dapat memupuk perpaduan kaum? Huraikan.
6. Pada pendapat kamu, mengapakah amalan kunjung-mengunjung semasa musim perayaan perlu digalakkan? Jelaskan.
7. Tulis perenggan tentang kebaikan memupuk perpaduan kaum dengan menggunakan kata ganda, kata majmuk, kata hubung dan kata adverba yang betul.
8. Nyatakan bukti yang menunjukkan bahawa sesebuah negara itu maju.
9. Apakah faktor penting yang mempengaruhi kemajuan sesebuah negara? Terangkan.
10. Cipta satu slogan tentang perpaduan kaum di negara kita.

TEMA 6

SEMANGAT CINTA AKAN NEGARA



Bangsa Membaca Bangsa Berjaya
Bahasa Jiwa Bangsa

Hujan Emas di Negeri Orang,
Hujan Batu di Negeri Sendiri
Di Sini Lahirnya Sebuah Cinta





Buatan Malaysia Pilihan Bijak
Alah Membeli Menang Memakai

Berpantang Maut Sebelum Ajal
Biar Putih Tulang Jangan Putih Mata



Berikan maksud peribahasa dan slogan.

UNIT 16

Perkasakan Bahasa Kita

Mendengar dan Bertutur

Terapkan Jati Diri

Pada minggu hadapan, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Kupang akan menyertai Karnival Bahasa Melayu. Karnival ini diadakan di Pusat Rekreasi Air Panas Ulu Legong bersama-sama dengan murid dari sekolah jenis kebangsaan di daerah Baling, Kedah.



Aktiviti

- Memberikan respons terhadap ayat perintah.

Panduan Guru 1.3.1

- Murid mengujarkan dialog dengan sebutan dan intonasi yang betul.

PK: Nilai Murni – Patriotisme
Strategi P & P KB – Menjanakan idea
Ilmu – Pendidikan Moral
KP – Verbal-linguistik

Membaca

Karnival Bahasa Melayu

Pada 27 Julai 2016, Unit Kurikulum Pejabat Pendidikan Daerah Baling telah mengadakan Karnival Bahasa Melayu. Program itu diadakan di Pusat Rekreasi Air Panas Ulu Legong, Baling, Kedah.

Peserta karnival itu terdiri daripada murid sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan daerah Baling. Penganjuran program itu bertujuan untuk menggalakkan anggota persatuan menggunakan bahasa Melayu secara berkesan.

Pada hari itu, Amar, Damrong, Izuni, Jian Hui, Sarmeela dan Min Li telah menyertai pertandingan berbalas pantun. Pertandingan itu diadakan bermula pada pukul 11.00 pagi. Mereka melafazkan pantun dengan penuh penghayatan. Penonton terpukau akan keindahan bahasa Melayu.

Pada pukul 3.00 petang, pertandingan pidato telah diadakan. Antara pesertanya termasuklah Imran, Asha dan Pei Shan. Mereka menyampaikan pidato yang bertemakan "Bahasa Melayu Bahasa Antarabangsa". Pei Shan petah berpidato dengan hujah yang bernas.

Menjelang malam, semua peserta berkumpul di dewan. Amar dan Siew Mei telah mendendangkan nyanyian lagu patriotik dan lagu asli pada malam itu. Kemerduan suara mereka telah memikat hati juri. Oleh itu, mereka diumumkan sebagai pemenang.

Kesimpulannya, Karnival Bahasa Melayu ini memberikan manfaat kepada Amar dan kawan-kawannya. Mereka berasa bangga menyertai karnival tersebut.



Peserta sedang berbalas pantun.



Peserta menyampaikan syarahan dengan gaya dan intonasi yang betul.



Pertandingan nyanyian lagu patriotik melahirkan rasa cinta akan negara.

Aktiviti

- Membaca petikan secara mekanis.

Panduan Guru 2.3.2

- Murid mencatat maklumat dengan menggunakan peta pemikiran.

PK: Nilai Murni – Patriotisme
Strategi P & P KB – Menjanakan idea
Ilmu – Pendidikan Moral
BCB – Mencatat nota

Menulis



Pejuang Bahasa

Peserta Karnival Bahasa Melayu berkumpul di bilik tayangan. Mereka menonton video berjudul "Datuk Dr. Haji Awang bin Sariyan, Pejuang Bahasa".

Pada 20 Oktober 1953, lahirlah seorang anak lelaki yang dinamai Awang. Beliau dilahirkan di Kampung Parit Bilal, Rambah, Pontian, Johor dan dibesarkan di Kampung Teluk Kerang, Pontian, Johor.

Datuk Dr. Haji Awang bin Sariyan memperoleh ijazah Sarjana Muda Persuratan daripada Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1977, ijazah Sarjana Sastera dalam bidang lingustik daripada Universiti Malaya pada tahun 1984 dan ijazah Doktor Falsafah dalam bidang falsafah pendidikan bahasa daripada universiti yang sama.

Datuk Dr. Haji Awang Sariyan telah dilantik sebagai Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada 1 Februari 2012. Sebelum itu, beliau pernah menjadi Pengarah Jabatan Bahasa di DBP. Seterusnya, beliau merantau ke luar negara demi memartabatkan bahasa Melayu. Datuk Dr. Haji Awang Sariyan dilantik sebagai penyandang pertama Kursi Pengajian Melayu Malaysia di Republik Rakyat China, yang berpangkalan di Universiti Pengajian Asing Beijing. Beliau bertugas di sana dari tahun 2008 hingga 2011.

Beliau juga pernah menyandang jawatan Profesor Bahasa di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi di Universiti Putra Malaysia dan Profesor Bahasa di Akademi Pengajian Melayu di Universiti Malaya. Selain itu, beliau pernah menjadi tenaga akademik di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Brunei Darussalam dan Universiti Pendidikan Sultan Idris. Beliau juga diundang menjadi Profesor Tamu di Universiti Frankfurt, Jerman dan di Universiti Sumatera Utara, Indonesia.

Beliau telah mengarang banyak buku dan rencana tentang bahasa Melayu. Antara bukunya yang popular termasuklah *Santun Berbahasa*, *Falsafah dan Logika Melayu* dan *Tertib Mengarang*.

Kini, buku-buku hasil penulisan Datuk Dr. Haji Awang bin Sariyan menjadi rujukan para ilmuwan bahasa di seantero dunia.

Aktiviti

- Menggunakan ejaan yang tepat semasa imlak.

Panduan Guru 3.4.1

- Murid membaca petikan dan mengenal pasti ejaan.

PK: Nilai Murni – Patriotisme
Strategi P & P KB – Mengecam
Ilmu – Pendidikan Moral
BCB – Menulis secara mekanis



Mengujarkan Cerita

Saya Bangga Berbahasa Melayu

Ruben melontarkan pandangannya ke luar jendela. Lambaian daun kelapa diperhatikan menerusi lirikan matanya.

"Ruben, apakah yang sedang bermain dalam benakmu?" tanya Ibu Ruben sambil mengukir sekuntum senyuman. Ruben pun terkejut. Pertanyaan ibunya mengganggu lamunannya.

"Saya teringat akan kata-kata Cikgu Syafik semasa menyertai Bengkel Bahasa Melayu tempoh hari," jelas Ruben.

"Kita janganlah cepat menuding jari kepada sesiapa jika bahasa Melayu dipinggirkan. Kita sendiri yang enggan dan malu untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu serta bahasa yang bertamadun tinggi," sambung Ruben dengan bersemangat laksana Hang Tuah menentang musuh di medan tempur.

"Itulah kata-kata daripada Cikgu Syafik, ibu," tegas Ruben.

Sejak hari itu, anggota keluarga Ruben menggunakan bahasa Melayu lebih kerap. Ruben juga telah memupuk kesedaran tentang pentingnya bahasa Melayu kepada adik-adiknya.

Kini, Ruben dan keluarganya berbesar hati kerana dapat bertutur dalam bahasa Melayu dengan fasihnya. Mereka berjaya menyemai perasaan cinta akan bahasa Melayu dalam keluarga mereka.

"Ibu amat bangga kerana kamu mempunyai jati diri terhadap bahasa kebangsaan kita," kata ibu Ruben.

Aktiviti

- Mengujarkan cerita dengan menggunakan bahasa yang indah.

Panduan Guru 4.2.1

- Murid membaca petikan untuk memahami maklumat.


PK: Nilai Murni – Patriotisme
Strategi P & P KB – Mensintesis

Ilmu – Pendidikan Moral
KP – Verbal-linguistik

Kata Adverba dan Kata Penegas

Catatan Jian Hui

7.30 pagi



berjalan cepat | dipasang tinggi | juga

8.00 pagi



-lah | julung kali | dibaca pantas

10.00 pagi



tepukan gemuruh | hampir pasti | sahaja

11.45 pagi



memang | harapan melangit | beratur lurus

Sabtu, 6 Ogos 2016

7.30 pagi – Saya melihat ibu bapa membawa anak-anak ke sekolah. Mereka berjalan cepat. Saya dan Ruben ternampak gegantung dipasang ✎ .

8.00 pagi – ✎ .

Inti Bahasa

Kata adverba ialah kata yang menerangkan kata nama, kata kerja, dan kata adjektif.

Contoh:
hari esok, awal pagi, menangis teresak-esak

Kata penegas ialah perkataan yang memberikan penekanan pada bahagian tertentu pada ayat.

Contoh:
juga, -tah, memang

Aktiviti

- Menulis catatan dengan menggunakan kata adverba dan kata penegas.

Panduan Guru 5.1.5

- Murid meneliti gambar untuk memahami maklumat.

PK: Nilai Murni – Patriotisme
Strategi P & P KB – Menjanakan idea
Ilmu – Pendidikan Moral
BCB – Mencatat nota

UNIT 17

Budi yang Baik Dikenang Jua

Mendengar dan Bertutur

Hormati Bendera Kita






Cara Mengibarkan Jalur Gemilang


Cara Menghormati Bendera




Sumber: www.pmr.penerangan.gov.my





Damrong : Siapakah Mohamed bin Hamzah?
Amar : Oh, beliau _____!




Bagaimanakah cara kita mengibarkan Jalur Gemilang?

Berapa darjahkah kecondongan bendera yang dikibarkan pada premis?

Apakah yang dilakukan oleh kedua-dua murid itu?

Bagaimanakah cara kita menyusun kedudukan bendera di tiang sekolah? Simulasikan.



Aktiviti

- Memberikan respons terhadap ayat tanya dengan betulnya.

Panduan Guru 1.3.2

- Murid mengenal pasti maklumat yang terdapat dalam bahan.

PK: Nilai Murni – Patriotisme
Strategi P & P KB – Menghubungkaitkan

Ilmu – Sejarah
Pembelajaran Kontekstual

Membaca

Harumkan Nama Malaysia



LONDON, 17 Mei – Norman bin Musa, seorang rakyat Malaysia yang telah mengusahakan restoran makanan Malaysia di London. Beliau juga pengeluar rempah-ratus yang terkenal pada peringkat antarabangsa.

Norman juga tukang masak utama yang mengajarkan masakan Malaysia dengan menggunakan rempah-ratus dari Malaysia. Beliau juga menggunakan rempah-ratus ini di restoran dan di kelas masakannya di London. Semangat jati dirinya terserlah dalam masakan Malaysia.

Norman juga sentiasa mempromosikan masakan Malaysia. Antara masakan Malaysia yang dijual di restorannya termasuklah sate, roti canai dan masak lemak cili padi. Beliau tidak pernah menjual masakan Barat kerana jati diri Malaysianya yang tetap menebal.

Selain itu, Norman juga turut menyertai banyak pertandingan masakan pada peringkat antarabangsa. Beliau juga telah memenangi pelbagai anugerah sepanjang usahanya mengharumkan nama negara di persada dunia. Antara kejayaannya termasuklah Cef Muda Asia dan Timur Tahunan Terbaik pada Anugerah Kari Asia 2012. Beliau turut disenarai pendek dalam kategori Cef Tahunan Terbaik pada Anugerah Festival Makanan dan Minuman Manchester 2009. Pada tahun 2010 pula, beliau dipilih selaku cef rasmi bagi pasukan Formula 1 Lotus.

Walaupun Norman telah lama menetap di London, namun semangat patriotik tetap utuh dalam jiwanya. Beliau bangga menjadi warganegara Malaysia. Sebagai bukti, cintanya kepada tanah air jelas terpancar apabila Jalur Gemilang dikibar setiap kali demonstrasi masakan diadakan di luar negara. Nama Malaysia sentiasa dekat di hati beliau biarpun berada di perantauan. Oleh sebab itu, beliau dikenali sebagai "Malaysian Chef Norman Musa". Di samping itu, beliau tetap berbahasa Melayu apabila dikunjungi oleh pelanggannya dari Malaysia.

Jawab soalan dan pernyataan.

1. Buktikan kehebatan Norman bin Musa dalam bidang masakan.
2. Sebagai rakyat Malaysia, nyatakan cara Norman bin Musa mengharumkan nama Malaysia di persada dunia dalam bidang masakan.
3. Apakah bukti yang menunjukkan Norman bin Musa cinta akan negara?
4. Nyatakan cara lain untuk mengharumkan nama negara selain bidang masakan. Jelaskan.

Aktiviti

- Membuat rumusan berdasarkan teks.

Panduan Guru 2.4.2

- Murid membaca maklumat tersurat dan tersirat.

PK: Nilai Murni – Patriotisme
Strategi P & P: KB – Mengitlak

Ilmu – Pendidikan Moral
Pembelajaran Kontekstual

Menulis

Jeneral Tan Sri Rodzali bin Daud



Siapakah Jeneral Tan Sri Rodzali bin Daud? Pada usia 18 tahun, beliau sudah menjadi juruterbang dengan pangkat leftenan muda. Ketika itu, beliau sebenarnya masih tidak tahu memandu kereta. Beliau sentiasa menjalankan tugasnya dengan penuh rasa tanggungjawab demi negara. Kehebatan luar biasa beliau semasa mengendalikan pesawat diperakukan oleh pihak Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Semasa beliau menjadi panglima TUDM, banyak misi yang telah diselesaikan oleh beliau contohnya, peristiwa konflik pemberontakan di negara Mesir pada Februari 2011. Ketika itu banyak warga Malaysia termasuk pelajar terkandas di sana. Seluruh rakyat Malaysia amat risau akan keselamatan mereka.

Lantaran itu, Jeneral Tan Sri Rodzali bin Daud telah melancarkan Ops Piramid. Beliau berjaya membawa pulang rakyat Malaysia dengan menggunakan kapal terbang TUDM. Kejayaan ini disambut dengan penuh kesyukuran.

Seterusnya, sewaktu peristiwa pencerobohan di Lahad Datu pada Februari 2013, beliau telah memimpin pasukan TUDM mengusir pencerobоh dengan menggunakan jet pejuang. Hasil kerjasama TUDM dengan pasukan keselamatan dan agensi penguat kuasa yang lain, pencerobоh negara akhirnya berjaya diusir.

Pada tahun 2014, anak jati Besut, Terengganu ini telah bersara setelah berkhidmat selama 41 tahun. Kini, anak didiknya dalam TUDM masih meneruskan misi mengawal angkasa raya kita untuk mempertahankan kedaulatan negara.

Sumber: Diubah suai daripada *Utusan Malaysia*, 10 September 2014

Aktiviti

- Menulis teks secara imlak dengan ejaan dan tanda baca yang tepat.

Panduan Guru 3.4.2

- Murid membaca dan mengenal pasti ejaan dan tanda baca.

PK: Nilai Murni – Bertanggungjawab
Strategi P & P: KB – Mengecam

Ilmu – Sejarah
Pembelajaran Kontekstual

Kata Tugas

Biar Putih Tulang

Alkisah pada zaman dahulu, kehidupan sekumpulan haiwan di sebuah negeri umpama tikus jatuh ke beras. Mereka hidup dengan aman damai.

Malangnya, pada suatu hari, negeri mereka telah diserang oleh jentolak. Negeri mereka diceroboh secara haram. Dengan rakusnya, jentolak itu menumbangkan pokok-pokok yang telah berusia beratus-ratus tahun.

Syahadan, Sang Gajah yang gagah seperti Badang memanggil warga negeri itu berkumpul.

Seterusnya, Sang Gajah berkata "Wahai penduduk negeri Indah Permai, bersatu kita teguh, bercerai kita roboh!"

"Marilah kita bersatu hati mempertahankan negeri ini hingga titisan darah terakhir," kata Sang Merang.


Tiba-tiba, haiwan-haiwan di situ terdengar suatu suara.

"Ah, aku mahu lari dari sini!" kata Sang Biawak yang menyebabkan haiwan lain terpaku bagaikan dipanah halilintar.

"Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri. Aku tetap cinta akan negeriku," kata Sang Siput sambil mengesot ke arah Sang Biawak.

"Biar putih tulang, jangan putih mata," kata Sang Gajah.

Akhirnya, _____.



Aktiviti

- Menggunakan pelbagai kata tugas semasa menyambung cerita.

Panduan Guru 5.1.7

- Murid memahami cerita.

PK: Nilai Murni – Berani
Strategi P & P: KB – Menaakul
Ilmu – Pendidikan Moral
KP – Verbal-linguistik

UNIT 18

Bersyukurlah

Mendengar dan Bertutur

Citra Pendidik



reda



rela berkorban nyawa




sanggup menempuh cabaran



guru umpama lilin



ringan tulang



prihatin

Guru bertugas tanpa mengira penat lelah demi mendidik anak bangsa. Mereka menganggap anak murid seperti anak sendiri.

Berbual dengan rakan kamu tentang pengorbanan guru di Malaysia.

Aktiviti

- Berbual dengan berdasarkan gambar secara bertatasusila.

Panduan Guru 1.4.3

- Murid menggunakan kata ganti nama diri dan kata ganti nama tunjuk yang sesuai.

PK: Nilai Murni – Prihatin
Strategi P & P: KB – Menjanakan idea

Ilmu – Pendidikan
Pembelajaran Kontekstual

Membaca

Utamakan Barangan Buatan Malaysia

Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengacara Majlis, para hakim yang arif lagi bijaksana dan yang saya kasihi warga SJKC Baling.
Hadirin yang saya muliakan,

Berdirinya saya di pentas ini untuk menyampaikan pidato yang bertajuk, "Utamakan Barangan Buatan Malaysia". Sebelum hujah saya utarakan, izinkan saya menghuraikan dan membuka minda warga dewan ini tentang maksud tersurat dan tersirat pidato ini. Merujuk *Kamus Dewan* edisi keempat pada halaman 1785, "mengutamakan" bermaksud menganggap lebih penting daripada yang lain. Barangan buatan Malaysia bermaksud sesuatu produk yang dikeluarkan oleh negara kita.
Hadirin yang saya hormati,

Ayuh, kita menghayati hujah-hujah saya ini! Kerajaan Malaysia menggalakkan kita membeli barangan buatan tempatan. Mengapa? Jawapannya, banyak faedah yang akan diperoleh jika kita menyokong dan membeli barangan keluaran tempatan. Kita dapat menyejahterakan warga Malaysia dan merancakkan ekonomi negara.

Seterusnya, kita mestilah mengutamakan barangan Malaysia kerana barangan kita bermutu tinggi. Barangan tersebut bersesuaian dengan cuaca dan sosiobudaya tempatan selain berkualiti dan tahan lama jika dibandingkan dengan produk yang diimport.

Selain itu, kita dapat membantu ekonomi negara. Wang yang digunakan untuk membeli barangan buatan Malaysia tidak mengalir ke luar negara. Oleh hal yang demikian, ekonomi negara kita sentiasa stabil.

Di samping itu, kita dapat membeli barangan dengan harga yang murah. Kita dapat menjimatkan wang saku. Wang lebihan itu dapat disimpan demi masa depan untuk membeli peralatan sekolah dan seumpamanya.

Kesimpulannya, kita perlulah .

Sebelum saya mengakhiri pidato saya ini, marilah kita menghayati pesanan mantan perdana menteri kita, Tun Abdullah bin Ahmad Badawi, "Rakyat Malaysia perlulah mengutamakan barangan buatan Malaysia serta mengikis sikap prejudis terhadap barangan tempatan".

Sekian, terima kasih.

Aktiviti

- Membuat rumusan berdasarkan teks.

Panduan Guru 2.4.2

- Murid membaca teks dan menaakul maklumat.

PK: Nilai Murni – Cinta akan negara
Strategi P & P: KB – Membuat kesimpulan
Ilmu – Ekonomi
KP – Verbal-linguistik

Menulis

Pengorbanan Wira Negara

Pada minggu lepas, Imran dan kawan-kawannya menonton tayangan video tentang Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Selain mempertahankan negara, mereka juga menghulurkan bantuan kepada masyarakat.

Dalam tayangan tersebut, ✎.



berkumpul | bersedia



berpindah | membantu



memasak | bergotong-royong



mencuci | mendirikan

Imran dan kawan-kawannya bertepuk tangan sambil bersorak riang selepas menonton tayangan itu. Mereka berasa sungguh bangga akan pengorbanan wira negara.

Aktiviti

- Melengkapkan karangan dengan menggunakan penanda wacana.

Panduan Guru 3.7.1

- Murid membaca dan memahami maklumat berdasarkan gambar.

PK: Nilai Murni – Prihatin
Strategi P & P: KB – Menjanakan idea

Ilmu – Sejarah
BCB – Mencatat nota



Kata Hubung

Kita Sudah Berjaya

Pagi Ahad yang lalu, Amar, Damrong, Izuni dan Iffah berkumpul di hadapan pintu masuk ke kawasan perumahan mereka. Mereka bercadang untuk membantu penduduk di kawasan perumahan mereka menyiapkan pondok kawalan keselamatan. Walaupun usia mereka masih muda, mereka sanggup memerah keringat demi sayang akan kawasan perumahan mereka.

Penduduk membawa alatan	cangkul, penukul, paku, kayu dan lain-lain
Seterusnya, ketua kampung berdiri	memberikan taklimat
Selepas itu, mereka mula bekerja	tekun
Ada yang ditugasi	membancuh simen
Izuni menyediakan minuman	Iffah menyiapkan makanan
Akhirnya, pondok keselamatan itu berjaya disiapkan	menjelang tengah hari
Setelah kerja selesai, penduduk kampung berehat	menikmati hidangan

lalu

seperti

sambil

manakala

tatkala

dengan

untuk

Kerja menyiapkan pondok keselamatan ini bukanlah perkara yang mudah. Ketua kampung menyatakan bahawa hanya kerjasama yang jitu daripada penduduk dapat menyiapkan pondok tersebut. Oleh itu, ketua kampung mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat.



Aktiviti

- Mengenal pasti kata hubung dan membina ayat menjadi perenggan.

Panduan Guru 5.1.6

- Murid memindahkan maklumat dengan menggunakan kata hubung dalam bentuk karangan.

PK: Nilai Murni – Semangat bermasyarakat
Strategi P & P: KB – Menjanakan idea
Ilmu – Reka Bentuk dan Teknologi
Pembelajaran Konstruktivisme

Bacaan Luas

Kenali Benteng Negara Kita


Angkatan Tentera Malaysia, atau singkatannya ATM, ialah pihak yang bertanggungjawab mempertahankan kedaulatan dan keamanan negara. ATM mempunyai tiga ketumbukan utama, iaitu Tentera Darat Diraja Malaysia (TDM), Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM). Tanggungjawab mempertahankan negara daripada ancaman, pencerobohan dan serangan musuh dari dalam ataupun dari luar negara merupakan tugas utama ATM.



TDM ialah pasukan yang paling besar dalam ATM. Tugas tentera darat menjaga keamanan negara di daratan. Dengan aset yang canggih seperti kereta kebal, kereta perisai dan senjata yang canggih serta moden, tentera darat berupaya menangkis serangan musuh dengan pantasnya.



TUDM pula bertanggungjawab untuk menjaga kedaulatan negara daripada serangan musuh melalui udara. TUDM mempunyai kepakaran dan kekuatan untuk menangkis pencerobohan melalui ruang udara dengan tangkasnya. Aset TUDM seperti jet pejuang, peluru berpandu, kapal terbang dan helikopter amat disegani oleh musuh negara.



TLDM bertugas untuk menjaga keselamatan perairan negara daripada ancaman musuh di lautan. Di samping itu, pasukan ini juga mengawal perairan negara daripada ancaman lanun dan pendatang asing tanpa izin. TLDM mempunyai kelengkapan seperti kapal perang, kapal selam, kapal peluru berpandu dan bot penyelamat.

Sebagai rakyat Malaysia, kita mesti bersyukur dan berbangga kerana mempunyai angkatan tentera yang berupaya untuk menjaga keamanan negara dan kesejahteraan rakyat. Perajuritnya pula terlatih, berani dan mempunyai semangat cinta akan negara yang padu. Mereka sanggup berkorban demi negara Malaysia yang tercinta.

Sumber: Angkatan Tentera Malaysia

Pemulihan

Berikan respons berdasarkan gambar.


Guru menyediakan bahan untuk menjayakan aktiviti pemulihan. Bahan yang perlu disediakan oleh guru ialah bendera Malaysia yang belum lengkap.




Gemilang

Jalur

Nama Bendera: _____



1. Tandakan dan lengkapkan bendera Malaysia.
2. Apakah maksud warna-warna yang ada pada bendera Malaysia?
3. Mengapakah kita perlu menghormati bendera Malaysia?
4. Nyatakan cara kita menghormati bendera Malaysia.



Pengayaan

Bermain sambil memberikan respons.

Cara bermain:


1. Libatkan sekurang-kurangnya dua orang peserta.
2. Lambungkan dadu.
3. Tanyakan soalan dan pernyataan berdasarkan nombor dadu.
4. Peserta yang melambungkan buah dadu akan memberikan respons terhadap soalan kawan. Peserta mendapat markah berdasarkan markah yang tertera pada gambar.
5. Peserta akan bergilir-gilir melambungkan dadu.
6. Peserta yang mendapat paling banyak markah diumumkan sebagai pemenang.

* Sila layari Internet atau rujuk guru jika jawapan yang diberikan kurang jelas.











Negaraku,
Tanah tumpahnya darahku,
Rakyat hidup,
Bersatu dan maju,
Rahmat bahagia,
Tuhan kurniakan,
Raja kita selamat bertakhta,
Rahmat bahagia,
Tuhan kurniakan,
Raja kita selamat bertakhta.

12

Soalan dan pernyataan:

1. Mengapakah Muzium Tentera Darat dibina?
2. Cuba kamu syorkan kaedah dan cara untuk melariskan kereta buatan Malaysia.
3. Analisis lambang dan warna pada bendera Malaysia. Kemudian, jelaskan maknanya.
4. Wajarkah lagu "Negaraku" dinyanyikan sebelum semua acara yang akan diadakan dalam majlis rasmi dan tidak rasmi? Berikan alasan kamu.
5. Kenal pasti negarawan dan jelaskan sumbangan mereka kepada negara.

TEMA 7

INDAHNYA WARISAN KITA



Muzik tradisional alunannya merdu,
Menusuk jiwa mengusir sendu.



Pusaka berharga warisan silam,
Usah dibiarkan terus tenggelam.



Hendaklah kita ingat sentiasa,
Hargailah adat budaya bangsa.

- Baca dan bincangkan. Kaitkan gambar dengan gurindam.

UNIT 19

Khazanah Kesenian Bangsa

Mendengar dan Bertutur

Seni Persembahan

Tarian Hadrah

- ahli kumpulan terdiri daripada 10 hingga 12 orang pemain gendang dan empat orang penari
- peralatan yang digunakan ialah sebuah gendang besar, dua buah gendang kecil dan 10 buah gendang pengibu
- amat popular pada 1950-an dan 1960-an terutamanya di Perlis, Kedah, Perak dan Pulau Pinang
- pada masa dahulu dikenali dengan nama Noge



Sarmeela : Itu persembahan apa?
Guru tarian : Itu persembahan Hadrah.
Sarmeela : Apakah 👄?
Guru tarian : Persembahan Hadrah ialah persembahan tarian dan nyanyian yang diiringi oleh paluan gendang dan gong.
Sarmeela : Tolong 👄.
Guru tarian : 👄.

Jian Hui : Wah, 👄!
Ibu : Memang benar, Jian Hui. Persembahan itu sungguh unik dan menarik. Tahukah kamu tentang persembahan itu, Jian Hui?
Jian Hui : 👄.
Ibu : Apakah kisah yang mahu disampaikan dalam persembahan tersebut?
Jian Hui : 👄.
Ibu : Pada pendapat kamu, perlukah generasi muda sekarang mempelajari seni tersebut?
Jian Hui : 👄.



Opera Cina

- persembahan seni yang melibatkan pelbagai cara penyampaian di atas pentas
- menggabungkan muzik, nyanyian, tarian dan kadangkala akrobatik
- pelakon mengenakan pakaian tradisional dan solekan muka yang tebal
- mengisahkan kegagahan pahlawan dan golongan bangsawan Cina

Aktiviti

- Bertutur dengan menggunakan ayat yang gramatis.

Panduan Guru 1.4.1

- Murid membaca dan memahami maklumat.

PK: Nilai Murni – Menghargai warisan
Strategi P & P: KB – Menjanakan idea
Ilmu – Kebudayaan
KP – Verbal-linguistik

Membaca

Persembahan Muzik yang Istimewa

Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Kupang akan menganjurkan pertandingan muzik tradisional di sekolah. Atoi dan rakan-rakannya mahu menyertai pertandingan tersebut. Mereka bercadang untuk mengadakan persembahan muzik yang istimewa. Persembahan tersebut mestilah menghiburkan dan tidak sukar untuk dilakukan.


Sebelum membuat keputusan untuk memilih jenis persembahan, mereka mencari maklumat daripada pelbagai sumber.



Seruling Hidung

Alat muzik ini dimainkan oleh masyarakat Orang Asli di negara kita. Alunan bunyi yang dihasilkan unik sekali. Pemain seruling perlu menyumbatkan sebelah hidungnya dengan daun atau secebis kain, manakala sebelah lagi digunakan untuk meniup seruling.

Serunai Batang Padi



Alat muzik ini lazimnya dimainkan oleh kanak-kanak yang tinggal di kawasan penanaman padi. Bunyinya nyaring. Alat muzik ini diperbuat daripada seruas batang padi. Sehelai daun rumbia atau daun ibus muda dililitkan pada bahagian hujung batang padi itu untuk membentuk serombong. Pemain perlu meniup serunai ini secara menegak pada bahagian hujungnya yang lebih kecil.

Serunai Daun Kelapa



Alat muzik ini sering dimainkan oleh kanak-kanak di kampung. Bunyinya agak unik. Alat muzik ini diperbuat daripada daun kelapa muda. Biasanya, alat muzik ini dibentuk seperti tanduk, iaitu mirip tanduk kerbau.



Aktiviti

- Membuat keputusan dengan memberikan alasan yang sesuai.

Panduan Guru 2.4.3

- Murid membaca dan memahami maklumat.

PK: Nilai Murni – Rasional
Strategi P & P: KB – Menyelesaikan masalah

Ilmu – Pendidikan Muzik
Pembelajaran Koperatif

Menulis

Kisah Penggiat Seni Telepuk



Puan Rogayah ialah ibu saudara Izuni. Beliau merupakan penggiat seni telepuk yang ternama. Kemahiran beliau dalam seni telepuk amat dihargai dan diiktiraf oleh masyarakat tempatan dan antarabangsa.

Pada suatu hari, beliau telah diundang ke festival kesenian di ibu kota. Semasa berada di sana, beliau terpandang akan seseorang yang amat dikenalinya suatu ketika dahulu.

"Itu Cikgu Azimah, bekas guru Pendidikan Seniku," bisik hati Puan Rogayah.

Secara tiba-tiba, peristiwa yang berlaku kira-kira 20 tahun yang lalu menerjah ingatannya. Ketika itu, dia masih di bangku sekolah.

"Apakah maksud telepuk, cikgu?" tanya Rogayah. Sebelum itu, Cikgu Azimah telah menunjukkan sehelai kain telepuk yang cantik kepada murid-muridnya di dalam kelas.



"Telepuk bermaksud bunga-bungaan dan corak-corak lain yang diperbuat daripada perada emas," jawab Cikgu Azimah.

"Perada itu apa, cikgu?" Rogayah bertanya dengan lebih lanjut.

"Perada ialah serbuk berwarna emas. Dalam proses menelepuk, perada akan dilekatkan di atas kain untuk menghasilkan motif tertentu. Selain perada emas, peralatan yang digunakan dalam proses menelepuk ialah gam Arab, pelbagai corak sarang bunga kayu berukir, sudip buluh dan berus," jelas Cikgu Azimah lagi.

"Adakah seni telepuk ini akan kekal 20 tahun akan datang, cikgu?" Rogayah menimbulkan persoalan.

"Selagi masyarakat kita menghargai warisan seni bangsa, cikgu yakin bahawa seni ini akan terus terpelihara. Mungkin suatu hari nanti kamu akan menjadi penggiat seni telepuk yang ternama, Rogayah. Siapa tahu?" Cikgu Azimah membuat ramalan.

Kini, ramalan Cikgu Azimah itu menjadi kenyataan.

Jawab soalan.

1. Siapakah Cikgu Azimah?
2. Apakah maksud telepuk?
3. Bagaimanakah proses menelepuk dilakukan?
4. Mengapakah kita perlu menghargai warisan seni bangsa?
5. Ramalkan masa depan seni telepuk di negara kita.

Aktiviti

- Menulis jawapan pemahaman secara kritis dan kreatif.

Panduan Guru 3.3.3

- Murid membaca dan memahami teks untuk mendapatkan jawapan.

PK: Nilai Murni – Kegigihan
Strategi P & P: KB – Menjanakan idea
Ilmu – Pendidikan Seni Visual
KMD – Meramal

Mengujarkan Cerita

Kisah Hidup Sepotong Kayu



Aku merupakan sepotong kayu di sebuah kilang papan usang. Hidupku terbiar kerana khidmatku sudah tidak diperlukan lagi. Aku berasa amat kecewa.

Sebelum aku dibawa ke kilang papan ini, aku hidup gah di rimba raya. Hidupku sungguh tenang dan gembira di sana. Aku amat dihormati dan dipandang tinggi oleh penghuni rimba. Badanku besar dan usiaku puluhan tahun.

Pada suatu hari, aku didatangi oleh seorang pengukir kayu. Beliau memungut aku lalu membawa aku pulang. Beliau mahu menghasilkan ukiran yang cantik pada badanku.

Beliau merupakan pengukir kayu yang sangat handal. Dengan menggunakan peralatan seperti pahat, tukul dan ketam kayu, beliau memulakan kerja tangannya.

Beliau mengukir pelbagai jenis motif pada badanku.



Maklumat !

- Motif ialah ragam hias atau reka corak yang dihasilkan pada kraf tangan.
- Motif flora ialah motif bunga-bungaan dan tumbuh-tumbuhan.
- Motif fauna ialah motif yang menggunakan bentuk unggas, haiwan dan serangga.
- Motif angkasa atau kosmos menerapkan gambaran awan larat seperti bintang, matahari, bulan dan bukit-bukau.
- Motif geometri menampilkan bentuk seperti bulatan dan segi tiga.

Aku ____.



motif fauna



motif flora



motif kosmos

Aktiviti

- Mengujarkan cerita dengan menggunakan bahasa yang indah.


Panduan Guru 4.2.2

- Murid memahami teks dan gambar untuk menyampaikan cerita.

PK: Nilai Murni – Kesyukuran
Strategi P & P: KB – Menjanakan idea
Ilmu – Kesenian
KP – Verbal-linguistik

Kata Majmuk

Ikutlah Resmi Padi



buluh perindu • bangga diri • berpadu suara • uji bakat • buang masa • patah semangat • bersemangat waja • tunjuk ajar • luar biasa • berpuas hati • sukacita • air mata • antarabangsa • merah muka

Aktiviti

- Melengkapkan cerita dengan menggunakan kata majmuk yang betul.

Panduan Guru 5.2.3

- Murid membaca dan memahami jalur komik.

PK: Nilai Murni – Merendah diri
Strategi P & P: KB – Mereka cipta

Ilmu – Pendidikan Muzik
Pembelajaran Konstruktivisme

Mendengar dan Bertutur

Peliharalah Warisan Kita

Satu forum bertajuk "Kepentingan Memelihara Bangunan Warisan" telah diadakan. Panel forum tersebut terdiri daripada Tan Sri Hashim bin Ali, Datuk Mohan dan Datin Aliah binti Ahmad. Forum itu dipengerusikan oleh Profesor Azmi.

Profesor Azmi : Mengapakah bangunan warisan perlu dipelihara? Boleh ___ jelaskan?

Tan Sri Hashim : Bangunan warisan perlu dipelihara kerana bangunan ini mempunyai nilai seni dan estetik yang tinggi.

Profesor Azmi : ___?

Datuk Mohan : Pandangan saya seperti pandangan Tan Sri Hashim. Bangunan warisan amat tinggi nilai seninya.

Profesor Azmi : ___?

Datin Aliah : Bangunan warisan seperti ___.



Istana Kenangan, Bukit Chandan



Menara Condong Teluk Intan

Setelah forum itu selesai, Profesor Azmi berbual-bual dengan panel forum tersebut.

Profesor Azmi : ___.

Datin Aliah : Sama-sama, Profesor Azmi. Saya berbesar hati kerana dapat menjayakan forum ini.

Profesor Azmi : ___.

Tan Sri Hashim : Terima kasih, Profesor Azmi. Saya berharap agar pandangan saya dapat menyedarkan masyarakat kita.



Muzium Sarawak

Aktiviti

- Berbual dengan menggunakan kata gelaran yang sesuai.

Panduan Guru 1.4.2

- Murid membuat simulasi berdasarkan teks perbualan.

PK: Nilai Murni – Menghargai warisan
Strategi P & P: KB – Menjanakan idea
Ilmu – Sejarah
KP – Verbal-linguistik

Membaca

Menghayati Karya Sastera

Izuni sangat gemar membaca karya sastera seperti cerita rakyat dan puisi. Bagi Izuni, karya sastera dapat berfungsi sebagai bahan hiburan dan bahan pendidikan yang berkesan. Karya sastera yang bermutu dapat membentuk peribadi dan meningkatkan daya intelek seseorang. Nilai, mesej dan pengajaran yang terkandung dalam karya sastera memberikan kesan kepada minda dan jiwa para pembaca.

Pada suatu pagi, Izuni membaca cerita rakyat yang bertajuk "Tukang Kayu dan Tukang Besi".



Di sebuah pekan kecil, tinggallah seorang tukang kayu dan seorang tukang besi yang rajin bekerja. Tukang Kayu sangat mahir bertukang kayu manakala Tukang Besi sangat mahir bertukang besi. Kedua-duanya mampu menghasilkan pelbagai barangan hiasan dan senjata yang amat elok buatannya. Namun begitu, perniagaan mereka tidak begitu maju. Tukang Kayu dan Tukang Besi berasa amat susah hati.

Tidak jauh dari tempat tinggal mereka, ada seorang kaya yang baik hati. Orang Kaya berasa simpati akan nasib malang yang menimpa Tukang Kayu dan Tukang Besi. Beliau bercadang untuk membantu mereka.

Pada suatu hari, Orang Kaya datang berjumpa dengan Tukang Kayu dan Tukang Besi. Orang Kaya pun memberikan buah fikirannya.

"Ramai orang yang tidak tahu tentang hasil kerja kamu. Kedai kamu agak tersorok daripada pandangan orang yang lalu-lalang. Saya rasa kamu perlu berpindah ke tempat yang lain," ujar Orang Kaya. Tukang Kayu dan Tukang Besi kelihatan muram. Mereka tidak mempunyai tempat lain untuk berniaga.

"Beginilah, kamu boleh menumpang di kedai saya," kata Orang Kaya lagi. Tukang Kayu dan Tukang Besi pun bersetuju.



Selepas beberapa bulan, perniagaan Tukang Kayu dan Tukang Besi semakin maju. Saban hari, ramai orang datang untuk membeli barang yang dijual oleh mereka.

Tukang Kayu dan Tukang Besi berasa sungguh gembira. Mereka mengucapkan terima kasih kepada Orang Kaya kerana telah membantu mereka.

Aktiviti

- Membuat ulasan tentang cerita "Tukang Kayu dan Tukang Besi".

Panduan Guru 2.4.1

- Murid membaca dan memahami maklumat.

PK: Nilai Murni – Menghargai warisan
Strategi P & P: KB – Merumuskan

Ilmu – Sastera
Pembelajaran Kontekstual

Menulis

Menimba Ilmu di Muzium Diraja

Amar dan rakan-rakannya telah menyertai lawatan sambil belajar ke Muzium Diraja, Kuala Lumpur. Lawatan yang dianjurkan oleh Kelab Budaya Sekolah Kebangsaan Taman Kencana itu diadakan pada 19 Ogos 20□□. Lawatan itu disertai oleh 40 orang anggota Kelab Budaya dan empat orang guru pengiring.

Lawatan itu dianjurkan untuk menambahkan ilmu pengetahuan para peserta tentang Institusi Raja Berperlembagaan di Malaysia.

Semasa berada di muzium tersebut, Amar dan rakan-rakannya berpeluang untuk menyaksikan pameran tentang Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Maklumat yang disajikan dalam pameran tersebut amat menarik dan berguna kepada para peserta. Contohnya, pakaian yang digunakan semasa istiadat pertabalan Yang di-Pertuan Agong.

Tengkolok Diraja



- kain tenun sutera
- solek atau bentuk hulu – "Dendam Tak Sudah" namanya
- hadapan tengkolok – anak bulan dengan bintang pecah empat belas – emas putih – bahagian tengah – lambang kerajaan Malaysia

Muskat



- pakaian rasmi
- asal – negara Muskat
- benang bulu hitam
- sulaman emas – bercorak awan larat dan bunga raya

Keris Pendek Diraja



- mata keris lama
- berhulu – bersarung gading – tatah emas
- hulu keris – Hulu Pekaka
- kepala Geroda
- sampir keris – lambang kerajaan Persekutuan



Pending Diraja

- emas sepuluh mutu – bertatah dan bersulam – permata delima
- bahagian tengah – lambang Kerajaan Persekutuan
- Tali bengkung – kain sakhlat – bertekat berbunga-bunga – benang emas

Sumber: www.utusan.com.my

Aktiviti

- Membina kerangka dan menulis karangan.

Panduan Guru 3.3.4

- Murid menulis karangan jenis laporan dan berita.

PK: Nilai Murni – Menghargai warisan
Strategi P & P: KB – Mensintesis

Ilmu – Sejarah
Pembelajaran Konstruktivisme

Mengujarkan Dialog

Tetamu dari Planet Zefira

Pada tahun 2040, Planet Bumi dikunjungi oleh makhluk asing dari Planet Zefira yang dikenali sebagai Zef. Kunjungan Zef disambut oleh Kapten Amar dengan tangan terbuka. Tujuan Zef berkunjung ke Planet Bumi untuk mempelajari seni budaya penduduk Bumi.

Bagi meraikan tetamu yang datang dari jauh itu, Kapten Amar telah menyediakan juadah yang istimewa. Beliau menjamu Zef dengan kuih-muih tradisional yang enak.

: Silalah jamah kuih-muih itu, Zef. Janganlah malu-malu.



kuih karas

: Terima kasih, Kapten Amar. Amboi, banyaknya kuih! Rambang mata saya dibuatnya. Kuih apakah yang rupanya seperti sarang burung itu?

: Itulah kuih karas atau kekaras. Kuih itu merupakan kuih tradisional negeri Kedah. Rasanya manis, sedap dan rangup. Kuih itu diperbuat daripada tepung beras, air, santan dan gula.



kuih maruku

: Yang berlingkar-lingkar itu kuih apa pula?

: Oh, itu kuih muruku! Kuih itu merupakan makanan tradisional kaum India. Kuih itu diperbuat daripada tepung beras, tepung kacang dan rempah.

: Kuih yang berkeping-keping itu saya tahu. Namanya kuih tabaloi. Saya pernah merasainya semasa melancong ke Sarawak.



kuih tabaloi

: Betul, Zef. Kamu memang bijak. Kuih itu merupakan kuih tradisional kaum Melanau. Kuih itu diperbuat daripada tepung sagu, telur dan kelapa parut.

Zef dan Kapten Amar terus berbual-bual sambil menjamu selera. Zef makan dengan berselera sekali sehingga dia tersandar kekenyangan

: Gendang gendut tali kecapi, kenyang perut suka hati. Pantun dua kerat ini saya tujukan khas kepada kamu.

: Wah, indah sungguh bahasa kamu! Kami di Planet Zefira juga pandai berpantun. Dengarlah pantun saya ini. 👄.

Aktiviti

- Mengujarkan dialog dengan sebutan dan intonasi yang betul.

Panduan Guru 4.3.1

- Murid membaca dialog dan melakonkannya.

PK: Nilai Murni – Menghargai warisan
Strategi P & P: KB – Mereka cipta

Ilmu – Kesenian
Pembelajaran Konstruktivisme

UNIT 21

Indahnya Budaya Kita

Mendengar dan Bertutur

Bagai Aur dengan Tebing

Amalan bergotong-royong merupakan budaya masyarakat Melayu. Amalan ini biasanya dilakukan apabila penduduk kampung mengadakan majlis perkahwinan, sambutan acara keagamaan, urusan kematian atau aktiviti kebersihan dan keceriaan. Beberapa hari sebelum majlis itu diadakan, penduduk kampung akan bergotong-royong untuk membuat persiapan.

Menerusi amalan ini, masyarakat dididik untuk bermuafakat dan bekerjasama. Selain itu, amalan ini dapat memberikan peluang kepada golongan muda untuk mempelajari bidang tertentu ketika menyelenggarakan majlis kenduri atau acara keramaian.

Pada bulan lalu, sepupu Amar telah melangsungkan perkahwinan. Sehari sebelum majlis perkahwinan itu diadakan, Amar dan rakan-rakannya telah berkunjung ke rumah sepupunya itu.

Wei Chuan : Apakah yang sedang dilakukan oleh mereka di sana?
Amar : _____.
Imran : Bolehkah golongan muda menyertai aktiviti ini?
Amar : _____.
Wei Chuan : Pada pendapat kamu, apakah kebaikan amalan ini?
Amar : _____.
Wei Chuan : _____.
Imran : _____.



Aktiviti

- Berbual dengan menggunakan kata ganti nama yang betul.

Panduan Guru 1.4.3

- Murid memahami bahan untuk mendapatkan maklumat.

PK: Nilai Murni – Bekerjasama
Strategi P & P: KB – Menjanakan idea
Ilmu – Kebudayaan
Pembelajaran Kontekstual

Membaca

Meraikan Tetamu

Setibanya di rumah, Izuni terus menuju ke dapur. Langkahnya dihayun laju. Dia mahu segera mengisi perutnya yang sejak tadi asyik berkeroncong.

Tiba-tiba, Izuni terpandang sekeping nota pesanan daripada ibunya yang terlekat pada peti sejuk.

Izuni,


Ibu dan ayah terpaksa bergegas ke hospital kerana menziarahi rakan ayah yang terlibat dalam kemalangan jalan raya. Pak Long dan Mak Long dalam perjalanan ke rumah kita. Jika mereka sampai sebelum ibu dan ayah pulang, tolong sambut kedatangan mereka dengan mesra dan bersopan.

Ibumu

Setelah membaca pesanan itu, Izuni terdiam untuk seketika. Dia belum pernah menyambut kedatangan saudara-maranya seorang diri. Fikiran Izuni mula melayang mengingati pengalaman lalu.

Namun, belum pun sempat Izuni melayan seleranya, tiba-tiba kedengaran loceng rumahnya berbunyi dan telefon berdering. Izuni tergamam. Apakah yang harus dilakukannya?

Dia _____.



menjawab panggilan telefon

menukar pakaian

menjamah makanan

membuka pintu

mengemas ruang tamu

Aktiviti

- Memindahkan maklumat mengikut keutamaan dalam bentuk prosa.

Panduan Guru 2.5.2

- Murid memahami dan menaakul maklumat.

PK: Nilai Murni – Berbudi bahasa
Strategi P & P: KB – Menyelesaikan masalah
Ilmu – Kebudayaan
Pembelajaran Kontekstual

Menulis

Permainan Tradisional Masyarakat Kita

Galah panjang ialah sejenis permainan tradisional masyarakat Melayu. Permainan ini juga dikenali sebagai Toi dan Coh. Dalam permainan ini, ada dua pasukan, iaitu pasukan penyerang dan pasukan bertahan. Setiap pasukan terdiri daripada sekurang-kurangnya lima orang pemain. Pemain pasukan penyerang dikira mati jika disentuh oleh pasukan bertahan. Kemenangan ditentukan berdasarkan jumlah pasukan penyerang yang berjaya melepasi kesemua garisan dan berjaya balik semula ke garisan permulaan.



Rencana warisan



Yoyo Cina ialah sejenis permainan tradisional masyarakat Cina. Permainan ini berasal dari China dan wujud sejak zaman Dinasti Ming, iaitu sekitar tahun 1386 hingga tahun 1644. Dalam permainan ini, pemain perlu menggunakan kedua-dua belah tangan untuk memutarkan yoyo. Yoyo diputar dengan lajunya dalam pelbagai aksi yang mengagumkan. Pemain perlu mengimbangi yoyo dengan menggunakan tali supaya tidak jatuh.

Majalah Warisan | Oktober 2014

Kabaddi ialah sejenis permainan tradisional masyarakat India. Permainan ini berasal dari India dan berusia ribuan tahun. Permainan ini dimainkan oleh dua pasukan. Setiap pasukan mempunyai 12 orang pemain, iaitu tujuh orang pemain utama dan lima orang pemain simpanan. Dalam permainan ini, satu pasukan akan bertindak sebagai penyerang manakala pasukan yang lain bertindak sebagai pihak lawan. Pada akhir perlawanan, pasukan yang mengumpul mata tertinggi akan dikira sebagai pemenang.



Aktiviti

- Mencatat maklumat dalam bentuk grafik.

Panduan Guru 3.5.2

- Murid memahami dan menaakul maklumat.

PK: Nilai Murni – Menghargai warisan
Strategi P & P: KB – Membuat gambaran mental
Ilmu – Kebudayaan
KP – Visual ruang

Ayat Songsang

Masakan dalam Buluh

Nasi Buluh

Nasi buluh juga dikenali sebagai nasi lemang. Masakan ini merupakan hidangan tradisional masyarakat keturunan Melayu Pattani. Di dalam buluh nasi ini dimasak selama dua jam. Sebelum dimasak, beras dibalut dengan daun bemban. Aroma daun bemban menjadikan nasi buluh lebih istimewa.

Ayat Susunan Biasa	Ayat Susunan Songsang
Daun bemban berbentuk seperti daun sirih.	Berbentuk seperti daun sirih daun bemban.

Ayat Susunan Biasa	Ayat Susunan Songsang
1. Sebanyak 15 hingga 25 bungkus beras dapat dimuatkan di dalam sebatang buluh. 2. Daun lerek juga dapat digunakan selain daun bemban. 3. Nasi buluh dimasak seperti lemang. 4. Nasi buluh dapat juga dimasak dengan cara merebus atau mengukusnya.	

Ayam Pansuh

Ayam pansuh atau manuk pansuh merupakan makanan tradisional masyarakat Dayak di Sarawak. Untuk menyediakan masakan ini, ayam akan disumbatkan ke dalam buluh sebelum dipanggang. Di dalam buluh tersebut, daun pisang digunakan sebagai pelapik.

Ayat Susunan Biasa	Ayat Susunan Songsang
Ramuan khas dimasukkan ke dalam buluh.	Ke dalam buluh ramuan khas dimasukkan.
Masakan ini mengambil masa 40 hingga 50 minit untuk siap dimasak. Keistimewaan masakan ini terletak pada resipi asli dan aromanya. Lazimnya, masakan ini dimasak dan dihidangkan ketika menyambut perayaan Hari Gawai Dayak dan Hari Krismas. Masakan ini lebih enak dimakan jika dihidangkan di atas daun pisang bagi sesetengah penggemar.	

Aktiviti

- Membina ayat songsang yang betul.

Panduan Guru 5.3.1

- Murid membaca dan memahami maklumat.

PK: Nilai Murni – Rasional
Strategi P & P: KB – Mensintesis

Ilmu – Kebudayaan
Pembelajaran Konstruktivisme

Bacaan Luas

Tradisi Mengemping Padi

Suatu ketika dahulu, tradisi mengemping atau menumbuk padi merupakan kegiatan yang cukup istimewa bagi masyarakat Melayu di kampung. Kegiatan ini dilakukan secara bergotong-royong apabila tibanya musim menuai padi. Selepas berpenat lelah mengusahakan sawah, penduduk kampung akan mengemping padi sebagai tanda kegembiraan dan kesyukuran kerana memperoleh hasil tanaman yang baik.



lesung tangan

Kebiasaannya, kumpulan mengemping padi terdiri daripada enam hingga 10 orang wanita. Seramai dua atau tiga orang wanita akan menumbuk padi dengan menggunakan lesung tangan. Yang lain pula akan berada di tepi mangkuk lesung untuk memastikan padi yang ditumbuk sudah menjadi emping.

Emping merupakan makanan tradisional yang enak sekali. Emping dimakan dengan manisan seperti gula enau, santan dan susu atau dengan kelapa parut. Di sesetengah tempat, emping dimakan dengan telur, bawang merah dan halia. Ada juga yang menikmatinya dengan mencampurkan garam dan gula.

Sebelum proses mengemping padi dijalankan, padi muda berusia 60 hari akan dituai terlebih dahulu. Padi yang matang tidak sesuai untuk dibuat emping kerana sudah keras dan mudah hancur apabila ditumbuk. Kemudian, padi muda itu akan digoreng tanpa minyak sehingga kembang. Setelah digoreng, barulah padi diemping.

Suasana sewaktu mengemping padi sungguh meriah. Bunyi keletak-keletuk tumbukan lesung serta celoteh penduduk kampung menjadikan kegiatan ini umpama pesta. Mereka bekerja sambil bergembira. Hubungan mesra sesama jiran sekampung dapat dijalinkan dan dipererat.

Pada hari ini, kegiatan mengemping padi kian dilupakan. Penghijrahan anak muda ke kota serta kawasan sawah yang semakin berkurang merupakan antara faktor yang menyebabkan timbulnya masalah ini. Walau bagaimanapun, pelbagai inisiatif telah dijalankan bagi memelihara warisan nenek moyang ini daripada pupus ditelan zaman. Antaranya termasuklah mengadakan pameran dan demonstrasi mengemping padi, khususnya kepada generasi muda.

Sumber: *Berita Harian*, 22 Mac 2015 dan www.kosmo.com.my

Pemulihan

Pindahkan maklumat ke dalam peta pemikiran yang sesuai.

Bangunan Parlimen

Bangunan ini terletak di kawasan Taman Tasik Perdana, Kuala Lumpur. Bangunan ini dirasmikan pada 2 November 1963 oleh Yang di-Pertuan Agong ketiga, Tuanku Syed Putra Al-Haj Ibni Al-Marhum Syed Hassan Jamalullail. Bangunan ini menjadi simbol demokrasi negara kita.

Bangunan Sultan Abdul Samad

Bangunan ini terletak di Jalan Raja, Kuala Lumpur. Bangunan ini mula digunakan pada tahun 1897. Bangunan ini menjadi mercu tanda negara dan juga sering menjadi latar belakang bagi upacara penting negara seperti Sambutan Hari Kebangsaan dan Tahun Baharu.

Bangunan Stesen Kereta Api Kuala Lumpur

Bangunan ini terletak di Jalan Hishamuddin, Kuala Lumpur. Bangunan ini dibuka dengan rasminya pada 1 Ogos 1910. Bangunan ini banyak menyimpan sejarah negara. Sebagai contoh, pada tahun 1946, perhimpunan bagi membantah dan memulaukan pelantikan Sir Edward Gent sebagai Gabenor Malayan Union diadakan di stesen kereta api ini.

Pengayaan

Teliti arahan tugasan yang diberikan.

Alat Muzik Tradisional Masyarakat Melayu

Dalam kalangan masyarakat Melayu, terdapat pelbagai jenis alat muzik tradisional. Alat muzik ini dapat diklasifikasikan kepada jenis tertentu.

Alat muzik seperti gong, canang, kertuk buluh dan angklung ialah alat muzik idiofon. Alat muzik jenis ini menghasilkan bunyi menerusi kaedah ketukan, lagaan dan goncangan.

Rebab, gambus, kecapi buluh dan sape pula merupakan alat muzik kardofon. Alat muzik jenis ini menghasilkan bunyi daripada petikan atau gesekan tali yang diregangkan.

Selain contoh yang dinyatakan, terdapat pelbagai jenis alat muzik tradisional Melayu yang lain.

Tugasan:

1. Kenal pasti maklumat yang terdapat dalam petikan. Kemudian, cari maklumat tambahan tentang alat muzik tradisional daripada sumber lain.
2. Pindahkan maklumat tersebut dengan menggunakan peta pemikiran.

TEMA 8

DAMAINYA BUMIKU

Janji kepada Bumi

Bumi
Kekalkan kehijauanmu
Takkan kubiarkan tubuhmu binasa
Dimamah bahan kimia.


Wahai Bumi!
Nyamanlah dirimu
Bersama makhluk di dadamu
Sisa makanan diorganikkan
Agar sejahtera perutmu.

Kami kian sedar
Prihatin terhadapmu
Lantas tangan-tangan kami
Membentuk alam lestari
Agar hidupan di dadamu
Aman sejahtera.

Bumiku
Kami praktikkan tenaga lestari
Belajar daripada alam semula jadi
Memaksimumkan kualiti bumi
Teknologi hijau kami terokai.

Oh, Bumi!
Kami berjanji
Bersatu hati
Bak seberkas lidi
Dirimu takkan menangis lagi
Dirimu takkan disakiti lagi.





1 Murid 1 Pokok



Hijau itu indah

► Deklamasikan sajak dan nyatakan maksud.

UNIT 22

Bumiku Sejahtera

Mendengar dan Bertutur

Baja Organik Cecair Mesra Bumi







Aktiviti

- Menyatakan permintaan dengan memberikan alasan secara bertatasusila.

Panduan Guru 1.4.4

- Murid meneliti bahan.
- Murid mengujarkan dialog yang telah dilengkapkan.


PK: Nilai Murni – Menghargai alam
Strategi P & P: KB – Menghubungkaitkan
Ilmu – Reka Bentuk dan Teknologi
KP – Verbal-linguistik

Membaca

Penghalau Serangga Organik









Kawan-kawan, saya ada petua untuk menjaga tumbuh-tumbuhan. Tahukah kamu caranya? Kita boleh membuat bahan penghalau serangga organik untuk disemburkan pada pokok. Elakkan penggunaan racun serangga kerana bahan ini akan merosakkan alam. Bagaimanakah kita hendak membuat bahan penghalau serangga organik?

Mula-mula, sediakan _____. Seterusnya, _____. Dengarlah pantun saya ini. _____.



Aktiviti

- Memindahkan maklumat dalam bentuk cerita, pantun dan grafik.

Menulis

Satu Murid Satu Pokok

Pada hari minggu yang lalu, murid Tahun Enam Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Baling mengadakan program Satu Murid Satu Pokok. Program itu diadakan bersempena dengan Minggu Alam Sekitar. Semua warga Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Baling terlibat bagi menjayakan program yang julung kali diadakan.

Aktiviti ini diadakan untuk menghijaukan kawasan sekolah. Selain itu, udara di kawasan sekolah akan menjadi nyaman. Kawasan sekolah juga menjadi lebih cantik dan indah dengan kehijauan pokok-pokok yang ditanam.

Pada hari itu, semua murid tahun enam membawa pokok yang dibeli atau disemai sendiri. Setelah sampai di sekolah, mereka berkumpul di dewan utama. Cikgu Jun Hong memberikan taklimat kepada mereka agar program itu berjalan dengan lancar. Di samping itu, Cikgu Jun Hong menasihati mereka supaya berhati-hati agar tidak berlaku kecederaan.

Selepas itu, mereka mula membuat lubang. Mereka memasukkan kompos ke dalam lubang itu agar pokok dapat membesar dengan cepatnya. Tanah itu juga akan subur kerana kompos bebas daripada bahan kimia.

Mereka menanam pokok di kawasan yang dikhaskan mengikut kelas masing-masing. Untuk memilih pokok bukanlah mudah. Oleh itu, mereka mendapatkan nasihat daripada guru-guru dan ibu bapa. Kebanyakan pokok yang dipilih ialah pokok yang dapat meredupkan kawasan sekolah seperti pokok sena.

Untuk memastikan pokok itu sentiasa subur, mereka menggunakan penghalau organik. Penghalau ini mampu menghalang serangga seperti semut dan belalang yang suka merosakkan anak-anak pokok yang baru ditanam.

Setelah mereka bekerja sehari suntuk, semua pokok itu berjaya ditanam. Selepas beberapa bulan, kawasan sekolah itu menjadi lebih cantik dan udara persekitaran juga nyaman.



Aktiviti

- Menulis ulasan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

Panduan Guru 3.9.1

- Murid membaca maklumat dalam petikan.

PK: Nilai Murni – Kerjasama
Strategi P & P: KB – Menyelesaikan masalah
Ilmu – Sains Pertanian
BCB – Bacaan imbasan dan luncuran

Melafazkan Puisi

Pesta Pantun Alam Sekitar

Sekolah Kebangsaan Taman Kencana mengadakan pertandingan berbalas pantun bersempena dengan Minggu Alam Sekitar dan Teknologi Hijau.

Pada hari pertandingan, Izuni dan kawan-kawannya telah masuk ke dewan dengan wajah yang ceria. Selepas jurupantun membacakan peraturan pertandingan, Izuni pun menjual pantunnya kepada pihak lawan.



1 Tanjung Tuan dibina istana,
Tempat laksamana berkawal malam;
Kalau tuan bijak laksana,
Apakah makna nyamankan alam?

2 Disengat tebuan di atas perahu,
Siang malam tidak keruan;
Kalau puan hendak tahu,
Kekalkan alam dengan kehijauan.

2 Bawa pengat ke Tanjung Chali,
Tangkap tenggiri waktu malam;
Caranya sangat senang sekali,
Didiklah diri sayangi alam.

1 Lidah buaya tumbuh setara,
Ubatan peribumi zaman-berzaman;
Tolonglah saya berikan cara,
Ceriakan bumi sepanjang zaman.

Maksud Pantun

Pantun Jualan	Pantun Belian	Pantun Jualan	Pantun Belian
Pemantun ingin mengetahui maksud nyamankan alam.			

Aktiviti

- Melafazkan dan menyatakan maksud setiap rangkap pantun.


Panduan Guru 4.4.1

- Murid membaca pantun dan memahami maksud.


PK: Nilai Murni – Bertanggungjawab
Strategi P & P: KB – Menyelesaikan masalah
Ilmu – Pendidikan Alam Sekitar
KP – Verbal-linguistik


Penanda Wacana

Mari Nyamankan Udara











Kesimpulannya,

Faedah Sistem Pemercik Air di Kawasan Sekolah
- ✓ menyejukkan kawasan wakaf
- ✓ berehat dengan selesanya
- ✓ mendapat faedah

Aktiviti

- Membina pelbagai ayat dalam perenggan dengan menggunakan penanda wacana.

Panduan Guru 5.3.2

- Murid mengenal pasti maklumat dalam bahan.


PK: Nilai Murni – Menjaga kesihatan
Strategi P & P: KB – Menghubungkaitkan
Ilmu – Reka Bentuk dan Teknologi
Penyelesaian Masalah

UNIT 23

Pencinta Alam

Mendengar dan Bertutur

Damainya Teratak Hamba



Izuni telah menunjukkan gambar kerangka rumah datuknya di kampung kepada kawan-kawannya. Dia telah memberitahu keunikan rumah tradisional itu. Mainkan peranan sebagai Izuni dan kawan-kawannya untuk berbincang tentang rumah tradisional yang mesra alam itu.

Maklumat !

Atap lut sinar membenarkan cahaya menembusi dan menyinari ruang di dalam rumah.

Aktiviti

- Berbicara untuk membuat rumusan secara bertatasusila.

Panduan Guru 1.6.1

- Murid meneliti bahan untuk mendapatkan maklumat tersurat dan tersirat.

PK: Nilai Murni – Rasional
Strategi P & P: KB – Merumus

Ilmu – Sains
Pembelajaran Konstruktivisme

Membaca

Bijak Nenekku

Izuni duduk bersimpuh di dangau neneknya nun di hujung sawah padi yang menguning. Pandangan Izuni tertumpu kepada neneknya yang sedang membuka balutan daun pisang berisi beberapa ketul ubi kayu dan sedikit kelapa parut.

"Nenek guna daun pisang, mengapa?" tanya Izuni sambil membetulkan kakinya yang terkena buku buluh yang dijadikan lantai di dangau itu.

"Izuni, daun pisang bagus untuk dijadikan pembalut makanan. Aroma daun pisang akan menyerap pada makanan. Oleh itu, baunya akan menjadi wangi. Selain itu, mengikut petua orang-orang tua, daun pisang dapat merawat luka dan mencantikkan kulit," jelas nenek Izuni sambil tersenyum.

"Mengapakah nenek tidak menggunakan beg plastik dan polistirena untuk mengisi ubi rebus ini?" tanya Izuni.

Air muka nenek berubah daripada ceria lalu mencuka. Kedengaran helaan nafas nenek yang panjang.

"Izuni, plastik dan polistirena musuh nenek kerana bahan itu tidak baik untuk kesihatan," jawab neneknya.

"Bijaknya nenek. Saya hanya ingin menguji nenek. Saya pernah mencipta syair tentang plastik dan polistirena semasa pertandingan alam sekitar di sekolah. Dengar syair ini, nenek," kata Izuni.

Wahai kawanku dengarlah pesan,
Untuk dirimu sebagai panduan,
Plastik dan polistirena sukar dilupuskan,
Tanpa bahan ini tiada pencemaran.

Sikap manusia membuat angkara,
Polistirena dibakar api membara,
Lapisan ozon semakin sengsara,
Plastik dan polistirena usah diguna.



"Wah, pandainya cucu nenek! Izuni, tolong jelaskan kebaikan jika kita tidak menggunakan plastik dan polistirena," pinta neneknya.

"Kita _____."

Aktiviti

- Menghasilkan idea baharu berdasarkan bahan sastera.


Panduan Guru 2.6.1

- Murid membaca dan menaakul bahan.

PK: Nilai Murni – Menghargai alam sekitar
Strategi P & P: KB – Menjanakan idea
Ilmu – Sains
KP – Interpersonal

Menulis

Manfaatkan Air Hujan



Saya dan datuk ingin mengumpulkan dan menggunakan air hujan. Mula-mula, saya dan datuk menyediakan ✎.

Aktiviti

- Menulis karangan berdasarkan idea utama dan idea sampingan.

Panduan Guru 3.6.1


- Murid membaca bahan grafik untuk mendapatkan maklumat.

PK: Nilai Murni – Menghargai alam
Strategi P & P: KB – Menjanakan idea
Ilmu – Sains
BCB – Mencatat nota

Kata Nama Am dan Penjodoh Bilangan

Lampu Tanpa Elektrik

Amar, Izuni, Imran dan Iffah serta Cikgu Syafik menyediakan bahan untuk menghasilkan lampu tanpa elektrik. Bahan tersebut ialah ✎.





- memegang zink
- menggunting
- berhati-hati



- menuang
- menggenggam
- air tidak menyerap



- matahari memancarkan
- membias cahaya
- menerangi
- elektrik

Aktiviti

- Menulis ayat dalam perenggan dengan menggunakan kata nama am dan penjodoh bilangan.

Panduan Guru 5.1.1

- Murid meneliti gambar dan memahami maklumat.

PK: Nilai Murni – Menghargai alam sekitar
Strategi P & P: KB – Mereka cipta

Ilmu – Sains
Pembelajaran Kontekstual

UNIT 24

Lestarikan Keindahan Alam

Mendengar dan Bertutur

Segar Tanpa Asap



Aktiviti

- Berbicara untuk menyampaikan maklumat dengan bahasa yang indah secara bertatasusila.

Panduan Guru 1.6.2

- Murid menaakul bahan grafik untuk mencari maklumat.

PK: Nilai Murni – Kerjasama
Strategi P & P: KB – Menjanakan idea
Ilmu – Pendidikan Alam Sekitar
KP – Interpersonal

Membaca

Bas Mesra Alam

KUALA LUMPUR, 2 Ogos - Sebuah syarikat kenderaan tempatan telah mencipta bas elektrik pertama di negara ini. Kejayaan ini amat membanggakan rakyat Malaysia dan akan memberikan manfaat kepada negara.

Bas ini dicipta untuk mengurangkan pencemaran alam kerana bas ini tidak menggunakan minyak petrol ataupun diesel. Oleh sebab itu, bas ini tidak akan mengeluarkan karbon monoksida. Penggunaan bas diesel pada masa sekarang banyak memberikan kesan negatif terhadap alam sekitar.

Kos pembinaan bas ini amat tinggi. Walau bagaimanapun, dari segi jangka masa panjang, penggunaan bas elektrik dapat menjimatkan kos penyelenggaraan dan bahan api. Oleh itu, wang penjimatan tersebut dapat disalurkan kepada pelbagai pihak untuk mengindahkan alam.

Bas elektrik ini menggunakan kuasa bateri sepenuhnya. Bas elektrik tersebut mampu bergerak sejauh 250 kilometer hingga 300 kilometer setiap kali baterinya dicas. Bas elektrik ini mempunyai kelajuan maksimum 45 kilometer sejam dan mampu membawa sebanyak 35 orang penumpang.

Pencemaran udara daripada bas elektrik sangat kurang berbanding dengan bas yang menggunakan bahan bakar. Oleh itu, kualiti alam sekitar lebih terjamin. Tumbuh-tumbuhan juga akan sentiasa segar kerana tidak terdedah kepada karbon monoksida. Tumbuhan hijau tidak lagi diganggu dengan asap bas diesel. Selain itu, rakyat negara ini juga sihat kerana bebas daripada asap kenderaan.



Kesimpulannya, penggunaan teknologi yang menggunakan elektrik perlulah diberikan galakan untuk diguna pakai oleh pengeluar kenderaan. Natijahnya, kualiti alam sekitar terjamin.

Sumber: www.bharian.com.my

Aktiviti

- Menghasilkan idea baharu.

Panduan Guru 2.6.2

- Murid membaca teks dan menaakul maklumat.

PK: Nilai Murni – Menghargai alam sekitar
Strategi P & P: KB – Mereka cipta
Ilmu – Sains
BCB – Bacaan intensif

Menulis

Kelab Sahabat Alam



– majlis keramaian
– tidak lupus
– dibuang

Keputusan Mesyuarat
Kelab Sahabat Alam
Taman Kuala Ketil

- membuat keputusan menolak penggunaan beg plastik dan produk berasaskan polistirena
- bekerjasama memantau tahap pencemaran alam
- menggunakan pinggan mangkuk berasaskan ubi kayu dan hampas tebu untuk sesuatu majlis jamuan



– boleh dimakan
– boleh dibuang
– akan lupus

Format Surat Rasmi

..... a alamat pengirim
.....

b garisan panjang

..... c nama dan alamat penerima ..... d tarikh
.....

....., e kata panggilan hormat

f perkara/tajuk

..... g pendahuluan

2. ..... } h isi
3. ..... }

..... i penutup

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

..... j tandatangan

( ) k nama pengirim (semua huruf besar)

..... l jawatan

Kamu ahli Kelab Sahabat Alam di tempat kamu. Kamu telah melihat beg plastik, mangkuk, pinggan dan cawan polistirena sering digunakan dalam sesuatu majlis. Selepas mesyuarat Kelab Sahabat Alam diadakan, satu keputusan diperoleh. Tulis sepucuk surat rasmi kepada ketua kampung untuk memaklumkan keputusan mesyuarat tersebut.

Aktiviti

- Menulis surat kiriman rasmi.

Panduan Guru 3.6.2

- Murid meneliti maklumat dengan berdasarkan bahan grafik.

PK: Nilai Murni – Prihatin
Strategi P & P: KB – Mereka cipta

Ilmu – Reka Bentuk dan Teknologi
Pembelajaran Kontekstual

Kembara dalam Keindahan

Pada cuti penggal yang lalu, Encik Zakaria dan Puan Aminah membawa Amar makan angin di Genting Highlands. Mereka menginap di Inap Desa Batang Kali. Menjelang ____ .



Selepas tiga hari berada di Genting Highlands, mereka pun pulang. Mereka sampai di Kuala Ketil, Kedah dengan selamatnya.

Aktiviti

- Menggunakan kata adverba dan kata penegas.

Panduan Guru 5.1.5

- Murid membina ayat dengan menggunakan kata adverba dan kata penegas.

PK: Nilai Murni – Menghargai alam sekitar
Strategi P & P: KB – Menjanakan idea
Ilmu – Pendidikan Moral
BCB – Mencatat

Bacaan Luas

Panorama Royal Belum, Perak

Inginkah kamu menikmati alam sekitar yang bersih, indah dan mendamaikan serta bebas daripada sebarang pencemaran? Kalau kamu teruja akan alam semula jadi seperti ini, marilah bercuti di Taman Negeri Royal Belum, Perak.

Taman Negeri Royal Belum terletak di utara, di hujung negeri Perak. Kawasan yang indah ini merupakan sebahagian daripada kawasan hutan Belum Temengor yang berusia 130 juta tahun. Kawasannya dilitupi oleh hutan hujan tropika, dikelilingi oleh tasik air tawar, iaitu Tasik Banding dan Tasik Temenggor.

Kawasan ini telah diisytiharkan sebagai Royal Belum oleh Sultan Perak, iaitu Sultan Azlan Shah, pada tahun 2003. Royal Belum diwartakan sebagai Taman Negeri oleh kerajaan Perak pada 17 April 2007. Dianggarkan Royal Belum memiliki lebih daripada 3000 spesies flora.

Selain itu, terdapat 64 spesies paku-pakis, 62 spesies tumbuhan berlumut dan 23 jenis ikan sungai di Royal Belum. Kawasan hutan, sungai dan tasik menjadi habitat untuk haiwan-haiwan di sini. Kawasan ini juga menjadi tempat perlindungan gajah, harimau belang, badak sumbu dan tapir.

Untuk sampai ke Taman Negeri Royal Belum, pengunjung perlu menaiki bot dari Jeti Tasik Banding, Gerik, Perak. Perjalanan dari jeti ke taman negeri ini mengambil masa lebih kurang empat hingga lima jam. Pengunjung dapat menikmati panorama yang indah sepanjang perjalanan ke sana. Terdapat juga perkampungan Orang Asli. Mereka mendiami kawasan ini, terutamanya di tebing-tebing tasik.

Antara aktiviti yang boleh kita lakukan di taman negeri termasuklah memancing ikan, merentas hutan, melihat bunga Rafflesia, memerhatikan hidupan liar, bermandi-manda di air terjun dan berkhemah. Wah, seronoknya! Ayuhlah kita ke sana.



Pemulihan


Cari barang tersembunyi untuk melengkapkan perenggan. Kemudian, baca teks.

Ayah Zainal dan penduduk Kampung Tembak telah berkumpul di tebing sungai. Mereka mula membersihkan sungai itu.

Pak Abu sedang membuat lubang untuk menanam sampah dan bangkai ____ yang berbau busuk. Encik Zakaria pula memotong rumput dengan menggunakan mesin rumput supaya kawasan menjadi bersih. Dia tidak mahu menggunakan ____ kerana lambat.

Ketika Pak Cik Rahman menyauk sampah di dalam sungai, dia terjumpa ____ yang berkarat. Di samping itu, Encik Anand pula mencari ____ untuk menghalau serangga.

Apabila sungai itu bersih, mereka nampak ____ berenang di hilir sungai itu dengan jelasnya.




Pengayaan

Kamu telah menyertai aktiviti membersihkan sungai. Kamu, sebagai setiausaha kelas, dikehendaki menyediakan laporan.
Tulis laporan itu selengkapnya.

PENILAIAN 4

A) Berbual tentang program RIMUP berdasarkan gambar.





B) Baca dan fahami petikan serta gambar, kemudian buat ulasan.

Pei Shan dan keluarganya menerima undangan ke majlis perkahwinan kakak Izuni. Pei Shan amat teruja kerana inilah kali pertama dia menghadiri majlis perkahwinan orang Melayu.

Dalam perjalanan menuju ke majlis itu, Pei Shan dapat melihat kampung yang indah nian. Liang-liuk rumpun bambu di tepi jalan seolah-olah menggamit kedatangan mereka ke Gulau, Sik, Kedah.

Menjelang pukul 12.00 tengah hari, mereka pun tiba. Ketika itu, para undangan mulai memenuhi majlis tersebut. Encik Khairul dan Puan Anita serta Izuni menyambut kedatangan mereka dengan tangan terbuka.

Pei Shan dan keluarganya dijemput duduk di khemah yang dihias cantik. Mereka dihidangi masakan utara seperti kari kambing rias pisang, kerabu umbut kelapa, ikan pekasam goreng dan ulam-ulaman.

Pei Shan berasa sangat gembira kerana dapat melihat suasana majlis perkahwinan itu.



C) Tulis karangan berformat berdasarkan gambar dan frasa di bawah.



- taklimat
- projek hijau



- menanam pokok
- bergotong-royong



- membersihkan kolam
- pembiakan nyamuk



- udara segar
- landskap indah


PENILAIAN 4

D) Bina lima ayat bagi setiap jenis ayat berdasarkan gambar.



TEMA 9

TEROKAI SAINS TERAJUI TEKNOLOGI DAN INOVASI



uji kaji

"Ilmu itu diperoleh dengan lidah yang gemar bertanya dan akal yang suka berfikir."
Abdullah bin Abbas - Ilmuwan Islam



kepintaran



penerokaan

"Perjalanan seribu batu bermula daripada satu langkah."
Lao Tze - Ahli Falsafah Cina

"Sesuatu yang kita ketahui hanyalah setitis air. Sesuatu yang tidak kita ketahui ialah lautan."
Isaac Newton - Ahli Sains Barat




Nyatakan maksud kata-kata hikmat daripada ilmuwan agung dunia.

Mendengar dan Bertutur

Sains Aerodinamik

Cikgu Syafik menjalankan uji kaji tentang ciri-ciri kapal terbang di dalam bilik sains. Beliau meminta murid membuat beberapa aktiviti dan meneliti hasil uji kaji tersebut.

Aktiviti 1



Mengapakah polistirena yang rata tidak dapat meluncur laju di udara?

daya geseran

menghalang


bentuk

meluncur


mudah

pergerakan

rintangan



Aktiviti 2



Mengapakah kapal terbang polistirena mudah meluncur laju di udara? Bincangkan.

Aktiviti

- Berbincang dan mengemukakan pendapat secara kritis dan kreatif.

Panduan Guru 1.7.2

- Murid menaakul maklumat dan gambar.

PK: Nilai Murni – Rasional
Strategi P & P: KB – Menaakul

Ilmu – Sains
Pembelajaran Koperatif

Membaca

Tentera Berkaki Enam

Semut merupakan sejenis serangga yang lazimnya ada di rumah kita. Makhluk kecil yang berkaki enam ini umpama tentera kerana sering bergerak dalam satu barisan yang panjang. Meskipun begitu, pergerakan semut teratur dan tidak berselerak. Pernahkah kamu perhatikan pergerakan semut sewaktu serangga ini bertemu dengan semut-semut yang lain? Jika diperhatikan, semut-semut ini seolah-olah mengenali antara satu dengan yang lain.

Adakah semut mengenali setiap anggota koloni yang tidak terkira jumlahnya? Para cendekiawan dalam bidang sains dan kimia telah menjalankan pelbagai eksperimen untuk membongkar rahsia keunikan serangga ini.

Kajian sains mendapati setiap semut memiliki sejenis sebatian kimia yang unik dan berbeza. Faktor inilah yang membolehkan semut mengecam semut-semut yang lain.

Hasil kajian ini amat penting kepada manusia. Penemuan ini diharapkan dapat diaplikasikan dalam penciptaan teknologi pengecaman manusia yang canggih.

Sumber: Diubah suai daripada *Majalah Estidotmy*, Utusan Malaysia, 29 Julai 2009



Kampung Teluk jauh terpencil,
Banyak ditanam bunga kemboja;
Aku makhluk berbadan kecil,
Berkaki enam rajin bekerja.



Buah keranji si buah duku,
Gugur merata dikutip sahabat;
Manusia mengkaji keunikan aku,
Untuk mencipta alat yang hebat.



Aktiviti

- Mengenal pasti dan menyatakan maksud ayat yang mengandungi perkataan berimbuhan.

Panduan Guru 2.2.3

- Murid membaca teks dan melafazkan pantun.

PK: Nilai Murni – Kerajinan
Strategi P & P: KB – Mengecam
Ilmu – Sains
BCB – Bacaan imbasan dan luncuran

Menulis


Ahli Sains Bertaraf Dunia



Profesor Dr. Abdul Latif bin Ahmad

- lahir di Beranang, Selangor pada 4 Januari 1967
- merupakan Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia serta Dekan Penyelidikan, Sains Fundamental, Universiti Sains Malaysia
- menjalankan kajian dan penyelidikan bagi merawat air sisa kilang kelapa sawit dengan menggunakan teknologi membran
- diiktiraf sebagai seorang daripada saintis dunia yang mempunyai minda saintifik paling berpengaruh di dunia oleh Agensi Thomson Reuters, New York, Amerika Syarikat
- penerima Anugerah Merdeka 2014

Jian Hui sedang menyiapkan folio tentang tokoh ahli sains negara. Untuk melaksanakan tugasan tersebut, dia perlu menulis biografi tentang ahli sains yang dikaguminya. Dia telah melakukan penyelidikan dengan merujuk pelbagai sumber seperti keratan akhbar, majalah dan Internet. Setelah berjaya mengumpulkan maklumat yang berkaitan, dia pun menaip tugasannya di komputer.



Jian Hui amat mengagumi Profesor Dr. Abdul Latif kerana beliau telah mengharumkan nama negara di persada dunia. Sebagai anak Malaysia, Jian Hui berasa amat bangga. Kejayaan Profesor Dr. Abdul Latif mahu dicontohinya. Dia juga menjadikan Profesor Dr. Abdul Latif sebagai idolanya.

Aktiviti

- Menulis perenggan yang kohesi dan koheren dengan betulnya.

Panduan Guru 3.7.1

- Murid membaca dan memahami maklumat.


PK: Nilai Murni – Kerajinan
Strategi P & P: KB – Menjanakan idea

Ilmu – Sejarah
Pembelajaran Konstruktivisme

Mengujarkan Dialog

Istimewa lagi Benar

Mikroskop : Hai, teleskop! Kamu sedang buat apa pada malam-malam begini?
Teleskop : (*Menoleh*) Oh, mikroskop! Aku sedang mencerap bintang yang bertaburan di langit.
Mikroskop : (*Tersenyum*) Seronok sungguh kerja kamu, teleskop. Pada malam-malam begini, kamu dapat menikmati panorama indah di angkasa raya.



Aktiviti

- Mengujarkan dialog yang dihasilkan untuk menyampaikan mesej melalui lakonan.

Panduan Guru 4.3.2

- Murid memahami teks dan gambar.

PK: Nilai Murni – Bertanggungjawab
Strategi P & P: KB – Mereka cipta
Ilmu – Sains
KP – Verbal-linguistik

Kata Adjektif dan Kata Penguat

Bahaya Ribut Petir


Angin malam yang dingin menderu masuk menerusi tingkap yang terbuka. Sarmeela yang sedang berbaring di atas katil bingkas bangun kerana mahu menutup tingkap biliknya. Sewaktu mahu menarik daun tingkap yang terkuak, Sarmeela sempat mendongak ke langit. Dalam samar-samar cahaya bulan, kelihatan awan hitam kumulonimbus sedang berarakan. Sekali-sekala, panahan kilat menerangi suasana langit malam.

Setelah menutup tingkap, Sarmeela kembali ke katil lalu meneruskan pembacaannya.

Ribut petir merupakan fenomena alam yang biasa berlaku di negara kita. Ribut petir ditakrifkan oleh Pertubuhan Kaji Cuaca Sedunia (WMO) sebagai kejadian nyahcas elektrik secara tiba-tiba yang menghasilkan lintasan cahaya, iaitu kilat dan bunyi guruh.

Ribut petir berpotensi untuk menghasilkan hujan lebat, kilat sabung-menyabung dan biasanya angin kencang. Di Malaysia, fenomena ini biasanya berlaku sepanjang tahun dan lazimnya berlaku pada waktu petang dan awal senja.

Sewaktu kejadian ribut petir, kita perlulah sentiasa berwaspada untuk menghindarkan malapetaka. Hentikan semua aktiviti luar apabila mendengar guruh di langit. Jangan tunggu sehingga berlaku panahan petir barulah kita mahu mencari perlindungan. Apabila kedengaran bunyi guruh, hal ini bermakna bahawa kita berada dalam lingkungan kawasan panahan petir. Petir dapat bergerak antara 16 kilometer hingga 19 kilometer ke hadapan sebelum ribut melanda.



Tum...tam...bunyi guruh yang amat kuat berdentum-dentam. Serentak dengan itu, suasana di dalam bilik Sarmeela menjadi gelap-gelita.

"Aduhai, bekalan elektrik terputus pula!" Sarmeela merungut sambil teraba-raba dalam kegelapan.

Sarmeela berasa sungguh cemas ✎.

Aktiviti

- Menggunakan pelbagai kata adjektif dan kata penguat dengan betulnya untuk melengkapkan cerita.

Panduan Guru 5.1.5

- Murid membaca teks dan memahami cerita.

PK: Nilai Murni – Berwaspada
Strategi P & P: KB – Mereka cipta

Ilmu – Sains
Pembelajaran Kontekstual

UNIT 26

Masyarakat Kreatif dan Inovatif

Mendengar dan Bertutur

Kreatifnya Rekaan

- Linus ak Merayang
- Bennetson Micheal Lai
- Lonado Banggit ak Lani

Sekolah Kebangsaan Nanga Pak, Sibu, Sarawak

perangkap lalat

mengumpan dan memerangkap lalat



cetusan idea

pencipta berbakat

tiga sekawan

otak cair

rekaan kreatif

sumber inspirasi



Bahan-bahan:

- botol plastik
- blok kayu
- tiang kayu
- pita perekat
- gelang getah



Sumber: Alex Antas ak Balo, Sekolah Kebangsaan Nanga Pak Sibu



Aktiviti

- Bercerita dengan menggunakan bahasa yang indah.

Panduan Guru 1.5.1

- Murid memahami dan menaakul maklumat.

PK: Nilai Murni – Berdaya usaha
Strategi P & P: KB – Mereka cipta

Ilmu – Reka Bentuk dan Teknologi
Kreativiti dan Inovasi

Membaca

Mengurangkan Populasi Anai-anai

"Tuk, banyaknya anai-anai," jerit Amar tatkala membuka almari di dapur. Matanya terbeliak apabila melihat serangga kecil berwarna putih sedang memakan dinding almari datuknya.

Tidak lama kemudian, datuk Amar muncul dengan tergopoh-gapah. Tugas memberi kambing makan di belakang rumah ditinggalkannya untuk seketika.

"Di manakah anai-anai itu? Biar tuk musnahkannya dengan racun serangga perosak ini," ujar datuk Amar sambil menunjukkan sebotol racun serangga yang sangat kuat baunya.

"Tuk, janganlah guna racun serangga yang berbahaya ini. Gunakanlah pembasmi anai-anai daripada durian belanda." Amar memberikan cadangan.

Apabila melihat keadaan datuknya yang terpinga-pinga, Amar pun menceritakan produk DHolland yang telah memenangi Anugerah Inovasi Negara 2013.



DHolland merupakan produk yang dapat mengurangkan populasi anai-anai tanpa membunuhnya. Produk ini dihasilkan oleh Pasukan Penyelidikan Saintifik dan Inovasi, SMK LKTP Pemanis, Segamat, Johor Darul Takzim. Bahan asas yang digunakan untuk menghasilkan produk ini ialah ekstrak daun durian belanda atau *Annona muricata*.

Kajian tersebut membuktikan bahawa produk ini berkesan untuk mengurangkan populasi anai-anai dan beberapa jenis serangga lain. Produk ini bukanlah sejenis racun. Oleh itu, produk ini mesra alam dan selamat digunakan.

Produk ini telah mendapat pengiktirafan apabila dinobatkan sebagai Johan Anugerah Inovasi Negara 2013 anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Murid yang terlibat dalam penghasilan produk ini ialah Muhammad Azhari bin Imran, Noradilah binti Sahari, Suria binti Sipon dan Anisya Natasya binti Kamaruddin.

"Pon…pon…" kedengaran bunyi hon yang bingit dari arah jalan raya.

"Tuk, kambing tuk sudah terlepas ke jalan raya," pekik Amar apabila ternampak beberapa ekor kambing sedang berdedai-dedai melintas jalan raya.

"Cis, anai-anai punya angkara, kambing pula menjadi mangsa!" bentak datuk Amar lalu bergegas untuk menyelamatkan kambingnya.

Aktiviti

- Membuat ulasan tentang cerita dan rencana.

Panduan Guru 2.4.1

- Murid membaca dan memahami teks untuk mendapatkan maklumat tersurat dan tersirat.

PK: Nilai Murni – Berdaya usaha
Strategi P & P: KB – Mereka cipta
Ilmu – Sains
Kreativiti dan Inovasi

Menulis

Pembakar Lemang Moden

Hujan turun mencurah-curah. Amar masih berdiri di tepi jendela. Dia kecewa kerana hasratnya untuk membakar lemang pada malam itu tidak kesampaian.

"Tuk, habislah rancangan kita pada malam ini. Kita tidak dapat membakar lemang kerana kayu api basah," sungut Amar.

"Jangan bimbang, Amar. Tuk ada jalan penyelesaiannya," jawab datuk Amar lantas mengajak cucunya itu melihat sesuatu di dapur.

Datuk pun menunjukkan pembakar lemang moden kepada Amar. Alat tersebut _____.

Pengenalan

- rekaan kreatif
  – memudahkan proses pembakaran lemang
  – menggunakan kuasa elektrik dan gas

Ciri-ciri

- bersifat mudah alih
  – dilengkapi roda
- menggunakan logam tahan karat
- lemang disusun secara menegak dalam mesin

Kebaikan

- tidak menghasilkan bahan pencemar
- masa pembakaran lebih singkat – satu jam
- menjimatkan kos penyelenggaraan – harga perkakas yang digunakan juga murah
- pembakaran lebih menyeluruh – lemang berpusing mengelilingi api secara berterusan



Aktiviti

- Menulis perenggan secara kohesi dan koheren.

Panduan Guru 3.6.1

- Murid meneliti dan memahami maklumat.

PK: Nilai Murni – Rasional
Strategi P & P: KB – Mereka cipta

Ilmu – Sains
Kreativiti dan Inovasi

Mencipta Puisi

Syair Pencipta Tangan Robotik

Dengarlah ini suatu cerita,
Cerita tentang seorang pencipta,
Otak geliga laksana pendeta,
Namanya harum merata-rata.

Dalam hatinya hasrat terdetik,
Untuk mencipta tangan robotik,
Dapat dikawal secara automatik,
Hebat dan canggih berciri futuristik.



GEORGETOWN, 17 Mei - "Setelah banyak kanak-kanak menggunakan tangan mekanikal ciptaan saya, tergerak hati saya untuk menghasilkan ciptaan yang lebih baik. Hal ini penting agar tangan yang diterima bukan sekadar tangan tetapi dapat memberikan kesan kepada pemikiran dan perkembangan psikologi mereka."

Demikian kata Sujana Mohd Rejab, 47, yang lebih dikenali dengan panggilan Pak Su tentang model tangan robotik baharu ciptaan beliau. Ciptaan tersebut mempunyai aplikasi khas yang dapat membuat lebih 10 pergerakan ringkas jari-jemari dengan hanya menekan skrin telefon pintar.

"Pengguna dapat membuat pelbagai isyarat seperti tanda bagus dan melambai-lambaikan tangan. Selain itu, pengguna juga dapat menggenggam dan membuka telapak tangan menerusi telefon pintar yang dipasang terus pada tangan robotik itu," katanya.

Katanya lagi, tangan robotik itu diperbuat daripada plastik dan karbon fiber serta merupakan penambahbaikan daripada tangan mekanikal ciptaannya sebelum ini.

Bekas guru Bahasa Inggeris itu turut menjelaskan bahawa tangan robotik itu lebih ringan dan mempunyai pergerakan jari yang lebih fleksibel.

Diubah suai daripada "Pak Su Cipta Tangan Robotik Konfigurasi dengan Telefon Pintar"
BERNAMA, 17 Mei 2015

Aktiviti

- Mencipta syair dan melagukannya dengan sebutan dan intonasi yang betul.

Panduan Guru 4.4.2

- Murid memahami teks.

PK: Nilai Murni – Kegigihan
Strategi P & P: KB – Mereka cipta


Ilmu – Sains
Kreativiti dan Inovasi

UNIT 27

Manfaatkan Kemajuan Teknologi

Mendengar dan Bertutur

Teknologi Rumah Pintar





Teknologi Rumah Pintar

- Barangan elektrik di rumah dapat dikawal melalui telefon bimbit.
- Alat keselamatan rumah seperti penggera, kekunci pintu serta paparan kamera litar tertutup (CCTV) dapat dikawal dari jauh.
- Masa dan bil elektrik dapat dijimatkan.
- Sistem pencahayaan dan pengudaraan rumah dapat dikawal secara automatik.
- Mesej amaran dihantar terus ke telefon bimbit pengguna apabila berlaku pencerobohan.
- Sekiranya pengguna terlupa untuk menghidupkan penggera sebelum keluar rumah, mereka dapat mengaktifkannya pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.



Aktiviti

- Menyebut pelbagai jenis ayat dan ragam ayat dengan betul dan tepatnya.

Panduan Guru 1.2.6

- Murid meneliti bahan untuk mengenal pasti pelbagai jenis ayat dan ragam ayat serta struktur binaan ayat.

PK: Nilai Murni – Rasional
Strategi P & P: KB – Mengenal pasti
Ilmu – Sains
Pembelajaran Koperatif

Membaca

Pengesan Penyakit Denggi

Kejayaan negara dalam bidang bioteknologi amat membanggakan. Kemajuan dalam bidang ini telah membantu ahli sains menghasilkan produk yang sangat bermanfaat kepada pengguna. Produk yang dihasilkan diiktiraf bukan sahaja oleh masyarakat Malaysia tetapi juga masyarakat dunia. Antara produk yang dihasilkan menerusi kemajuan bioteknologi termasuklah pengesan penyakit denggi.

Prof. Ir. Dr. Fatimah binti Ibrahim, seorang jurutera bioperubatan telah mereka cipta satu platform yang dapat mengesan kehadiran virus denggi dengan hanya menggunakan sekeping cakera padat. Cakera padat ini dilengkapi dengan teknologi pengesan nano. Ciptaan beliau ini bukan sahaja merupakan yang pertama di Malaysia, malahan di dunia.

Untuk menggunakan kaedah pengesanan ini, sedikit sampel darah pesakit perlu diambil. Darah hanya diambil di hujung jari pesakit seperti saringan ujian diabetes. Kemudian, darah pesakit perlu dititiskan di atas cakera padat. Cakera padat ini mempunyai beberapa saluran lain yang sudah dimasukkan dengan cairan tertentu. Cairan ini dapat mengenal pasti dan mengasingkan virus dalam masa yang singkat.

Jika sampel darah yang sama diuji dengan kaedah ELISA, tempoh yang diperlukan untuk mengenal pasti virus mengambil masa sehingga seminggu. Namun, dengan menggunakan cakera padat tersebut, masa yang diperlukan hanyalah 30 minit. Keputusan yang diperoleh pula ialah 95 peratus tepat.

Selain itu, kaedah pengesanan ini jauh lebih murah berbanding dengan kaedah konvensional. Kaedah ini tidak memerlukan kelengkapan makmal yang mahal serta ruang yang besar. Kaedah ini hanya memerlukan pemain cakera khas yang kecil dan dapat dipindahkan ke mana-mana. Kos pengeluaran bagi alat pemain cakera ini kurang daripada RM1000.



Sumber: www.kosmo.com.my

Maklumat !

ELISA atau *enzyme-linked immunosorbent assay* ialah ujian yang menggunakan antibodi dan perubahan warna untuk mengenal pasti unsur.

Aktiviti

- Membuat rumusan berdasarkan bahan.

Panduan Guru 2.4.2

- Murid membaca dan memahami maklumat yang tersurat dan tersirat.

PK: Nilai Murni – Berdaya usaha
Strategi P & P: KB – Mengitlak

Ilmu – Sains
Pembelajaran Konstruktivisme

Menulis

Tablet yang Istimewa



Aktiviti

- Menulis karangan jenis autobiografi dan karangan fakta.

Panduan Guru 3.7.2

- Murid membaca dan memahami maklumat.

PK: Nilai Murni – Kesyukuran
Strategi P & P: KB – Menjanakan idea
Ilmu – Sains
Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Permainan Terowong



Terowong SMART

- terowong lencongan air terpanjang di Asia Tenggara
- kedua terpanjang di Asia (9.7 kilometer)
- terowong pertama di dunia mempunyai dwifungsi
- mengurangkan masalah banjir
- mengurangkan masalah kesesakan jalan raya
- memesongkan aliran air banjir daripada memasuki kawasan bandar
- dibina dengan menggunakan mesin penggerudi terowong (TBM)
- berdiameter 13.20 meter
- menerima anugerah antarabangsa British Construction Industry Awards (BCIA) pada tahun 2008



1 dan
2 semasa
4 kerana
5 supaya
6 jika
8 ketika
9 bahawa
10 apabila
12 yang

Arahan Permainan

1. Sediakan butang penanda dan sebiji dadu.
2. Mulakan permainan dengan membaling dadu.
3. Gerakkan butang penanda mengikut bilangan pada dadu.
4. Lihat nombor petak kamu berhenti. Bina ayat tentang Terowong SMART dengan menggunakan kata hubung berdasarkan nombor dalam petak itu.
5. Bina ayat dengan menggunakan maklumat yang diberikan.
6. Ulang semula permainan jika kamu berhenti di petak undur.
7. Kamu menang sekiranya dapat membina semua ayat yang betul dan berjaya berhenti di petak tamat.
8. Sekiranya jawapan kamu tidak betul, kamu dianggap gagal.



Maklumat !

SMART - *Stormwater Management and Road Tunnel*

Aktiviti

- Membina ayat dengan menggunakan pelbagai kata hubung yang betul.

Panduan Guru 5.1.6

- Murid memahami dan menjayakan permainan.

PK: Nilai Murni – Kejujuran
Strategi P & P: KB – Menghubungkaitkan

Ilmu – Sains
Pembelajaran Koperatif

Bacaan Luas



Saksofon Buluh

Saksofon buluh merupakan sejenis alat muzik yang unik. Alat muzik ini tercipta hasil daripada kreativiti dan inovasi Philipus Jani yang berasal dari Kampung Kepayan Lama, Tambunan, Sabah. Philipus telah menjalankan penyelidikan dan pembangunan selama 12 tahun sebelum berjaya menghasilkan saksofon buluh ini. Beliau menamakan saksofon ciptaannya ini somporing.

Somporing bukan sahaja unik pada rupanya tetapi juga berkualiti dari segi pembuatan dan bunyinya. Alat muzik ini diperbuat daripada buluh kuning kerana lebih tahan dan dapat menghasilkan bunyi yang lebih baik. Buluh ini juga lebih kukuh, lebih ringan dan mudah dilentur. Alunan bunyi yang terhasil daripada somporing hampir serupa dengan saksofon biasa daripada nada A hingga G major.

Untuk menghasilkan somporing, buluh yang matang digunakan. Buluh ini dipilih untuk menjadikan somporing lebih tahan. Kemudian, ruas buluh dipotong mengikut saiz tertentu sebelum disambung menjadi bentuk saksofon. Seterusnya, kerja menebuk butang kawalan dilakukan dengan telitinya agar ketepatan dan kualiti bunyi saksofon terjamin.

Keistimewaan Somporing telah menarik minat bukan sahaja pengkaji muzik tetapi juga profesor universiti, peminat muzik tempatan serta antarabangsa. Philipus juga pernah diundang untuk membuat persembahan di Jepun. Kejayaan beliau dalam penghasilan produk yang inovatif ini telah mendapat pengiktirafan daripada banyak pihak. Beliau telah dipilih untuk menerima Anugerah Khas Inovasi Akar Umbi Jejak Inovasi 2011 daripada Yayasan Inovasi Malaysia (YIM).


Kejayaan demi kejayaan yang dicapai ini tidak melekakan Philipus. Sebaliknya, beliau berusaha dengan lebih gigih untuk mengembangkan bakat dan keupayaannya. Beliau mempunyai beberapa perancangan yang besar. Sebagai contoh, beliau mahu memodenkan bengkel pembuatan alat muziknya dengan penggunaan mesin automatik.

Sumber: *Jejak Inovasi*, 2011

Pemulihan

Ciptaan sains sangat berguna kepada manusia kerana dapat menyelesaikan pelbagai masalah.







Tugasan:
1. Teliti gambar yang ditunjukkan.
2. Nyatakan masalah yang dihadapi.
3. Bincangkan cara untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Contoh:

Masalah	Penyelesaian
 makanan cepat busuk	 menggunakan peti sejuk

Pengayaan

Teknologi semakin maju dari semasa ke semasa.

Tugasan:
1. Teliti gambar yang ditunjukkan.
2. Buat perbandingan antara zaman dahulu dengan zaman kini.
3. Bincangkan perubahan tersebut dan ramalkan teknologi pada zaman akan datang.

Dahulu	Kini	Masa Depan
		?
		?

TEMA 10

SEMARAKKAN PERTANIAN DAN PENTERNAKAN KITA

Teguh di sini pohon yang indah,
Bunga melati gugur ke bumi;
Waktu ini terbukti sudah,
Pokok jati penjana ekonomi.

Pokok keman tumbuh sekata,
Rumpun keladi ubi berisi;
Kaedah tanaman kini tercipta,
Pokok padi terima inovasi.

Batang ditarah daun dibelah,
Hendak digapai pucuknya tinggi;
Keringat diperah budi terserlah,
Hasrat tercapai tak mungkin rugi.

Indah nian bawah meranti,
Akar kani terus melata;
Agensi pertanian sedia berbakti,
Semarak tani Malaysia tercinta.




- Lafazkan dan fahami pantun.

UNIT 28

Hargailah Pokok

Mendengar dan Bertutur


Tut Pokok











Para penonton yang saya hormati,
Saya akan menunjukkan cara mengetut pokok. Perhatikan langkah-langkahnya.

Mula-mula, sediakan plastik, tanah dan bahan penggalak akar. Kemudian, pilih ranting pokok yang hendak ditut. Toreh kulit batang itu dengan menggunakan pisau.

Seterusnya, sapukan bahan penggalak akar pada ranting yang ditoreh. Tempekkan tanah pada ranting tersebut. Kemudian, balut tanah itu dengan menggunakan plastik yang nipis. Kemudian, ikat hujung dan pangkalnya.

Selepas beberapa bulan, akar akan tumbuh pada ranting tersebut. Setelah akar matang, potong pangkal ranting itu. Kita dapat menanam pokok hasil daripada pengetutan.

Selamat mencuba. Sampaikan maklumat ini kepada sesiapa sahaja yang berminat untuk mengetut pokok.

Amar : Ayah, saya telah mendapat maklumat tentang cara mengetut pokok daripada pegawai pertanian menerusi rancangan bertajuk "Agrojurnal" di televisyen. Beliau juga berpesan kepada para penonton agar menyampaikan maklumat tersebut kepada sesiapa yang berminat. Ayah berminat?

Encik Zakaria : Ya, Amar. Bolehkah kamu terangkan kepada ayah?

Amar : Boleh ayah. Mula-mula, _____.

Amar ahli Kelab Sejahtera di sekolahnya. Amar telah menyampaikan pesanan tentang cara mengetut pokok kepada kawan-kawannya. Simulasikan.

Aktiviti

- Menyampaikan pesanan dengan bahasa yang santun.

Panduan Guru 1.3.3

- Murid membaca dan memahami maklumat.

PK: Nilai Murni – Rasional
Strategi P & P: KB – Menjanakan idea
Ilmu – Sains Pertanian
BCB – Bacaan imbasan



Membaca

Pilihan Bijak

Ruben dan ayahnya, Encik Anand, hendak menanam padi secara besar-besaran di petak sawah pusaka. Mereka melayari Internet untuk mencari maklumat tentang kaedah penanaman yang terbaik.

Tanaman Secara Tabur Terus

Pesawah boleh menabur benih padi yang telah bercambah pada petak-petak yang berair ataupun kering. Alur perlu dibuat pada petak-petak itu agar benih padi tidak dihanyutkan air. Bagi penanaman tabur kering pula, biji benih pracambah ditabur di kawasan sawah kering selepas penyediaan tanah.

Tabur Basah

Pesawah hendaklah memilih benih yang terbaik untuk direndam selama 24 jam. Kemudian, benih itu ditoskan selama 48 jam untuk memudahkan percambahan. Benih pracambah ditabur di tapak semaian khas. Seterusnya, semaian dibiar bercambah antara dua hingga tiga hari. Kemudian, semaian itu dipindahkan ke rak takungan untuk direndam dan dijaga selama 15 hari. Selepas itu, semaian diubah dengan jentera penanam ke petak sawah yang telah disediakan. Selepas selesai menanam, air di sawah itu akan dinaikkan ke paras 2.5 hingga lima sentimeter.

SRI (*System of Rice Intensification*)

Petani juga boleh menggunakan kaedah SRI. Mengikut kaedah ini, anak padi yang berusia lapan hingga 12 hari yang mempunyai dua helai daun dipindahkan ke sawah. Petani akan membuat penanda untuk menanam anak benih. Anak benih itu akan ditanam berbentuk kotak. Petani akan menanam satu sahaja anak benih bagi setiap penanda. Selepas itu, kawasan sawah tersebut dibiarkan selama 45 hari. Air di dalam sawah pula akan dinaikkan ke paras 2.5 hingga lima sentimeter selama 90 hari.

Sumber: Jabatan Pertanian

Encik Anand : Ruben, kalau kamu sebagai pesawah, kaedah manakah yang menjadi pilihan kamu?

Ruben :  .

Encik Anand : Mengapakah kamu memilih kaedah itu?

Ruben :  .

Maklumat !
SRI ialah sistem intensifikasi padi.



Aktiviti

- Membuat keputusan dengan memberikan alasan.



- Murid membaca dan memahami maklumat.

PK: Nilai Murni – Rasional
Strategi P & P: KB – Membandingbezakan
Ilmu – Sains Pertanian
KP – Verbal-linguistik



Menulis

Jagailah Diriku

Penggemar bunga akan membuat landskap untuk menanam pokok bunga di pekarangan rumah. Pokok bunga yang ditanam termasuklah bunga raya, bunga kertas, keladi dan buluh. Hobi ini sangat baik kerana dapat mengindahkan kawasan dan menyamankan udara. Untuk memastikan pokok bunga sentiasa cantik dan udara sentiasa segar, pokok bunga perlu dijaga dengan baiknya.

Kita perlu menjaga pokok bunga dengan penuh kasih sayang. Penjagaan yang rapi akan menghasilkan bunga atau daun yang sentiasa segar.

Seterusnya, kita perlulah prihatin akan penjagaan pokok-pokok ini. Kekurangan air merupakan satu daripada punca pokok tidak subur. Pokok bunga memerlukan air secukupnya sewaktu mula bertunas. Jika kekurangan air, pucuk akan menjadi layu lalu mati.

Jika kita terlebih siram, akar pokok tersebut akan sentiasa basah kerana tanahnya sentiasa lembap. Kesannya, akar pokok-pokok itu akan rosak lalu gagal menyerap air dan nutrien yang diperlukan. Lama-kelamaan, akar pokok bunga akan reput.

Selain itu, pancaran matahari yang terik juga memberikan kesan kepada pokok bunga. Daunnya akan berubah menjadi kekuning-kuningan. Jika keadaan ini dibiarkan berterusan, batang pokok-pokok itu menjadi kering dan akhirnya mati.

Kesimpulannya, untuk mendapatkan pokok bunga yang sentiasa cantik dan menyerikan rumah kita bukanlah mudah. Oleh itu, sayangilah pokok-pokok bunga tersebut seperti kita menyayangi diri sendiri.



Aktiviti

- Menulis jawapan pemahaman secara kritis dan kreatif.

Panduan Guru 3.3.3

- Murid membaca teks dan memahaminya.

PK: Nilai Murni – Menghargai alam sekitar
Strategi P & P: KB – Mensintesis
Ilmu – Reka Bentuk dan Teknologi
BCB – Bacaan intensif

Menulis Sajak

Tanya pada Pokok

Tanya pada pokok apa sebab muram
Nanti jawab pokok terlebih siram

Tanya pada daun apa sebab layu
Nanti jawab daun patogen ganggu

Pokok nanti kata kadang aku sakit
Sebab daun aku serangga gigit

Lihat pokok itu tiada akar tunjang
Datang angin kencang pokok pun tumbang

Tanya pada akar apa sebab reput
Nanti jawab akar diriku semput

Tanya pada pokok sebab hilang seri
Nanti jawab pokok panas mentari

Pokok nanti kata aku akan lega
Kalau diri aku sering dijaga

Lihat pokok itu ada akar tunjang
Datang angin kencang pokok tak tumbang

(Irama lagu "Tanya Sama Pokok" atau
irama lain yang bersesuaian)

Maklumat !
Patogen ialah agen yang menyebabkan penyakit seperti bakteria dan virus.

Aktiviti

- Melahirkan imaginasi dengan menulis sajak.


Panduan Guru 4.1.1

- Murid membaca, memahami seni kata lagu dan menyanyikannya.

PK: Nilai Murni – Menghargai alam sekitar
Strategi P & P: KB – Menjanakan idea
Ilmu – Reka Bentuk dan Teknologi
KP – Muzik

Kata Kerja dan Kata Bantu

Keistimewaan Kantan





landskap di kawasan rumah

Perubatan tradisional:
penyakit bengkak-bengkak, penyakit kuning, sakit telinga dan sebagainya

Masakan:
kuah laksa, nasi kerabu, asam pedas, tomyam dan sebagainya

Amar hendak berkebun di belakang rumahnya. Amar dan keluarganya telah ____.

Aktiviti

- Membina ayat dengan menggunakan kata kerja dan kata bantu.

Panduan Guru 5.1.4

- Murid membaca dan menaakul maklumat.

PK: Nilai Murni – Kerajinan
Strategi P & P: KB – Menjanakan idea

Ilmu – Reka Bentuk dan Teknologi
Pembelajaran Konstruktivisme

UNIT 29

Penternakan Moden

Mendengar dan Bertutur

Ikan Keli Lubuk Rezeki

1


pasang telinga

2

orang berbudi kita berbahasa

3

berbudi pada tanah

4

sepakat membawa berkat

5

penternakan sumber rezeki

Aktiviti

- Berbicara dengan menggunakan bahasa yang indah untuk menyampaikan maklumat.

Panduan Guru 1.6.2

- Murid membaca dan menaakul maklumat.

PK: Nilai Murni – Daya usaha
Strategi P & P: KB – Menjanakan idea
Ilmu – Reka Bentuk dan Teknologi
KP – Interpersonal

Membaca

Kenali Kambing Jamnapari

"Kawan-kawan, sila dengar penerangan saya ini tentang perusahaan ternakan kambing Jamnapari milik datuk saya dengan rakan kongsinya, Dato' Ilias," kata Rajesh.

Datuk saya penternak kambing Jamnapari. Datuk mendapat benih kambing ini dari daerah Etawah, di Uttar Pradesh, India. Baka kambing ini antara baka kambing yang terbesar di India. Berat kambing jantan boleh mencecah 44 kilogram manakala kambing betina pula 36 kilogram.

Datuk dan rakan kongsinya telah membina kandang di kawasan seluas empat hektar. Mereka membina kandang yang berukuran 30.5 meter x 12.2 meter manakala ketinggian kandang itu ialah 1.5 meter dari paras tanah. Kandang itu dapat menampung bilangan kambing dalam lingkungan 250 ekor.

Kambing di dalam kandang ini dimasukkan ke sistem penternakan yang digunakan, iaitu "sistem lepas". Kambing Jamnapari diberi makanan, iaitu konsentrat dan daun-daun, dua kali sehari. Selain itu, air bersih sentiasa disediakan di dalam kandang itu. Kemudian, pekerja-pekerja memberikan makanan dan minuman yang secukupnya supaya kambing tersebut cepat membesar.

Kambing Jamnapari mudah membiak dan tahan lasak serta sesuai dengan cuaca di Malaysia. Biasanya, sebanyak empat ekor anak kambing akan dilahirkan dalam satu masa. Oleh itu, mereka cepat mendapat pulangan modal dan keuntungan.

Kambing Jamnapari mempunyai banyak keistimewaannya. Kambing ini dipelihara untuk bekalan daging dan susu. Harga seekor kambing ini mencecah RM5000. Oleh itu, pendapatan mereka semakin bertambah. Permintaan terhadap kambing ini semakin meningkat.



Kini, datuk saya dan rakannya bercadang untuk mengembangkan perusahaan tersebut dengan menggunakan sistem fidlot. Mereka juga merancang untuk mengeluarkan produk sampingan yang berasaskan kambing Jamnapari.

kandang	keistimewaan	sistem fidlot

Aktiviti

- Memindahkan maklumat dalam bentuk grafik.

Panduan Guru 2.5.1

- Murid membaca dan memahami maklumat.

PK: Nilai Murni – Bertanggungjawab
Strategi P & P: KB – Menganalisis

Ilmu – Reka Bentuk dan Teknologi
BCB – Mencatat nota

Menulis

Ikan Patin Mengubah Hidupku



1 - memohon
- mendapat bantuan



2



3

4

Pak Cik Tan Penternak Patin

Pak Cik Tan dan keluarganya tinggal di Kupang, Kedah. Kehidupan mereka agak sederhana. .

Menemui Atoi yang berada di FELDA Sahabat Tawau, Sabah. Diharapkan saudara dan keluarga sentiasa sihat sejahtera.

Saudara,

Saya menulis surat ini untuk bercerita tentang bapa saya, penternak ikan patin, .

Aktiviti

- Menulis karangan jenis autobiografi dan surat tidak rasmi.

Panduan Guru 3.3.4

- Murid membaca bahan grafik dan memindahkan maklumat.

PK: Nilai Murni – Berwawasan
Strategi P & P: KB – Menjanakan idea


Ilmu – Reka Bentuk dan Teknologi
Pembelajaran Konstruktivisme

Kata Tugas

Sinar Kebahagiaan


Tatkala semua insan masih diulit mimpi, Wiratnom, telah bangun daripada tidurnya. Isteri Wiratnom yang cantik bak bidadari menyediakan bekalan untuk suaminya yang tercinta.

LKIM



"Aduhai, malangnya nasibku hari ini!" Tiba-tiba, Wiratnom mengeluh kerana tangkapannya semakin berkurangan. Wiratnom duduk menyepi sambil mengharapkan banyak ikan tersangkut pada pukatnya.

Pada suatu hari, pegawai Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah datang ke rumah Wiratnom. Mereka mendapat maklumat daripada ketua kampung. LKIM telah menyampaikan sumbangan berupa enjin bot, bot gentian kaca dan jaket keselamatan.



"Syukurlah, abang. Kita tidak lagi kais pagi makan pagi, kais petang makan petang," ujar isteri Wiratnom.

Aktiviti

- Bercerita dengan menggunakan pelbagai kata tugas berdasarkan gambar.

Panduan Guru 5.1.7

- Murid menaakul gambar untuk mendapatkan maklumat.

PK: Nilai Murni – Kesyukuran
Strategi P & P: KB – Menjanakan idea
Ilmu – Reka Bentuk dan Teknologi
KP – Verbal-linguistik

UNIT 30 Pertanian Sumber Rezeki

Mendengar dan Bertutur

Fungsi RISDA

"Kawan-kawan, sila dengar penerangan saya ini," kata Ruben.

Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil RISDA dilancarkan pada 8 Februari 1973 oleh YAB Tun Haji Abd. Razak bin Datuk Hussein, Perdana Menteri Malaysia yang kedua.

RISDA ditubuhkan untuk membentuk masyarakat pekebun kecil getah yang progresif. RISDA juga membantu pekebun kecil melalui aktiviti perladangan secara komersial. RISDA turut memberi pekebun kecil benih pokok getah dan baja yang bermutu tinggi dan khidmat nasihat. Selain itu, RISDA memberikan bantuan kewangan kepada pekebun kecil sementara menunggu hasil tanaman diperoleh.

Selain itu, RISDA ditugasi untuk melaksanakan penanaman semula pokok getah. Pekebun akan diberi pokok getah yang diklonkan. Melalui amalan agronomi yang baik, pekebun akan memperoleh hasil yang lumayan.

Di samping itu, RISDA berganding bahu dengan MARDEC untuk menjalankan penyelidikan kualiti getah menerusi penubuhan Pusat Penyelidikan Getah Malaysia (PPGM). Oleh itu, MARDEC telah muncul sebagai pengeluar getah yang bermutu tinggi untuk keperluan eksport.

RISDA turut bekerjasama dengan Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM). Institut ini membantu RISDA membekalkan anak-anak getah yang bermutu tinggi seperti Klon 2025, Klon PB350 dan RRIM3001 atau Klon 1Malaysia. RRIM juga mencipta alat yang dapat melindungi kulit pokok daripada dibasahi hujan. Hasil kerjasama tersebut, susu getah yang bermutu tinggi dapat dihasilkan. Oleh sebab itu, getah keluaran Malaysia mendapat permintaan tinggi dalam pembuatan produk seperti tayar, peralatan perubatan, dan penebat elektrik.

"Kami faham, Ruben. Marilah kita berbincang tentang maklumat dalam grafik ini," kata kawan-kawan Ruben.



Maklumat

RISDA ialah akronim bagi *Rubber Industry Small Holders Development Authority.*

Agronomi:
Cabang ilmu pertanian yang berkaitan dengan pengelolaan tanah untuk menghasilkan tanaman.

Sumber: www.risda.gov.my

Aktiviti

- Berbincang secara kritis dan kreatif.

Panduan Guru 1.7.2

- Murid mengemukakan pendapat.

PK: Nilai Murni – Tekun
Strategi P & P: KB – Menjanakan idea
Ilmu – Sains Pertanian
KP – Verbal-linguistik

Membaca

Oh, Begitu Caranya!

Pada cuti sekolah pertengahan tahun, Lagang dan kawan-kawannya menyertai lawatan ke ladang jati di Keningau, Sabah. Lawatan itu disertai oleh 40 orang murid dan dua orang guru pengiring.

Lawatan itu diadakan untuk mengetahui cara pokok jati ditanam dan melihat produk yang berasaskan kayu jati. Oleh itu, Lagang dan kawan-kawannya dapat menambah ilmu pengetahuan tentang kayu jati yang popular dalam kalangan rakyat Malaysia.

1



Lubang digali untuk menanam pokok jati.

2




Seorang pekerja memasukkan kompos ke dalam lubang itu.

3



Pokok jati ditanam lalu ditimbus dengan tanah.

4



Pekerja mengikat pokok jati itu pada sebatang kayu yang lurus agar batang jati tidak patah.

5



Pokok jati yang matang ditebang dengan berhati-hati.

6



Batang jati dapat dibuat meja, kerusi, almari dan kabinet dapur.

Akhirnya, Lagang dan kawan-kawannya mengambil kesempatan melawat ke ladang itu. Lagang berasa bertuah kerana dapat melihat ladang tersebut dan mendapat penerangan yang jelas tentang pokok jati.

Aktiviti

- Membaca teks yang mengandungi ayat tunggal dan ayat majmuk dengan pelbagai keterangan secara mekanis.

Panduan Guru 2.3.2

- Murid menaakul maklumat.

PK: Nilai Murni – Rasional
Strategi P & P: KB – Mengenal pasti
Ilmu – Perdagangan
Pembelajaran luar bilik darjah

Menulis

Susah Dahulu Senang Kemudian

"Amar, dengarlah cerita ayah ini sebagai teladan," pesan Encik Zakaria.

Pada suatu petang, tatkala Ragupathy asyik mendengar lagu klasik melalui saluran radio klasik, tiba-tiba dia tertarik akan satu iklan. Penyampai radio itu telah memberitahu bahawa satu kursus khas akan diadakan oleh pihak jabatan pertanian. Maklumat itu terngiang-ngiang di telinganya sehingga dia terlelap di sofa usangnya.

Keesokan harinya, dia mengikuti kursus menternak lebah. Dengan berbekalkan tanah sekangkang kera pemberian ayahnya dan tulang empat keratnya, dia mula menternak lebah jenis Trigona. Lebah ini juga dikenali sebagai lebah kelulut yang tidak bersengat serta tidak berbahaya kepada manusia.

Ragupathy menyediakan 700 kotak untuk dijadikan sarang kelulut. Dia juga menanam pelbagai jenis tumbuhan yang mengeluarkan nektar di tanahnya. Nektar itu penting untuk kelulut menyedutnya bagi menghasilkan madu.

Kini, dia berjaya menuai hasil kerana kelulutnya dapat mengeluarkan madu sebanyak 200 hingga 600 gram pada musim biasa dan 800 gram hingga 1.8 kilogram pada musim bunga. Harga pasaran runcit madu kelulut ialah RM240.00 sekilogram. Harganya tiga kali ganda lebih mahal daripada madu lebah biasa. Hasilnya, Ragupathy memperoleh pendapatan antara RM4000.00 hingga RM5000.00 sebulan.

"Amar, ulaskan perwatakan Encik Ragupathy dan keistimewaan kelulut itu, " minta ayah Amar.

"Ayah, Encik Ragupathy seorang ✎," ulas Amar.



Aktiviti

- Menulis ulasan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

Panduan Guru 3.9.1

- Murid membaca teks untuk mendapatkan maklumat.

PK: Nilai Murni – Tekun
Strategi P & P: KB – Mensintesis

Ilmu – Keusahawanan
Pembelajaran Konstruktivisme

Ayat Songsang

Hilangnya Duka

Ayat susunan biasa

Situasi di bangsal ketam nipah Pak Abu

Pak Abu musykil sejak semalam. Ketam-ketam itu tidak bertelur. Ketam nipah Pak Abu kelihatan makin lemah.

Situasi di pejabat pertanian

Encik Zakaria membawa Pak Abu berjumpa dengan pegawai pertanian pada pagi tadi. Pegawai itu menyambut mereka dengan tangan terbuka. Pak Abu mendapat khidmat nasihat dan menerima bantuan makanan ketam, iaitu ikan baja.

Pak Abu kembali ke bangsal ketam nipahnya dengan wajah yang ceria. Pak Abu memberikan makanan mengikut peraturan. Ketam nipah Pak Abu kembali cergas selepas beberapa minggu. Pak Abu amat gembira sekali apabila melihat perubahan ketam nipahnya di dalam petak PVC. Pak Abu memantau ketam nipahnya dari tengah malam hingga awal pagi.

Situasi di bangsal ketam nipah Pak Abu

Ketam nipah Pak Abu telah matang. Pak Abu menjual ketam nipahnya kepada pelanggan. Pak Abu sangat gembira sekali. Dia berjaya kerana mengikut nasihat pegawai pertanian itu.

Ayat susunan songsang









Maklumat

PVC ialah sejenis bahan plastik yang digunakan untuk membuat barang-barang seperti kasut, pembalut sofa, pakaian dan sebagainya.

Aktiviti

- Membina ayat songsang berdasarkan petikan dan gambar.

Panduan Guru 5.3.1

- Murid membaca ayat dan memahaminya.

PK: Nilai Murni – Kegigihan
Strategi P & P: KB – Menganalisis

Ilmu – Reka Bentuk dan Teknologi
Pembelajaran Kontekstual

Bacaan Luas

Taman Agroteknologi MARDI Langkawi



Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah mengasaskan Taman Agroteknologi MARDI Langkawi (TATML) pada tahun 1990. Keluasan taman ini kurang lebih 25 hektar. Taman ini terletak di Jalan Padang Gaung, Lubuk Semilang, Langkawi. Kedudukan taman ini sangat strategik. Masa perjalanan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi ke taman ini hanya 10 minit.

TATML dibina untuk dijadikan pusat pemindahan teknologi dan maklumat yang berkait dengan industri pertanian. Selain itu, taman ini juga direka sebagai pusat ekopelancongan.

Banyak keistimewaan TATML. Antara tarikan utamanya termasuklah pusat teknologi maklumat. Semua maklumat tentang agroteknologi diperoleh di sini. Selain itu, dusun buah-buahan tempatan, kebun sayur berteknologi tinggi dan kawasan rekreasi juga terdapat di taman ini.

Sebanyak 20 jenis pokok buah tropika ditanam di TATML. Buah-buahan ini menjadi tarikan pengunjung. Antara pokok buah yang ditanam di sini termasuklah durian, rambutan, pulasan, belimbing, markisah, limau bali, mempelam harum manis dan ciku.

Bufet buah-buahan juga disajikan kepada pelancong. Oleh itu, pelancong dapat menikmati keenakan buah-buahan sambil menjamu mata dengan melihat keindahan landskap TATML. Selain itu, pelancong juga mendapat maklumat yang betul tentang buah-buahan daripada pemandu pelancong.



Kini, Taman Agroteknologi MARDI Langkawi menjadi tumpuan pelancong. Sebanyak 70 000 orang pelancong berkunjung ke taman ini setiap tahun yang melibatkan 85 peratus pelancong antarabangsa dan 15 peratus pelancong tempatan.

Sumber: www.tatml.mardi.gov.my

Maklumat !

Agroteknologi bermaksud teknologi yang berkaitan dengan pertanian.

Pemulihan

Tukar ayat di bawah menjadi ayat songsang.



Pengayaan

Analisis teks dan kenal pasti ayat songsang. Kemudian, tulis teks semula dengan ayat susunan biasa.

Pak Cik Silva bangun pada pukul 6.00 pagi. Mengambil tuala mandi beliau.

Pada pukul 7.30 pagi, beliau menunggang motosikal ke kebun cilinya. Beliau mengambil cangkul dan sabit. Menebas rumput di kebun cili itu beliau. Pak Cik Silva berehat pada waktu tengah hari. Beliau meneguk air suam dan makan bekalan yang dibawanya.

Jika ada masa terluang, Pak Cik Silva berjumpa dengan kawan-kawan. Mereka berbual-bual hingga pukul 2.00 petang. Berbincang tentang tanaman mereka.

Pada pukul 4.00 petang, Pak Cik Silva pulang ke rumah. Dia membawa cili dan kubis untuk isterinya. Sedang baring Pak Cik Silva. Menyiang sayur untuk makan malam isterinya.

PENILAIAN 5

A) Baca petikan. Kemudian, pindahkan maklumat.

Pasukan penyelidik daripada Jabatan Kejuruteraan Proses & Makanan, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia (UPM) telah berjaya mencipta mesin pemprosesan nanas 3 dalam 1. Mesin yang boleh beroperasi secara manual dan semiautomatik ini mampu menjimatkan masa dan mengurangkan kos pemprosesan nanas. Oleh itu, mesin ini amat berguna kepada para pengusaha buah potong segar, pembuat jem nanas, kuih-muih dan makanan yang berasaskan nanas.



Mesin ciptaan Prof. Madya Dr. Rosnah binti Shamsudin ini mempunyai tiga fungsi utama, iaitu mengupas kulit, membuang empulur dan memotong buah nanas dalam bentuk kepingan dan kiub. Dengan menggunakan mesin ini, para pengusaha dapat mengurangkan kos mengupah pekerja untuk melakukan tugas pemprosesan tersebut.

Selain itu, penggunaan mesin ini dijamin selamat dan dapat mewujudkan persekitaran kerja yang bersih. Komponen mesin itu pula diperbuat daripada besi tahan karat yang selamat untuk makanan, mudah dikendalikan, menjimatkan tenaga dan kos penyelenggaraan yang murah.

Para pengusaha industri kecil dan sederhana seperti penjual nanas segar serta usahawan nanas wajar memanfaatkan kemudahan teknologi ini. Hal ini dikatakan demikian kerana mesin ini dapat meningkatkan pengeluaran dan pendapatan pengusaha.

Sumber: www.utusan.com.my





B) Buat ulasan tentang dompet pintar berdasarkan teks.

Harum mekar si bunga cina,
Dipetik adik lalu disemat;
Dompet pintar sungguh berguna,
Kita dididik berjimat cermat.

Tutur pendeta lembut bersahaja,
Duduk sebentar di atas hamparan;
Andai kita boros berbelanja,
Dompet bergetar tanda amaran.



Menemui sahabatku, Ruben, yang diingati selalu. Saya berharap semoga saudara seisi keluarga sihat sejahtera.

Saudara,

Apa khabar? Dalam kesempatan ini, saya ingin berkongsi maklumat tentang suatu ciptaan yang menarik. Ciptaan itu ialah dompet pintar.

Dompet pintar ini amat berguna kepada sesiapa yang sukar mengawal perbelanjaan kewangan. Dompet ini akan memberikan amaran jika pemiliknya telah berbelanja melebihi had yang ditetapkan. Dompet ini akan bergetar atau sukar dibuka jika pemiliknya terlalu boros berbelanja. Menarik bukan?

Pencipta dompet pintar ini sungguh kreatif dan inovatif. Saya amat kagum akan daya kreativiti dan inovasinya. Beliau mengaplikasikan teknologi *Bluetooth* dalam penciptaan dompet ini. Dompet ini dapat dihubungkan kepada telefon pintar dan maklumat akaun bank pengguna.

Setakat ini sahajalah maklumat yang dapat saya kongsikan. Andai kata saudara mempunyai sesuatu perkara yang menarik, berkongsilah pula dengan saya.

Akhir kata, sambutlah salam mesra daripada saya untuk saudara sekeluarga. Sekian, terima kasih.

Sahabatmu,

Imran

TEMA 11

RANCAKKAN EKONOMI KITA

amanah

gigih

tabah

yakin

rasional

kreatif



Ekonomi

Keusahawanan

Kewangan

- Ulaskan bahan grafik yang diberikan.

UNIT 31 Bersama-sama Menjanakan Ekonomi

Mendengar dan Bertutur

Kilang Kerepek Warisan

Kami berdua sedang menyiapkan kerja lapangan yang berkaitan dengan aktiviti ekonomi penduduk kampung ini. Kami datang ke sini untuk mendapatkan maklumat dan meninjau aktiviti yang dijalankan di Kilang Kerepek Warisan.

Oh, begitu! Bagus sungguh usaha kamu itu. Pak cik amat berbesar hati menerima kedatangan kamu ke kilang kerepek pak cik. Apakah maklumat yang kamu perlukan?



Wah, maju sekali perniagaan kerepek ini! Lihatlah produk yang dihasilkan oleh mereka. Ada pelbagai jenis kerepek di sana. Kejayaan begini perlu kita jadikan contoh.

Ya, saya bersetuju dengan pandangan kamu.



Produk

- kerepek pisang
- kerepek ubi
- kerepek sukun
- kerepek keledek
- kerepek bawang
- kerepek keladi

Keistimewaan

- enak dan berkualiti
- harga berpatutan
- tahan lama
- diusahakan sepenuhnya oleh warga tempatan
- pembungkusan menarik

Pasaran

- tempatan
- Indonesia
- Singapura
- Taiwan

Aktiviti

- Berbual dengan menggunakan kata ganti nama berdasarkan teks dan gambar.

Panduan Guru 1.4.3

- Murid membaca dan meneliti bahan.

PK: Nilai Murni – Berbudi bahasa
Strategi P & P: KB – Menjanakan idea
Ilmu – Ekonomi
KP – Verbal-linguistik

Membaca

Kraf Tangan Sumber Pendapatan

Industri kraf tangan merupakan suatu bidang ekonomi yang telah lama berkembang di negara kita. Industri ini semakin maju kerana hasil kraf tangan mendapat permintaan yang tinggi di pasaran.

Negara kita amat bertuah kerana kaya dengan sumber alam semula jadinya. ✎.



bemban



hasil kraf tangan



sumber pendapatan



kota



desa

pasaran

Perjalanan Hidupku

Dari rimba
Aku ke desa
Juga ke kota
Berbeza gaya
Berubah rupa

Aku
✎.

Maklumat !

Bemban ialah tumbuhan liar yang hidup di tepi sungai berlumpur dan kawasan berpaya. Bemban dapat mencapai ketinggian antara tiga hingga lima meter. Terdapat dua jenis bemban, iaitu bemban batu dan bemban air. Bilah bemban dapat dianyam menjadi bakul, tikar, beg tangan, beg duit dan sebagainya.

Aktiviti

- Memindahkan maklumat dalam bentuk prosa dan puisi.

Panduan Guru 2.5.3

- Murid membaca dan menaakul maklumat.

PK: Nilai Murni – Berusaha
Strategi P & P: KB – Menaakul

Ilmu – Ekonomi
Pembelajaran Kontekstual

Menulis

Perusahaan Songkok Safwan

Bapa Izuni sudah bertahun-tahun mengusahakan perusahaan songkok. Perusahaan songkok beliau amat maju dan terkenal. Songkok yang dihasilkan berjenama Safwan.

Perusahaan Songkok Safwan .



Sejarah penubuhan	ditubuhkan pada tahun 2001
Lokasi	Kuala Ketil, Kedah
Jumlah pekerja	15 orang
Jumlah mesin	12 buah
Pasaran	seluruh Malaysia
Perancangan masa depan	meluaskan pasaran ke Indonesia dan Negara Brunei Darussalam

Pelbagai Jenis

- songkok dewasa
- songkok kanak-kanak
- songkok tinggi

Berkualiti

- cantik
- tahan lama
- jahitannya kemas
- menggunakan baldu berkualiti dari luar negara

Harga Berpatutan

- paling murah RM50
- paling mahal RM150



Aktiviti

- Menulis karangan dengan menggunakan idea utama dan idea sampingan secara kohesi dan koheren.

Panduan Guru 3.6.1

- Murid memahami bahan untuk menyampaikan maklumat.

PK: Nilai Murni – Berbudi bahasa
Strategi P & P: KB – Menjanakan idea

Ilmu – Ekonomi
Pembelajaran Kontekstual

Mengubah Suai Seni Kata Lagu

Mari Berniaga

Marilah kawan
Mari kawan mari berniaga
Di medan selera mari berniaga
Aneka makanan

Marilah tuan
Mari tuan mari berniaga
Di pasar tani mari berniaga
Buah-buahan

Marilah encik
Mari encik mari berniaga
Di pasar raya mari berniaga
Barangan elektrik

Marilah kita
Mari kita mari berniaga
Dalam talian mari berniaga
Busana wanita

(Irama lagu "Anak Ayam Turun Sepuluh" atau irama lain yang bersesuaian)









Aktiviti

- Mengubah suai seni kata lagu secara bebas dan menyanyikannya.

Panduan Guru 4.1.2

- Murid memahami dan menyanyikan seni kata lagu.

PK: Nilai Murni – Kerajinan
Strategi P & P: KB – Mereka cipta

Ilmu – Ekonomi
KP – Muzik

Imbuhan

Kedai dalam Taman

Sebagai wartawan majalah sekolah, Izuni telah ditugasi untuk menjalankan satu sesi temu ramah. Dia perlu menemu ramah seorang usahawan yang berjaya di kawasan tempat tinggalnya. Hasil temu ramah itu akan dimuatkan dalam majalah sekolahnya.

Izuni : Selamat petang, Encik Ramesh. Saya Izuni, wartawan majalah Sekolah Kebangsaan Taman Kencana. Bolehkah saya menemu ramah encik berkenaan dengan perniagaan yang encik jalankan?

Encik Ramesh : Selamat petang. Silakan Izuni.

Izuni : Saya amat tertarik melihat persekitaran kedai encik yang cantik seperti taman. Boleh ceritakan perihal perniagaan yang encik usahakan ini?

Encik Ramesh : ✎.



Setelah sesi temu ramah itu selesai, Encik Ramesh membawa Izuni bersiar-siar di sekitar kawasan kedainya.



Aktiviti

- Menggunakan pelbagai imbuhan berdasarkan bahan.

Panduan Guru 5.2.1

- Murid meneliti teks dan gambar untuk membina ayat.

PK: Nilai Murni – Berusaha
Strategi P & P: KB – Menghubungkaitkan
Ilmu – Ekonomi
KP – Interpersonal

UNIT 32

Berjiwa Usahawan

Mendengar dan Bertutur

Potret Kejayaan



"Oh, alangkah gembiranya!" jerit Irfan sambil melonjak keriangan. Pada wajahnya terpancar kepuasan yang tidak terhingga. Seperti bulan jatuh ke riba, dia berasa gembira sekali. ____.



Kejayaan Irfan tidak tercipta dalam sekelip mata. Kira-kira 15 tahun yang lalu, kehidupan Irfan penuh berliku. Namun, Irfan tidak patah semangat. Pesanan orang tuanya sentiasa dijadikan pegangan. "Jangan berputus asa, Irfan. Hari tidak selamanya panas." ____.



"Bagaimanakah perniagaan ini dapat kumajukan?" Persoalan itu sering menjengah fikirannya. Dengan berbekalkan sedikit modal, Irfan memberanikan diri. ____.



"Alang-alang berdakwat, biar hitam". Irfan terus mengorak langkah. Dia mempelbagaikan produk perniagaannya. Dia menceburi bidang penerbitan, pengiklanan dan kraf tangan. ____.

Aktiviti

- Bercerita dengan menggunakan pelbagai ayat dengan sebutan dan intonasi yang betul.

Panduan Guru 1.5.1

- Murid meneliti bahan.

PK: Nilai Murni – Kerajinan
Strategi P & P: KB – Menghubungkaitkan
Ilmu – Ekonomi
KP – Verbal-linguistik

Membaca

Resipi Kejayaan Brahim's

"Cendol durian satu. Campur pulut, ya," pinta ayah Ruben sebaik sahaja melabuhkan punggungnya di kerusi restoran. Ruben dan ibunya turut membuat pesanan yang sama. Pesanan mereka segera dicatat oleh pelayan restoran itu.

Sementara menunggu pesanan tiba, Ruben membelek-belek akhbar yang terletak di atas meja di hadapannya. Sehelai demi sehelai akhbar itu diselaknya. Tiba-tiba, selakannya terhenti. Matanya tertumpu pada satu rencana yang bertajuk "Resipi Kejayaan Brahim's".



Brahim's merupakan jenama makanan yang sudah tidak asing lagi di Malaysia. Produk ini diasaskan oleh seorang pakar makanan berteknologi tinggi, iaitu Datuk Haji Ibrahim bin Haji Ahmad Badawi. Beliau merupakan abang kepada mantan Perdana Menteri Malaysia yang ke-5, iaitu Yang Berbahagia Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi.

Datuk Haji Ibrahim berkelulusan Ijazah Sarjana Sains daripada Louisiana State University. Beliau merupakan pensyarah dalam bidang teknologi makanan dan berpengalaman luas dalam bidang makanan dan penyelidikan berasaskan pertanian. Beliau mengasaskan Brahim's bersama-sama dengan rakan kongsi dari Jepun iaitu Encik Tatsunobu Abe dan memperkenalkannya secara rasmi di negara ini pada tahun 1988 melalui syarikat Dewina Food Industries Sendirian Berhad.

Kini, produk makanan tempatan berjenama Brahim's cukup terkenal. Produk ini mendapat sambutan yang menggalakkan bukan sahaja di pasaran tempatan tetapi juga di pasaran seluruh Asia dan Eropah. Produk makanan Brahim's adalah produk makanan sihat kerana tiada tambahan bahan perisa, bahan pengawet, perasa dan pewarna tiruan. Hingga kini, Brahim's telah mengeluarkan lebih daripada 40 jenis produk makanan sedia dimakan dan sos masakan. Setiap bulan, hampir satu juta pek produk jenama Brahim's dikeluarkan.



"Silalah jamu selera," kata pelayan restoran sambil meletakkan semangkuk cendol di atas meja. Tatkala melihat cendol di depan mata, Ruben pun menghentikan pembacaannya. Sambil menikmati cendol, otak Ruben berputar ligat. Ada persoalan yang sedang berlegar-legar di jendela fikirannya. Apakah resipi kejayaan Brahim's?

Aktiviti

- Menghasilkan idea baharu berdasarkan teks.

Panduan Guru 2.6.1

- Murid membaca teks.

PK: Nilai Murni – Kegigihan
Strategi P & P: KB – Mensintesis

Ilmu – Ekonomi
Pembelajaran Konstruktivisme

Menulis

Upin dan Ipin

Dari tadi, Izuni dan adiknya duduk tidak berganjak di depan televisyen. Mereka sedang menonton siri animasi popular *Upin dan Ipin*. Keletah dua orang budak botak yang comel itu amat menghiburkan hati mereka.

Setelah menonton rancangan animasi itu, Encik Khairul memanggil Izuni dan adiknya. Encik Khairul mahu berkongsi cerita dengan mereka.





Encik Khairul pun mula bercerita dengan panjang lebarnya. Menurut Encik Khairul, siri animasi *Upin dan Ipin* diasaskan oleh pasangan suami isteri, iaitu Encik Burhanuddin bin Md Radzi dan Puan Ainon binti Ariff. Mereka merupakan usahawan industri kreatif yang sangat gigih dan berani.

Pada tahun 2006, mereka menubuhkan syarikat Les' Copaque Production Sendirian Berhad yang menerbitkan siri animasi *Upin dan Ipin*. Siri animasi ini penuh dengan pengajaran serta menggambarkan budaya tempatan. Siri *Upin dan Ipin* telah berjaya menggegarkan industri animasi negara. Siri ini bukan sahaja berjaya di Malaysia, tetapi mendapat sambutan di Indonesia. Melalui *Disney Channel Asia*, siri ini ditayangkan di 14 buah negara di rantau Asia.

Sejak itu, *Upin dan Ipin* banyak menerima anugerah dalam negara dan antarabangsa. Antaranya termasuklah Watak Animasi Tempatan Popular bagi Anugerah Bintang Popular Berita Harian 2012. Pada tahun 2013 pula, *Upin dan Ipin* telah dilantik sebagai duta negara untuk Pertubuhan Tabung Kanak-Kanak Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF).

Aktiviti

- Menulis teks secara imlak dengan ejaan dan tanda baca yang tepat.

Panduan Guru 3.4.2

- Murid membaca dan memahami teks.

PK: Nilai Murni – Berdaya usaha
Strategi P & P: KB – Mengecam

Ilmu – Ekonomi
Pembelajaran Kontekstual

Mengujarkan Cerita

Warung Bas

Abang Atoi, iaitu Encik Jumat berhasrat untuk membuka perniagaan makanan. Namun begitu, hasratnya terhalang kerana dia kurang keyakinan diri. Keadaan ini menyebabkan dia berasa bimbang jika gerai makanannya gagal menarik perhatian pelanggan.

Ayah Encik Jumat dapat menyelami perasaan anak bujangnya. Sebagai orang yang telah masak dalam selok-belok perniagaan, beliau memberikan buah fikirannya.



Warung bas Encik Jumat mendapat sambutan hangat daripada pelanggan. Para pelanggan amat tertarik akan konsep warung yang agak berbeza itu. Encik Jumat bersyukur kerana jerih perihnya telah membuahkan hasil.

Aktiviti

- Mengujarkan cerita untuk menyampaikan idea dengan menggunakan bahasa yang indah.

Panduan Guru 4.2.2

- Murid meneliti dan menaakul gambar.

PK: Nilai Murni – Kegigihan
Strategi P & P: KB – Menaakul


Ilmu – Ekonomi
KP – Interpersonal

UNIT 33

Kad dan Diriku

Mendengar dan Bertutur

Sesal Dahulu Pendapatan...



Kawan-kawan, malam tadi saya menonton drama berjudul "Sesal Dahulu Pendapatan". Dalam cerita itu, Puan Suhaila pergi ke bank. Beliau mahu membuka akaun di bank tetapi tidak mahu _____.

Aktiviti

- Menceritakan bahan yang ditaakul.

Panduan Guru 1.5.2


- Murid meneliti gambar.

PK: Nilai Murni – Rasional
Strategi P & P: KB – Menghubungkaitkan

Ilmu – Kewangan
Pembelajaran Kontekstual

Membaca

Istimewanya Kami




KAD PRABAYAR SENTUH DAN LALU



Amar selalu melihat ayahnya menggunakan kad prabayar. Kad ini banyak memberikan manfaat kepada pengguna. Amar mendapat satu idea baharu. Dia ingin mencipta kad yang lebih canggih.

Aktiviti

- Menghasilkan idea baharu berdasarkan bahan.

Panduan Guru 2.6.2

- Murid menaakul bahan.

PK: Nilai Murni – Berjimat cermat
Strategi P & P: KB – Menganalisis

Ilmu – Ekonomi
Kajian Masa Depan

Menulis

Penggunaan Kad Kredit

Cikgu Mazidah telah pergi ke sebuah bank. Beliau ingin memohon kad kredit. Di sana, beliau disambut dengan mesranya oleh seorang pegawai bank.

Pegawai bank itu memberikan penerangan tentang keistimewaan kad kredit. Antaranya, pengguna tidak perlu membawa wang tunai ke mana-mana. Pengguna dapat berbelanja dengan hanya menghulurkan kad kredit kepada juruwang. Oleh itu, kehilangan wang tunai dapat dielakkan.

Selain itu, pengguna kad kredit akan mendapat mata ganjaran daripada perbelanjaannya. Mata ganjaran ini boleh ditebus dengan pelbagai cara, sama ada ditukar dengan barangan atau pakej pelancongan.

Cikgu Mazidah juga bertanya tentang kesan penggunaan kad kredit. Menurut pegawai bank itu, pengguna akan berbelanja dengan borosnya jika tidak dapat mengawal diri. Penipuan kad kredit juga sering berlaku. Selain itu, kadar faedah yang tinggi juga dikenakan jika pengguna gagal membayar hutang dalam tempoh tertentu.

Setelah berpuas hati dengan terma dan syarat, Cikgu Mazidah mengisi borang permohonan kad kredit. Selepas permohonan kad kreditnya diluluskan, Cikgu Mazidah menggunakan kad kredit secara berhemah.

Nyatakan sikap dan sifat yang perlu ada pada pegawai bank selain yang dinyatakan dalam petikan.

Bagaimanakah pegawai bank itu menyambut Cikgu Mazidah?

Adakah kita bertindak bijak, jika kita banyak berbelanja dengan menggunakan kad kredit? Berikan pendapat kamu.

Sebagai pengguna yang bijak, apakah yang perlu kita lakukan semasa berbelanja dengan menggunakan kad kredit?

Pada pendapat kamu, perlukah Cikgu Mazidah menggunakan kad kredit?

Buat kajian tentang keistimewaan dan keburukan kad kredit. Tulis kajian tersebut.

Cadangkan cara penggunaan kad kredit untuk mengelakkan muflis. Catatkan cadangan kamu.

Aktiviti

- Menulis jawapan pemahaman secara kritis dan kreatif.

Panduan Guru 3.3.3

- Murid membaca dan memahami teks.

PK: Nilai Murni – Rasional
Strategi P & P: KB – Mensintesis

Ilmu – Ekonomi
Pembelajaran Konstruktivisme

Penanda Wacana

Bertindak Segera



Setelah meletakkan kereta di tempat yang dikhaskan, Cikgu Mazidah tergesa-gesa masuk ke pusat bayaran bil setempat. Beliau ingin ✎ .

Aktiviti

- Membina pelbagai jenis ayat dalam perenggan dengan menggunakan penanda wacana.

Panduan Guru 5.3.2

- Murid menaakul gambar dan maklumat.

PK: Nilai Murni – Bertindak bijak
Strategi P & P: KB – Menaakul

Ilmu – Ekonomi
Pembelajaran Konstruktivisme

Bacaan Luas

Pengguna Bijak Faedahnya Banyak

Terdapat dua pihak utama dalam dunia perniagaan, iaitu penjual dan pengguna. Penjual ialah orang yang menjual barangan atau perkhidmatan manakala pengguna ialah orang yang membeli barangan atau perkhidmatan tersebut.

Dalam konteks perniagaan, pengguna ialah "raja". Walaupun begitu, ada pengguna yang tidak mengetahui hak-hak mereka sebagai pengguna ataupun "raja". Sebagai pengguna, kita perlulah bijak membuat pertimbangan semasa membeli barangan atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh peniaga. Beberapa aspek perlu dititikberatkan sebelum kita membuat keputusan untuk membeli barangan atau perkhidmatan supaya kita tidak tertipu atau menyesal.

Pertama sekali, kita perlu merancang dan membuat belanjawan sebelum membeli-belah. Hasilnya, kita akan dapat membuat perbandingan antara keperluan dengan kehendak melalui belanjawan itu. Sebagai pengguna yang bijak, keperluan mestilah diutamakan.

Seterusnya, kita perlulah peka akan harga semasa. Lihatlah katalog dan harga promosi barangan sebelum kita membeli-belah. Membeli barangan secara pukal lebih murah berbanding dengan membeli barangan dalam kuantiti yang sedikit. Oleh itu, rancanglah waktu yang sesuai untuk membeli barangan supaya kita menjadi pembeli yang berhemat.

Selain itu, kita janganlah mudah terpengaruh oleh iklan sesuatu barangan tanpa mengkaji terlebih dahulu akan kebaikannya. Di samping itu, elakkan diri daripada menggunakan kad kredit semasa membeli-belah. Penggunaan kad ini boleh menyebabkan kita cenderung untuk boros berbelanja. Oleh itu, bawalah wang tunai yang secukupnya ketika membeli barang. Akhir sekali, semak resit pembelian dan jumlah barangan yang kita beli selepas membuat bayaran.

Kesimpulannya, banyak perkara yang patut dititikberatkan sebelum membuat keputusan untuk membeli barangan dan perkhidmatan. Pengguna yang bijak akan sentiasa berjimat cermat, berfikir secara rasional dan memupuk tabiat suka menabung demi masa depan.

Pengguna Bijak

Sumber: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan

Pemulihan

Bina ayat dengan menggunakan maklumat yang diberikan.

Perniagaan Makanan Sejuk Beku

• Berpotensi

– pasaran luas
– mendapat sambutan
– pulangan tinggi



• Keistimewaan

– enak
– tahan lama
– harga berpatutan


• Jenis Produk

– pau
– karipap
– roti canai

Pengayaan

Tulis ayat dalam perenggan berdasarkan bahan grafik.

Usahawan yang Berjaya



• Kemahiran
– berfikir
– berkomunikasi
– berpengetahuan

• Sikap
– berdisiplin
– bersemangat
– bertanggungjawab

• Pengurusan
– kewangan
– masa
– kerja

Dengan ini **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baik dan bertanggungjawab atas kehilangannya serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan.

Skim Pinjaman Buku Teks

Sekolah _____

Tahun	Darjah	Nama Murid yang Menerima	Tarikh Terima

Nombor Perolehan: _____

Tarikh Penerimaan: _____

BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL